



# POLITIK MELAYU DAN DEMOKRASI

*Suntingan*  
**Yusof Ismail**

Universiti Islam Antarabangsa  
*dan*

**Khayati Ibrahim**  
Bekas Pensyarah Sambilan  
Akademi Islam, Universiti Malaya



Penerbit  
**A.S. NOORDEEN**

Cetakan Pertama 1996

© Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dari buku ini tidak boleh diterbitkan atau dihebahkan semula tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

## POLITIK MELAYU DAN DEMOKRASI

*Penyunting:*

**Yusof Ismail**

**Khayati Ibrahim**

ISBN 983-065-025-1

*Penerbit:*

**A.S. NOORDEEN**

Peti Surat: 10066  
50704 Kuala Lumpur

*Pengedar Tunggal:*

**PUSTAKA HAYATHI**

SH-14 Jalan Malawali  
Taman Setapak  
53000 Kuala Lumpur

Tel: 03-4236003      APB 741735  
Fax: 03-4213675


NASKHAR PENELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

3 MAY 1996  
*Dicetak Oleh:*

Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

Karya ini menyingkap zaman silam dua parti politik utama umat Melayu Muslim dan melapor peristiwa pilihanraya kelapan untuk dijadikan bahan renungan. Bagi para pembaca yang mengetahui sedikit sahaja tentang sejarah dan perkembangan PAS dan UMNO, buku ini diharap dapat menyumbangkan maklumat pengenalan kepada mereka. Bagi orang awam dan penganalisis politik, rencana-rencana ini mencerminkan paras kefahaman para pelajar menganalisis iklim politik tanah air sebagai satu latihan ilmiah. Buku ini juga mengajak para penyokong kedua-dua parti politik memikirkan langkah-langkah yang munasabah untuk mencapai kesejahteraan aqidah, bangsa dan tanah air.



# KANDUNGAN

## PENGENALAN

ix

## TERAS DAN POLITIK

### Bab 1

- Pencabulan terhadap Institusi Raja  
Berperlembagaan dalam Sistem Demokrasi  
Berparlimen  
(Rohaizah bt. Jaafar) 3

### Bab 2

- Politik dan Demokrasi di Malaysia 17 ~  
(Fadhilah bt. Abdul Aziz)

### Bab 3

- Integrasi Nasional dan Permasalahannya 31 ✓  
(Norlida bt. Jani)

### Bab 4

- Perpecahan Politik di Kalangan Melayu  
di Malaysia 42  
(Zalina bt. Sulong)

## **PAS DAN UMNO**

### **Bab 5**

- Jatuh Bangun Parti PAS di Kelantan**  
(Harumiyah bt. Abdullah)

63

### **Bab 6**

- Perjuangan UMNO-PAS:  
Antara Matlamat dan Realiti**  
(Saptuyah bt. Mahmud)

80

### **Bab 7**

- UMNO: Sejarah Ringkas  
Pembentukannya dan Penubuhan Semula 1988** - 90  
(Norizam bt. Hj Anuar)

### **Bab 8**

- Krisis UMNO-Semangat 46: Satu Tinjauan**  
(Rosnani bt. Othman)

115

### **Bab 9**

- Islamisasi di Malaysia, di antara Peranan  
dan Konflik UMNO-PAS**  
(Norhayati bt. Hashmi)

128

**Bab 10**

**Kerajaan Islam di Kelantan:**

**Rancangan dan Cabaran**

142

(Rashidah bt. Hj Roslan)

**PILIHANRAYA UMUM KELAPAN (1990)**

~~**Bab 11**~~

**Kuasa Melayu, Kematangan Rakyat**

**Berpolitik, dan Tinjauan Sekitar**

**Pilihanraya Umum 1990**

161

(Siti Zaharah bt. Abdul Hamid)



**Bab 12**

**Kekalahan Barisan Nasional di Kelantan**

**dan Keunggulannya di Negeri-negeri Lain**

188

(Che Adoni bt. Salleh)

**Bab 13**

**Senario Pilihanraya Kali Kelapan**

**di Malaysia: Perubahan dan Cabaran**

199

(Zarina bt. Salleh)

**Bab 14**

**Sejauh Manakah Gabungan Parti**

**Pembangkang telah menggugat Kedudukan**

**Parti Kerajaan dalam Pilihanraya Umum**

**Kelapan: Satu Tinjauan**

218

(Khadijah bt. Sidek)

## **SPR DAN PEMERHATI PILIHANRAYA**

### **Bab 15**

**Adakah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia  
Sebuah Badan Bebas?**

(Zakiah bt. Othman)

237

### **Bab 16**

**Pemerhati Pilihanraya di Malaysia -  
Adakah Perlu?**

(Nor Liza bt. Ahmad)

263

### **Bibliografi Pilihan Politik Malaysia**

(Anis Azura bt. Abdul Ghani dan  
Rosmah bt. Md. Daron)

273

### **Biografi Penulis**

286

## PENGENALAN

*K*ewujudan dua parti utama orang-orang Melayu - PAS dan UMNO - merupakan sebahagian dari catatan sejarah Malaysia. Rakyat Malaysia membaca atau mendengar mengenai kedua-dua parti tersebut hampir tiap hari. Mahu tidak mahu rakyat Malaysia akan menyebut atau mendengar nama kedua-dua parti sekurang-kurangnya sewaktu musim pilihanraya umum.

Buku ini berusaha menghimpun rencana-rencana siswa-siswi akademi Islam, Universiti Malaya, yang mengambil kursus pengantar Sains Politik bagi sesi 1990/91. Karya ini menyingkap zaman silam dua parti politik utama umat Melayu Muslim dan melapor peristiwa pilihanraya kelapan untuk dijadikan bahan ulangkaji dan renungan. Bagi para pembaca yang mengetahui sedikit sahaja tentang sejarah dan perkembangan PAS dan UMNO, buku ini diharap dapat menyumbangkan maklumat pengenalan kepada mereka. Bagi orang awam dan penganalisis politik, rencana-rencana ini mencerminkan paras kefahaman para pelajar menganalisis iklim politik tanah air sebagai satu latihan ilmiah.

Buku ini juga mengajak para penyokong kedua-dua parti politik memikirkan langkah-langkah yang munasabah untuk mencapai kesejahteraan aqidah, bangsa dan tanah air. Tiap rencana dalam buku ini boleh dibaca secara berasingan, walaupun kami ingin menganjurkan kepada pembaca supaya membaca semua rencana dalam sesuatu Bahagian untuk mendapat gambaran yang lebih lengkap dan seimbang mengenai sesuatu tema.

Penekanan utama kami ketika menyunting ialah menjelaskan sesuatu ayat dan meletakkan tajuk-tajuk kecil bagi tiap rencana, bilamana perlu. Jika ayat-ayat terlalu panjang, ia dipendekkan sambil berusaha sedaya upaya memelihara maksud asal penulis. Bagi rujukan yang tidak lengkap, penulis diminta memperlengkapkannya.

Oleh kerana beberapa masalah komunikasi dan teknikal, ada di antara penulis tidak dapat berbuat demikian. Setelah rencana-rencana berkenaan disunting selama beberapa kali, draf yang terakhir diserahkan kepada penulis untuk dibuat perubahan kali terakhir.

Rencana-rencana dalam himpunan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama yang terdiri dari **enambebas bab**: Bahagian Pertama - Teras Politik, Bahagian Kedua - PAS dan UMNO, dan Bahagian Ketiga - Pilihanraya Kelapan (1990).

## **BAHAGIAN PERTAMA (Teras Politik)**

Bahagian pertama buku ini membincangkan mengenai persoalan umum politik Malaysia.

Rohaizah Jaafar menulis mengenai institusi raja berperlembagaan dalam sistem demokrasi berparlimen. Beliau memberi keterangan tentang konsep raja berperlembagaan. jika konsep ini diketepikan, "maka ini bermakna raja dibenar berpolitik, bahkan mengundi dan menjadi wakil rakyat... maka baginda mestilah sanggup dicabar dan ditegur... maka raja sudah tidak menjadi raja lagi dalam ertikata biasa."

Rencana kedua membawa pembaca melihat kaitan antara politik dan demokrasi di Malaysia. Pertama, penulis Fadhilah Abdul Aziz menerangkan pengertian politik dan demokrasi, syarat-syarat demokrasi, dan ideologi sebagai alat politik. Beliau membuat kesimpulan, demokrasi di sesebuah negara masih wujud sekiranya ramai para pengkritik terhadap kerajaan (parti pemerintah) tidak ditangkap. Menurut beliau, demokrasi ala-Malaysia menggabungkan sistem pemerintahan tradisional tempatan (monopoli kuasa istana) dengan demokrasi barat.

Isu integrasi nasional yang dibangkitkan sekitar tahun 1970an dilihat semula oleh Norlida Jani. Beliau berkata masyarakat majmuk menimbulkan keperluan integrasi nasional, terutama di antara tiga kaum utama

di Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India. Politik perkauman wujud di tanah air sejak Merdeka, walaupun kerajaan cuba menekankan keperluan melahirkan identiti negara melalui kebudayaan nasional dan penubuhan Parti Perikatan (atau Barisan Nasional).

Rencana "Perpecahan Politik Melayu" merupakan pembuka jalan untuk membincangkan persaingan antara PAS dan UMNO dalam konteks politik tanah air. Beliau menyifatkan pertandingan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1981 antara Mahathir, Musa, dan Razaleigh sebagai punca perpecahan bangsa Melayu. Meskipun demikian, "perpecahan yang berlaku sekarang ialah lebih kuat gendang dari gerak dan tarinya." Penulis bertanya: Jika PAS dan UMNO sanggup berkongsi kuasa di Kelantan dalam tahun 1974, mengapa kedua-dua parti tersebut tidak boleh bersatu semula? Berkemungkinan para pemimpin lebih mengutamakan kepentingan "peribadi" daripada kepentingan masyarakat. Satu lagi kemungkinan ialah perpecahan ini merupakan perpecahan segelintir orang-orang Melayu, bukan kesemuanya.

## **BAHAGIAN KEDUA (PAS dan UMNO)**

Bahagian kedua buku ini membincangkan mengenai kedua-dua parti PAS dan UMNO secara lebih khusus.

Harumiyah Abdullah menulis tentang "Jatuh Bangun Parti PAS di Kelantan." Beliau membincangkan

faktor-faktor yang membawa kekalahan PAS hingga membolehkan Barisan Nasional memerintah Kelantan sejak tahun 1978 hingga 1990 (selama 12 tahun). Walaupun PAS pernah kalah tetapi parti itu "terus berjuang... kerana bagi pemimpin PAS perjuangan Islam tidak pernah padam dan dalam menegakkan Islam segala halangan mesti diatasi.". Akhirnya, gabungan Semangat 46, Berjasa dan PAS telah menumpaskan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 1990. Menurut penulis, Barisan Nasional telah mengalami kekalahan yang lebih teruk berbanding dengan kekalahan yang dialami oleh PAS pada tahun-tahun 1978 dan 1982.

Kertas seterusnya membandingkan antara matlamat dan realiti PAS dan UMNO. Bahagian awal karangan Saptuyah Mahmud menyorot sejarah ringkas kedua-dua parti. Matlamat UMNO ialah pragmatik, sedangkan PAS ialah Islam sejak awal penubuhannya. Beliau berharap agar kedua-dua parti itu bersatu untuk menjadi benteng Islam di rantau ini.

Bab 7 (Norizam Hj Anuar) menceritakan mengenai sejarah ringkas penubuhan UMNO dan penubuhan semula parti itu.

Bab 8 (Rosnani Othman) meninjau "Krisis UMNO-Semangat 46." Penulis memberikan pengertian Semangat 46 dan mengemukakan perbezaan ideologi

antara UMNO dan Semangat 46. Semangat 46 berpotensi menjadi parti pembangkang yang kuat, kata penulis.

Bab 9 masih membincangkan hubungan antara PAS dan UMNO, dan rancangan-rancangan mereka dalam proses Islamisasi di Malaysia. Kedua-dua parti politik itu saling mempertikaikan kemampuan pihak lawan untuk mempertahankan Islam. Penulis Norhayati Hashmi menggariskan peranan dan program-program PAS dan UMNO dalam proses Islamisasi. PAS dianggap bertindak sebagai pengawas kepada UMNO di Parlimen. Isu-isu lain yang terkandung dalam bab ini ialah: Apakah strategi perlaksanaan Islam oleh PAS dan UMNO? Siapakah yang lebih tulen pendekatannya? Apakah punca konflik PAS-UMNO? Apakah cara untuk menyatukan kedua-dua parti tersebut?

Bab 10 bertajuk "Kerajaan Islam di Kelantan: Rancangan dan Cabaran" (Rashidah Hj Roslan). Antara tajuk-tajuk yang dibicarakan ialah: Pakaian jururawat, penyertaan wanita dalam tilawah al Qur'an, larangan wanita berkerja waktu malam, dan hukum hudud.

### **BAHAGIAN KETIGA (Pilihanraya Umum Kelapan, 1990)**

Bab 11 "Kuasa Melayu, Kematangan Rakyat Berpolitik, dan Tinjauan Sekitar Pilihanraya Umum 1990" (Siti Zaharah Abdul Hamid). Menurut penulis, Pilihanraya

Umum 1990 mempunyai beberapa ciri baru. Beliau telah menemuramah beberapa pengundi di Rantau, Negeri Sembilan untuk meninjau 'kematangan rakyat'. Menurut para pengundi, "Hari pembuangan undi bukanlah hari untuk berfikir lagi kerana kita sudah lama membuat keputusan." Dalam bab ini, penulis merakamkan tema-tema parti-parti politik yang bertanding, gelagat parti-parti politik menjelang Pilihanraya Umum dan harapan para pemimpin. Nampaknya, pilihanraya kali ini (1990) "menentukan orang Melayu terus mengekalkan kuasanya". Menurut penulis, kesengitan persaingan dalam pilihanraya mencerminkan kematangan rakyat.

Che Adoni Salleh menganalisis "Kekalahan Barisan Nasional di Kelantan dan Keunggulannya di Negeri-negeri lain." Pilihanraya kali ini (1990) menumbangkan tokoh-tokoh veteran UMNO seperti Tengku Ahmad Rithaudeen, Dato' Hussin Ahmad, Datuk Abdullah Ahmad, dan Dato Ahmad Rustam. Ini menunjukkan rakyat Kelantan "sudah jemu dengan Barisan Nasional". Penulis memberikan sebab-sebab kekalahan Barisan Nasional di Kelantan. Ideologi konservatif (mempertahankan apa yang ada) UMNO di Kelantan dikaitkan dengan ketokohan Dr. Mahathir.

Zarina Salleh membuat liputan Pilihanraya Umum Ke Lapan dalam Bab 13. Beliau berpendapat, muka-muka baru dalam barisan pembangkang dapat menyumbangkan kepada kesuburan politik tanah air.

Bab ini juga mengemukakan faktor-faktor kekalahan Barisan Nasional di Kelantan dan faktor-faktor kemenangan Angkatan Perpaduan Ummah. Menurut beliau, imej Tuan Guru Hj Nik Aziz dan Tengku Razaleigh Hamzah memainkan peranan utama mengalahkan Barisan Nasional yang lebih lengkap dari segi material. Rencana ini membangkitkan penglibatan mahasiswa AMAN (pro-Kerajaan) dan GAMIS (pro-pembangkang) dalam pilihanraya dan nampaknya kewujudan ini tidak dibantah oleh Kementerian Pendidikan. Penarikan PBS (Parti Bersatu Sabah) memberi tamparan hebat terhadap kekalahan Barisan Nasional di Sabah. Perlantikan ahli politik tewas (Encik Anuar Musa) sebagai Timbalan Menteri membuat setengah-setengah pihak berpendapat ini satu usaha memperli pihak istana. Di samping itu, pengarang bertanya: Bolehkah wujud sistem dua parti di Malaysia?

Bab 14 membincangkan kedudukan parti pembangkang dalam pilihanraya ke lapan. Khadijah Sidek berkata terdapat garis pemisah yang jelas antara Barisan Nasional dan Gabungan Pembangkang dalam pilihanraya umum ke lapan. Perdana Menteri menganggap gabungan ini "cara marba" manakala pemerhati politik menyifatkan perkembangan ini positif bagi proses demokrasi tahun-tahun 1990an. Tema kempen Barisan Nasional ialah "kestabilan", manakala tema Pembangkang "perubahan." Barisan Pembangkang berpendapat media massa berat sebelah. Penarikan

PBS dari BN menyebabkan BN lebih prihatin dengan Islam. Bab ini mendedahkan taktik-taktik kempen pilihanraya. Meskipun UMNO menang, ia masih lemah kerana kepuakan dan perpecahan dalam parti itu sendiri, ramai di kalangan para pengundi inginkan perubahan. Meskipun demikian, para pengundi tidak begitu yakin Gabungan Pembangkang mampu memberikan kerajaan alternatif." Persoalan ideologi dan dasar parti... menjadi halangan besar ke arah satu pakatan yang mantap.

Isu bahasa dan agama, misalnya, sudah cukup untuk menggagalkan sesuatu perundingan di antara parti...". Apakah pakatan sentiasa menemui kegagalan?

Bab terakhir (Bab 15) mengemukakan persoalan serius" Adakah Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia Sebuah Badan Bebas?" (Zakiah Othman). Bab ini membincangkan antara lain fungsi pilihanraya dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan menunjukkan bahawa ada campurtangan kerajaan dalam SPR kerana Yang Dipertuan Agong melantik ahli-ahli SPR setelah dinasihat oleh Perdana Menteri, ini berbeza dengan kuasa-kuasa Agong seperti termaktub dalam Perkara 40(2). Adalah disyaki SPR terlibat dengan kerajaan yang memerintah. Oleh kerana itu disarankan agar pilihanraya diserahkan sepenuhnya kepada SPR.

Nor Liza Ahmad menyatakan dalam Bab 16 "Pemerhati Pilihanraya Di Malaysia - Adakah Perlu?"

Dalam Pilihanraya Umum 1990, ada dua lagi badan pemerhati pilihanraya selain dari Pemerhati Komanwel, yakni Pengesaran Pilihanraya dan Warganegara Prihatin. Isu utama ialah: Adakah Pemerhati Komanwel itu diperlukan? Pendapat beberapa tokoh mengenai proses pemerhatian dikemukakan dalam rencana ini.

Bibliografi Pilihan (susunan Anis Azura dan Rosmah Daron, kedua-dua graduan UIA) mengakhiri buku ini.

Pembaca semestinya bersifat kritikal sewaktu membaca dan menapis tiap rencana secara menyeluruh. Ada sahaja kekurangan di sana sini. Misalnya, rujukan yang tidak lengkap dan tidak tepat. Maklumlah ini mungkin kali pertama bagi mahasiswa penulis menerbitkan karya mereka untuk bacaan awam. Kekurangan-kekurangan ini - yang semestinya perlu dibaiki berterusan - tidak mengurangkan mutu persembahan dan analisis sesebuah rencana. Walau bagaimanapun, kami yakin pembaca dapat memaafkan kami semua di atas segala kekurangan.

Untuk pengetahuan pembaca, manuskrip ini lewat diterbitkan kerana kedua-dua penyunting bersama terpaksa pergi ke luar negara sebaik sahaja kerja-kerja penyuntingan diselesaikan. Kami berharap agar para penyumbang rencana buku ini (berkaitan dengan Sains Politik) dan buku sebelum ini (berkaitan dengan

Pentadbiran Awam) yang bertajuk DASAR-DASAR KERA-JAAN MALAYSIA dapat menghubungi kami di Universiti Islam Antarabangsa. Kami ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para penulis rencana dan sesiapa sahaja yang membantu secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan penerbitan karya ini. Kami ingin merakamkan penghargaan kami kepada penerbit, A.S. Noordeen, kerana sudi menerbitkan buku ini sebagai sumbangan positif kepada dunia akademik.

Kami berharap agar kumpulan rencana ini dapat menjadi sebahagian dari catatan sejarah Malaysia. Pembaca semestinya dapat membuat kesimpulan masing-masing dan memikirkan cara-cara yang berpotensi mewujudkan persatuan yang hakiki di kalangan orang-orang Melayu Muslim di tanah air.

Selamat membaca dan berfikir.

**Yusof Ismail**  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa

**Khayati Ibrahim**  
Bekas Pensyarah Sambilan  
Akademi Islam, Universiti Malaya





# *Teras dan Politik*



## PENCABULAN TERHADAP INSTITUSI RAJA BERPERLEMBAGAAN DALAM SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN

### PENDAHULUAN

Sistem Raja Berperlembagaan adalah berlandaskan kepada kuasa rakyat seperti yang digariskan dalam semua bahagian dan bab-bab Perlembagaan Malaysia. Hak-hak serta larangan-larangan kepada rakyat dan juga Raja-raja disenaraikan. Dan undang-undang mengenainya digubal dan diluluskan oleh wakil-wakil rakyat di Parlimen. Raja Melayu hanyalah lambang yang menjalankan fungsi *expressive* ataupun simbolik.

Konsep Raja Berperlembagaan melarang baginda mencampuri politik atau bidang-bidang lain (seperti perniagaan) yang boleh merendahkan martabat baginda. Raja-raja Melayu hendaklah menerima hakikat

bahawa Raja Berperlembagaan baginda sebenarnya tidak mempunyai kuasa mutlak.<sup>1</sup> Campurtangan istana dalam urusan politik kebelakangan ini telah menimbulkan pandangan rendah rakyat terhadap institusi raja. Ketika berucap di Perhimpunan Agong UMNO, Encik Shaharuddin memberi contoh mengenai beberapa tindak-tanduk raja-raja yang tidak wajar dilakukan termasuk langkah AlMarhum Sultan Perak mencukur janggut kerana berjaya ‘menggulingkan’ Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi sebagai Menteri Besar.<sup>2</sup>

### **SEJARAH ASAL-USUL RAJA BERPERLEMBAGAAN**

Identiti dan tamadun Melayu mula wujud apabila orang Melayu bergabung di bawah raja. Suku-suku Melayu yang sebelumnya hidup sebagai kelompok-kelompok ‘parochial’ yang kuno dan berselerak di merata-rata digabungkan ke dalam kumpulan yang lebih besar dan luas jajahannya di bawah takluk raja. Raja menjadi ‘hulu’ yang menyatukan semua kumpulan dan suku Melayu. Syarat-syarat penggabungan ini dimaktubkan dalam piagam atau perlumbagaan. Perlumbagaan paling awal yang diketahui sehingga kini ialah perjanjian keramat yang dibuat di antara Demang Lebar Daun (penghulu satu suku kaum Melayu di Palembang) dan Sang Sa Purba (raja Melayu yang pertama berketurunan dari Iskandar Zulkarnain).

Dalam perjanjian yang dipersetujui oleh Sang Sa Purba dan Demang Lebar Daun, dicatatkan bahawa raja

bergantung pada rakyat untuk mendapat sara hidup dan lain-lain keperluan lahiriah. Manakala rakyat pula akan memainkan peranan untuk menghidupkan status raja-raja Melayu. Dalam perjanjian tersebut, Sang Sa Purba dan Demang Lebar Daun bersumpah, barang siapa yang mengubah dan mencemarkan perjanjian, dibalikkan bumbung ke bawah dan kaki tiang ke atas. Demang Lebar Daun juga menetapkan bahawa anak cucunya tidak boleh digantung, diikat dan jika raja memberi aib kepada orang-orang Melayu, akan binasalah negeri pemerintahannya.<sup>3</sup>

Penabalan raja Melayu yang pertama yang berdasarkan perlembagaan membuktikan kepada kita bahawa sistem raja di alam Melayu dari awal lagi adalah sistem Raja Berperlembagaan.

## **BIDANG KUASA RAJA BERPERLEMBAGAAN**

### ***Pihak Berkuasa Persekutuan***

Jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos, 1957. Yang di-Pertuan Agong merupakan seorang raja berperlembagaan yang memerintah mengikut kuasa yang diberikan kepada baginda oleh Perlembagaan. Sebagaimana yang dapat kita saksikan dari sumpah yang baginda lafazkan di hadapan Majlis-majlis Raja-raja dengan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara. Dalam sumpah yang dilafazkan itu baginda berikrar

bahawa baginda "dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan adilnya pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut undang-undang dan perlembagaannya yang telah disahkan dan dimasyhurkan dan yang akan disah dan dimasyhurkan di masa hadapan.". <sup>4</sup>

Yang di-Pertuan Agong, Raja kita, ialah Kepala Utama Negara bagi Persekutuan mengikut Perlembagaan.<sup>5</sup> Sebagai Kepala Utama Negara, perlembagaan memberinya keutamaan ke atas semua Raja.<sup>6</sup> (nama umum bagi tujuh orang Sultan dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan serta Raja Perlis yang juga setaraf dengan Sultan). Sebagai ketua negara, Yang di-Pertuan Agong ialah ketua tiga cabang kerajaan:

- a. Badan perundangan
- b. Eksekutif
- c. Badan kehakiman

Yang DiPertuan Agong ialah sebahagian daripada komponen Parlimen,<sup>7</sup> dan sebagai ketua badan perundangan mempunyai peranan yang penting dalam urusan badan tersebut, seperti memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, sekalipun baginda tidak mengambil bahagian dalam sesi biasa.

Diantara tugas Yang di-Pertuan Agong sebagai

**Pencabulan Terhadap Institusi Raja  
Berperlembagaan Dalam Sistem  
Demokrasi Berparlimen**

---

kuasa pentadbir adalah seperti berikut :

- a. bertindak mengikut nasihat Kabinet dalam urusan pentadbiran,
- b. mendapatkan maklumat mengenai pemerintahan negara,
- c. merasmi dan membubarkan persidangan Parlimen,
- d. membuka dan menutup persidangan Parlimen,
- e. melantik Perdana Menteri,
- f. melantik Kabinet/Jemaah Menteri yang dinamakan oleh Perdana Menteri,
- g. mengisyiharkan darurat dalam negara atau undang-undang tentera apabila keadaan memerlukan. Baginda adalah pemerintah angkatan tentera,<sup>8</sup> dan mentauliahkan perlantikan pegawai-pegawai angkatan tentera, tetapi baginda tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah kepada mereka.<sup>9</sup>
- h. mentauliahkan duta negara ke luar negeri dan menerima tauliah duta negara asing,
- i. bertindak mengikut budibicara baginda dalam:
  - i. melantik Perdana Menteri.<sup>10</sup>
  - ii. menolak permintaan membubarkan Parlimen.<sup>11</sup>
  - iii. perkara-pekerjaan mengenai mesyuarat Majlis Raja-raja yang keseluruhannya berkaitan dengan keistimewaan, kedudukan, kehormatan, kebesaran raja-raja dan sebarang tindakan dalam mesyuarat itu.<sup>12</sup>

iv. fungsi lain yang disebutkan dalam Perlembagaan.

Sebagai ketua badan kehakiman, baginda melantik Ketua Hakim Negara, dua orang Ketua Hakim di Mahkamah Agong dan dua Mahkamah Tinggi<sup>13</sup> Baginda juga terlibat dalam perlantikan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan Majistret di Wilayah Persekutuan dan keadilan diberi atas nama baginda. Sebagai sumber keadilan baginda mempunyai kuasa mengampunkan kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera, kesalahan yang dilakukan di Wilayah Persekutuan dan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Syariah di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan kerana baginda menjadi ketua agama Islam di negeri-negeri tersebut.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, baginda tidak mempunyai kuasa untuk membicarakan kes yang mengenakan hukuman penjara atau mendenda salah secara peribadi. Atas kedudukan peribadi baginda, baginda tidak dapat dihukum oleh sebarang prosiding di mana-mana mahkamah<sup>15</sup> tetapi jika sekiranya baginda melakukan kesalahan dari segi kedudukan rasminya, rakyat yang terkilan boleh mendakwa dengan menamakan Kerajaan Persekutuan sebagai defenden.

Dalam bidang agama, baginda kekal menjadi ketua agama di negeri baginda dan juga ketua agama di negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.<sup>16</sup>

Tidak wujud ketua agama untuk seluruh Malaysia. Yang di-Pertuan Agong bukanlah raja autokratik. Perlembagaan menentukan baginda bertindak mengikut nasihat kabinet<sup>17</sup> atau menteri yang diberi kuasa kabinet (biasanya Perdana Menteri) kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh perlembagaan.

### **Pihak Berkuasa Negeri**

Tiap-tiap negeri di dalam Persekutuan (kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak) mempunyai raja yang mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja negeri ini mengikut perlembagaan negeri yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.<sup>18</sup> Semua perlembagaan negeri telah memperuntukkan dengan jelas siapa yang berhak menjadi Raja dan siapa yang menjadi waris-waris takhta.

Kedaulatan dan warisan Raja telah dijamin dan kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam telah diperakukan semenjak 1957 iaitu Raja berperlembagaan. Dengan yang demikian seorang Raja, seperti juga Yang di-Pertua Negeri, dalam menjalankan tugas-tugasnya dikehendaki mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau nasihat seorang ahlinya yang bertindak di bawah kuasa am<sup>19</sup> Majlis itu kecuali perkara-perkara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri.

Fungsi Raja/Yang di-Pertua Negeri dalam Pentad-

biran Negeri:

- a) Raja/Yang di-Pertua Negeri boleh bertindak mengikut budi bicaranya melantik seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- b) Raja/Yang di-Pertua Negeri boleh mengikut budibicaranya menolak permintaan Menteri Besar atau Ketua Menterinya supaya membubarkan Dewan Undangan Negeri; berkuasa membubarkan Dewan Undangan Negeri apabila diminta oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- c) Raja/Yang di-Pertua Negeri hendaklah bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau seorang Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- d) Raja/Yang di-Pertua Negeri hendaklah melantik ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari kalangan orang-orang yang dinamakan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.
- e) Hanya Raja sahaja berfungsi sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Raja sesebuah negeri boleh untuk tidak bersetuju mengikuti upacara atau amalan agama Islam Kerajaan Persekutuan.
- f) Yang di-Pertua Negeri tidak boleh menjadi ketua agama Islam di negeri masing-masing. Fungsi ini diambil alih oleh Yang di-Pertuan Agong.
- g) Raja hendaklah melantik anggota Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam Negeri masing-masing.

Fasal 2 perkara 181, memperuntukkan bahawa tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesebuah negeri atas sifat peribadi baginda dan fasal ini membayangkan bahawa baginda boleh didakwa atas sifat rasmi baginda. Sultan Pahang telah memecat seorang kadi dari jawatannya dan kadi itu telah mengambil tindakan mendakwa bukan terhadap Sultan tetapi terhadap Kerajaan Negeri sebagai defenden.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini berku-  
atkuasa hanya di Malaysia. Namun begitu bolehlah dianggap bahawa taraf Raja pemerintah yang berdaulat masih berkemungkinan diakui oleh Kerajaan British sekiranya Raja-raja itu didakwa dalam sebuah mahkamah di England.<sup>20</sup>

Raja Berperlembagaan juga mempunyai ketidak-upayaan yang lain. Baginda tidak boleh memegang jawatan yang mendatangkan saraan.<sup>21</sup> Baginda tidak dibenarkan terlibat secara aktif dalam sebarang syarikat perdagangan.<sup>22</sup> Adalah tidak munasabah Raja yang sekaligus menjadi kapten sebuah industri.

## **PERMASALAHAN SEMASA**

Perbuatan mengheret raja dalam kancang politik seperti yang dilakukan oleh sesetengah pemimpin adalah 'satu

dosa' dalam amalan sistem demokrasi di negara ini. Oleh itu UMNO tentu bersalah jika membiarkan golongan berkenaan terus-menerus membabitkaan istana bagi memenuhi kepentingan politik mereka. UMNO tidak rela Raja-raja diseret dalam politik kerana rakyat secara langsung akan terpengaruh untuk menyebelahi calon yang disokong oleh istana. Sehubungan itu, UMNO Selangor mencadangkan supaya ditentukan segera pendirian terhadap Sultan Kelantan yang dikatakan terbabit dalam politik.<sup>23</sup>

Menurut Pemuda UMNO dalam kes ini, usul itu akan menegaskan mengenai apa yang telah berlaku di Negeri Kelantan di mana pihak yang menduduki institusi raja-raja sama ada secara sedar atau tidak telah diperalatkan untuk campurtangan dalam politik bermula dari krisis UMNO pada tahun 1987 sehingga tamatnya pilihanraya umum yang lalu. Pemuda UMNO, mempunyai bukti yang cukup mengenai penglibatan pihak istana dalam kancan politik tanahair.<sup>24</sup>

Pemerintahan oleh raja semestinya tidak boleh demokratik kerana raja tidak boleh ditukar. Sebaliknya pemerintahan yang diketuai oleh rakyat biasa yang dipilih melalui proses demokrasi boleh ditukar melalui proses yang sama. Sudah tentu jika seorang rakyat yang dipilih menerajui kerajaan tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan atau melakukan apa-apa kesalahan ia boleh disingkir atau didakwa di mahkamah. Pada

kebiasaan raja tidak boleh dihadapkan di mahkamah dan tidak boleh disingkir. Dengan itu kerajaan oleh raja tetap akan menjadi kerajaan mutlak yang tidak demokratik.

Jika apa yang tidak dilarang secara khusus dibolehkan, ini bermakna raja dibenar berpolitik, bahkan mengundi dan menjadi wakil rakyat, Menteri Besar atau Perdana Menteri dalam sistem Demokrasi Berparlimen. Hanya yang ditegah dalam perlembagaan secara khusus bagi raja-raja ialah memegang jawatan yang bergaji dan berniaga. Jika raja berpolitik dalam sistem demokrasi, maka raja mestilah sanggup dicabar dan digugur. Dalam suasana sedemikian maka raja sudah tidak menjadi raja lagi dalam ertikata biasa. Sebaliknya di Malaysia, kita menerima dan inginkekalkan raja yang tidak boleh disingkir oleh rakyat.

Sedikit sebanyak raja mempunyai pengaruh. Ada sahaja orang yang ingin menggunakan pengaruh itu. Oleh itu jika ada sesiapa yang menegur raja demi memeliharkan kedudukan raja, ada pula orang yang akan cuba mengambil kesempatan untuk menimbulkan kebencian raja kepada orang yang menegur. Dalam arena politik jika pihak yang bertanggungjawab menasihat raja cuba menegur raja, maka ini mungkin digunakan oleh musuh politik yang menegur untuk mendapat sokongan dan simpati raja dengan tujuan menggunakan pengaruh raja dalam arena politik.

## **CADANGAN**

Terdapat beberapa cadangan untuk mengelakkan konflik status antara rakyat dan raja dari berterusan. Diantara cadangan tersebut ialah :

- a) Satu kefahaman yang mendalam tentang kedudukan ekonomi dan politik negara diberikan kepada golongan istana. Kesedaran kepada lingkungan had-had sumber kewangan negara perlu dijelaskan supaya raja-raja tahu perbelanjaan negara.
- b) Majlis Amanah Kerabat Anak-anak Raja yang berfungsi seperti MARA ditubuhkan untuk mengelakkan anak-anak raja menjadi broker tender.
- c) Bakal-bakal pengganti raja diberi kursus dalam bidang agama dan pentadbiran dasar-dasar ekonomi dan budaya politik.
- d) Rang undang-undang dan peraturan yang mengharamkan sesiapa menggunakan nama raja untuk kepentingan politik dan ekonomi.

## **PENUTUP**

Perbuatan membabitkan istana dalam kancang politik merupakan perbuatan yang dilarang oleh perlembagaan dan mencemar peranan raja dan kedudukannya. Jika dibiarkan berterusan tindaktanduk itu hanya akan merosakkan institusi raja berperlembagaan. Sebagaimana yang kita ketahui institusi raja berperlemb-

**Pencabulan Terhadap Institusi Raja  
Berperlembagaan Dalam Sistem  
Demokrasi Berparlimen**

---

bagaan memainkan fungsi yang bertanggungjawab terhadap rakyat untuk menjaga keamanan negara, kesejahteraan rakyat dan hak istimewa orang Melayu.

## **NOTA AKHIR**

- <sup>1</sup> *Utusan Malaysia*, Isnin, 3 Disember 1990.
- <sup>2</sup> *Mingguan Malaysia*, Ahad, 2 Disember 1990.
- <sup>3</sup> *Berita Harian*, Isnin, 3 Disember 1990.
- <sup>4</sup> Tun Mohamed Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, 1987, hal. 32.
- <sup>5</sup> *Perlembagaan Persekutuan*, perkara 32.
- <sup>6</sup> Ibid Perkara 32(1).
- <sup>7</sup> Ibid. Perkara 44.
- <sup>8</sup> Ibid. Perkara 41.
- <sup>9</sup> Tun Mohamed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hal. 26.
- <sup>10</sup> Op-cit. Perkara 40(2)(a).
- <sup>11</sup> Ibid. Perkara 40(2)(b).
- <sup>12</sup> Ibid. Perkara 40(2)(c).
- <sup>13</sup> Ibid. Perkara 122B(1).
- <sup>14</sup> Ibid. Perkara 42(1).
- <sup>15</sup> Ibid. Perkara 32(1).
- <sup>16</sup> Ibid. Perkara 3(3).
- <sup>17</sup> Ibid. Perkara 40(1).
- <sup>18</sup> Ibid. Perkara 7(1).
- <sup>19</sup> *Perlembagaan Persekutuan*, Jadual Kelapan Seksyen 1(1).
- <sup>20</sup> *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, op-cit. hal. 59.
- <sup>21</sup> Op-cit. Perkara 34(2).
- <sup>22</sup> Ibid. Perkara 34(3).
- <sup>23</sup> *Berita Harian*, Isnin, 3 Disember 1990..
- <sup>24</sup> *Utusan Malaysia*, Selasa, 27 November 1990.

## POLITIK DAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

### PENDAHULUAN

**P**erkataan Politik berasal dari perkataan Greek iaitu 'polisi' yang bermakna 'city state' atau negara kota atau kelompok masyarakat yang tersusun dalam sebuah kota. Di dalam negara kota inilah manusia mula belajar mengagihkan sumber-sumber dan belajar hidup bermasyarakat, berinteraksi dan seterusnya menujuhkan sebuah kerajaan.

Aristotle seorang ahli sains politik, telah mengatakan bahawa manusia adalah haiwan politik kuno kerana manusia suka bertindak dan tindakannya itu melibatkan ahli masyarakat. Apabila kegiatan manusia mencapai peringkat yang kompleks iaitu negara kota moden menjadi besar, di sinilah bermula manusia

memerlukan kesenian dan cara untuk membuat keputusan bagi menyusun kehidupan. Inilah yang menyebabkan timbulnya sains politik iaitu sains yang diperlukan untuk mengatur kehidupan manusia.

## **DEMOKRASI**

Demokrasi bermakna satu sistem pemerintahan negara oleh rakyat menerusi wakil-wakil mereka yang dipilih dalam pilihanraya.<sup>1</sup> Banyak definisi demokrasi telah dirumuskan. Adakalanya terlalu ringkas seperti kerajaan untuk rakyat, satu bentuk kerajaan di mana pemerintah bertanggungjawab ke atas orang yang diperintah atau kerajaan secara perbincangan. Demokrasi adalah sistem politik di mana rakyat boleh memilih di antara pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin politik yang bertanding. Rakyat tidak boleh dan tidak dibenarkan menjalankan pemerintahan sendiri tetapi mereka boleh mengawal kerajaan. Dalam demokrasi, rakyat menentukan bentuk perkembangan sistem politik.

Dalam bidang pentadbiran politik pemilihan pemimpin dan penamaan calon ditentukan oleh para pengundi. Pengundilah yang akan menentukan beberapa perkara penting supaya kerajaan dapat diteruskan. Keputusan pilihanraya adalah berdasarkan kepada pilihan yang sihat untuk kepentingan umum. Orang yang mengundi mempunyai syarat-syarat yang tertentu seperti berikut:

1. Mestilah menjadi warganegara negara tersebut.

2. Cukup umur, iaitu 21 tahun ke atas.
3. Bermustautin di sesebuah negara atau bermustautin di daerah di mana dia mengundi.
4. Telah mendaftar untuk menjadi pengundi.<sup>2</sup>

Jean Jeques Rousseau yang dikenali sebagai ahli demokrasi telah memikirkan cara-cara membentras dan membasmikan pemerintahan autokrasi dengan menggunakan satu solusi iaitu pemerintahan demokrasi yang diutarakan dalam bukunya *Le Contract Social* pada tahun 1972. Pemerintahan autokrasi pada pandangan beliau adalah tidak sah kerana pembentukan negara adalah berpunca dari kontrak yang diadakan oleh rakyat sesama rakyat sesuai dengan kejadian insan yang perlu hidup dalam masyarakat. Menurut beliau, negara dibentuk dengan kehendak ramai rakyat, oleh kerana itu kuasa dan kedaulatan negara adalah kuasa dan kedaulatan rakyat, dan pemerintahan adalah pemerintahan rakyat iaitu pemerintahan demokrasi.

Faktor-faktor negara disisi Rousseau terdiri dari tiga perkara iaitu:

1. Bidang tanah (wilayah)
2. Rakyat
3. Pemerintah.

Perhubungan antara pemerintah dengan rakyat bersifat organik di mana pemerintah datang dari rakyat,

memerintah untuk rakyat dan kerana rakyat berdasarkan kebebasan dan keadilan masyarakat.

Sesebuah negara dinamakan negara demokrasi jika sumber undang-undangnya berpunca dari kehendak rakyat menerusi perantaraan wakilnya dalam usaha menggubal perlumbagaan, membuat ketetapan dan pentadbiran sekurang-kurangnya dengan pesetujuan majoriti  $50 + 1$ .<sup>3</sup>

### **SYARAT-SYARAT DEMOKRASI**

Terdapat dua syarat yang menjadi asas utama dalam pembentukan negara demokrasi:

1. Persamaan politik, dan
2. Kebebasan politik.

Persamaan politik bermaksud memberi peluang yang sama kepada setiap individu untuk melibatkan diri dalam kerajaan tanpa mengira keadaan individu, sama ada kaya mahupun miskin.

Kebebasan politik tidak bermaksud setiap orang itu sekurang-kurangnya bebas dalam setiap aspek. Untuk menuju ke arah demokrasi yang berjaya ia memerlukan dua konsep:

1. Individu adalah bebas dari cengkaman pemerintah. Dalam masyarakat demokrasi, kebebasan merupakan milik individu.

2. Individu mempunyai hak menyuarakan dan mengawal kerajaan sendiri.

### **IDEOLOGI SEBAGAI SUATU ALAT POLITIK**

Ideologi merupakan suatu kepercayaan yang ikhlas atau suatu alat politik, tetapi kebiasaannya ia merupakan gabungan kedua-duanya sekali. Memang sukar untuk menganalisa sesuatu sistem pemikiran tertentu dengan tujuan untuk menentukan bilakah seseorang jurucakap itu menggunakan pemikiran tersebut untuk kepentingan politik dan bilakah pula ia bertindak secara ikhlas untuk mencapai cita-citanya. Oleh kerana pemimpin-pemimpin demokrasi tidak boleh diletakkan di bawah pengawasan seorang ahli kaji jiwa, maka perasaan mereka mestilah disimpulkan berdasarkan ucapan dan perbuatan mereka serta ulasan yang dibuat oleh orang-orang yang rapat dengan mereka. Namun demikian, terdapat sedikit keraguan tentang apakah ideologi-ideologi itu dibentuk dan disalurkan secara sedar dalam mencapai sesuatu matlamat.

Idea mengenai demokrasi yang dipraktikkan di Malaysia telah menampakkan kejayaan walaupun tidak seratus peratus. Permuafakatan di antara parti pembangkang dan parti pemerintah belum boleh dibanggakan.<sup>4</sup>

Kelahiran berbagai bentuk parti politik adalah satu unsur warisan penjajahan Barat yang telah diterima

oleh hampir semua negara termasuk Malaysia. Selalunya 'parti' merupakan sebuah badan parlimen sementara yang mempunyai organisasi tempatan kerana dalam banyak keadaan ia ditubuhkan atas keputusan kerajaan. Dalam setengah kes parti hanya berperanan untuk memberitahu kepada pemimpin perasaan tidak puas hati yang terdapat di kalangan rakyat.

### **POLITIK DAN DEMOKRASI DI MALAYSIA**

Pilihanraya umum kelapan (1990) baharu sahaja berlalu. Meskipun demikian kepanasananya masih lagi terasa. Berbulan-bulan dan berminggu-minggu selepas tanggal 20 dan 21 haribulan Oktober 1990 seluruh warganegara Malaysia khususnya terus bercakap tentangnya dan ada di kalangan mereka yang mengatakan bahawa "Sudah tidak wujud demokrasi di Malaysia". Adakah kata-kata ini benar? Sekiranya benar sudah lama orang-orang yang berpendapat sedemikian ditangkap tetapi keadaan ini tidak berlaku dan pengucapnya tidak pernah ditangkap. Walaupun Barisan Nasional di bawah pemerintahan Dato' Seri Dr. Mahathir berjaya sekali lagi dengan memenangi dua per tiga kerusi parlimen, namun di Kelantan dan Sabah, PAS dan PBS telah membentuk kerajaan pembangkang. Dalam aktiviti agama tiada siapa pun dihalang untuk menganut dan mengamalkan pelbagai agama yang dipilih dan diyakini. Dalam aktiviti media massa pula berapa banyakkah penulis dan wartawan dipenjarakan kerana ketajaman pena mereka?

Aristotle adalah diantara ahli pemikir yang tidak menggemari demokrasi kerana katanya demokrasi hanyalah cara atau muslihat untuk mendapatkan kuasa. Manakala Hosti pula beranggapan bahawa demokrasi dalam pengertian sebenar tidak wujud, tetapi yang wujud hanyalah elemen yang hampir dengan demokrasi yang disebut sebagai 'poliarki'.<sup>4</sup>

Jika kita berbicara tentang demokrasi, misalnya kita dapati negara-negara Eropah seperti England, Perancis, Itali, Jerman Barat, negara-negara Skandinavia, Amerika Syarikat dan Kanada semuanya mengaku mengamalkan demokrasi; tetapi tiap satunya berbeza. Amerika Syarikat misalnya dicirikan oleh sistem dua parti, sementara England tiga parti, dan negara-negara Eropah yang lain berbilang parti. Pada praktiknya demokrasi Eropah lebih condong ke arah sosialisme manakala Amerika Syarikat pula adalah contoh negara kapitalis yang mengamalkan 'laissez-faire' sebebas-bebasnya.<sup>5</sup>

Apabila berbicara tentang politik, seperti kata Harold Laswell, ia menyentuh tentang persoalan apa, bagaimana dan siapa mendapat apa. Idea utama yang mendukung aktiviti ini ialah kuasa. Jadi di sini dapatlah kita ketahui bahawa politik itu adalah aktiviti untuk mendapatkan dan mengekalkan kuasa. Jadi demokrasi sebagai satu proses di dalam sistem berpolitik adalah satu kaedah menghalalkan cara, kata Niccolo Machiavelli.

Jika kita lihat negara kita sendiri iaitu Malaysia budaya berpolitik dan kaedah demokrasi itu sudah wujud sekian lama malah boleh dikatakan semenjak zaman patrimonial lagi. Kaedah demokrasi dalam hirarki kekuasaan yang dimaksudkan ialah tentang terbentuknya satu rangkaian perwakilan peringkat bawah (kampung), daerah jajahan, negeri hingga ke peringkat atas. Cara yang lazim ialah pemilihan ketua di kalangan peringkat bawah oleh kepimpinan peringkat atas yang harus disokong oleh pengikutnya. Setelah kedatangan penjajah British mereka telah memperkenalkan sistem demokrasi. Masyarakat kita tidak menolak malah kita menggabungkan antara kaedah yang wujud dalam amalan dan tradisi masyarakat Melayu dengan sistem yang baru diperkenalkan iaitu sistem demokrasi. Dengan gabungan kedua-dua itu jadilah cara berpolitik dan sistem demokrasi ala-Malaysia.

Mekanisma menentukan kerajaan secara demokratik menerusi pilihanraya telah diperkenalkan pada tahun 1952. Pada tahun tersebut pilihanraya kerajaan tempatan bagi beberapa bandar besar di Malaysia termasuk Kuala Lumpur telah diadakan. Ini diikuti oleh pilihanraya seluruh negara yang pertama untuk memilih sebuah kerajaan persekutuan pada tahun 1955. Pilihanraya pertama setelah Tanah Melayu merdeka telah diadakan pada tahun 1959. Sejak dari itu amalan menentukan pemimpin kerajaan secara demokratik di peringkat negeri dan pusat diadakan setiap empat atau

lima tahun sekali. Prinsip ini juga telah digunakan untuk menentukan pimpinan pelbagai pertubuhan dan persatuan.

Sebenarnya demokrasi yang selama ini kita praktikkan adalah kesan daripada penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Ketika mereka menjajah Tanah Melayu, berbagai-bagai perubahan telah mereka lakukan, sama ada dari segi ekonomi, sosial maupun politik. Dan sekarang setelah 33 tahun merdeka negara kita masih lagi mengamalkan sistem pentadbiran yang telah ditinggalkan oleh penjajah Inggeris.<sup>6</sup>

Amalan menentukan pimpinan berdasarkan lunas-lunas demokrasi telah memberi peluang pada golongan massa untuk menyatakan pimpinan pilihan mereka sama ada secara terbuka atau rahsia sudah diterima sebagai satu budaya yang diamalkan secara meluas di negara kita. Pilihanraya akan diadakan setiap lima tahun sekali, seperti mana yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Pilihanraya ini bertujuan untuk menentukan siapakah yang layak menjadi pemimpin di peringkat negara atau negeri.

Penerimaan yang luas dalam pemilihan berdasarkan prinsip demokrasi ini menggambarkan seolah-olah demokrasi bukan sesuatu yang asing malah ia seolah-olah telah menjadi budaya yang diamalkan sejak sekian lama. Walaupun demikian budaya demokrasi di

sini, tidaklah seratus peratus cedokan sistem demokrasi Barat. Malah cara kita menentukan pimpinan dalam masyarakat kita telah wujud sebelum kedatangan demokrasi ala Barat.

Demokrasi Malaysia kini sebenarnya mencerminkan kompromi antara keinginan untuk mempertahankan sistem kepimpinan warisan yang diamalkan semenjak zaman pemerintahan beraja mutlak dan hasrat untuk memecahkan monopoli kuasa yang berpusat di istana dengan melibatkan rakyat terbanyak yang sebelum ini tidak diberi peluang untuk menentukan pimpinan mereka.

Politik demokrasi berkait di antara satu sama lain. Demokrasi memerlukan politik tetapi politik tidak semestinya disertai demokrasi, boleh jadi ia disertai oleh ideologi lain seperti komunisme atau sosialisme. Keadaan ini terjadi kerana suatu ideologi yang hendak kita praktikkan memerlukan satu masyarakat yang tersusun dalam sebuah kota, keadaan ini dikenali sebagai politik. Masyarakatlah yang bertindak sebagai bahan ujian atau agen bagi melaksanakan sesuatu ideologi itu. Demokrasi bukan sahaja dilakukan ketika pilihanraya tetapi diamalkan di mana-mana sahaja iaitu dalam persatuan, syarikat, politik negara dan seumpamanya.

Pilihanraya umum baru-baru ini (1990) telah dijalankan berdasarkan ideologi demokrasi. Rakyat

bebas memilih calon yang mereka kehendaki. Hak pemilihan diberikan kepada mereka sepenuhnya.

Di Malaysia terdapat banyak parti politik. Parti-parti tersebut membentuk pula dua kumpulan iaitu parti pembangkang dan parti pemerintah. Setiap parti akan meletakkan calonnya di setiap kawasan dan diberi kebenaran untuk mengadakan kempen sebelum tarikh pilihanraya. Di dalam jangkamasa berkempen setiap parti akan mengeluarkan manifesto masing-masing.

Satu contoh amalan demokrasi yang paling dekat dialami oleh semua penghuni kampus Universiti Malaya ialah semasa pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar pada 20hb. Disember, 1990. Membuang undi merupakan satu tanggungjawab setiap mahasiswa bagi memilih pemimpin. Pilihanraya yang diadakan di kampus merupakan model pilihanraya umum yang diadakan setiap lima tahun. Bezanya hanya di kampus Majlis Perwakilan Pelajar akan dipilih setiap kali sessi pengajian.

Dalam pilihanraya ini banyak parti telah bertanding. Parti yang terbesar ialah parti NADI yang bersimbukan TT, Angkatan Mahasiswa Adil (DD), Barisan Mahasiswa Bersatu (LL) dan selebihnya parti bebas. Keputusan pilihanraya telah dapat diketahui pada jam 2.00 pagi. Kemenangan diperolehi oleh parti Barisan calon kumpulan Islam NADI dan 11 calon bukan Islam.

yang mewakili Angkatan Mahasiswa Adil (AMA). Ini menunjukkan sistem parti demokrasi yang diwujudkan telah diterima secara menyeluruh.

## **NOTA AKHIR**

- <sup>1</sup> Lihat takrif 'Demokrasi' dalam Kamus Dewan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>2</sup> K.Ramanathan Kalimuthu, *Asas Sains Politik*, Fajar Bakti, ms. 333.
- <sup>3</sup> Nawawi b Haj Ahmad, 'Peranan dan kesan sistem demokrasi di Malaysia' *Kertas Kerja Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah-Sekolah Berasrama Persekutuan Tahun 1981 - 1984*.
- <sup>4</sup> Fred R Von Der Mehden, *Politik Negara-Negara Membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, ms. 171.
- <sup>5</sup> Mohd Affandi Hassan, 'Antara Syura dan Demokrasi Modern: konsep penyertaan rakyat dalam proses politik demokrasi lebih merupakan metos dari realiti,' *Dewan Masyarakat*, 15hb Oktober 1980.
- <sup>6</sup> Chamil Wariya, "Budaya Demokrasi di Malaysia," *Dewan Budaya*, November 1990, ms. 10.

## BIBLIOGRAFI

Dewan Budaya, November 1990.

Dewan Masyarakat, 15hb Oktober 1980.

Nawawi b. Hj. Ahmad, Kertas kerja Nadwah kepimpinan

Islam Sekolah-sekolah berasrama penuh dari tahun 1981-  
1984, Peranan dan Kesan Sistem Demokrasi Di Malaysia.

Fred R Von der Mehden, *Politik Negara-Negara Membangun*.

K.Ramanathan Kalimuthu, *Asas Sains Politik*.

## **INTEGRASI NASIONAL DAN PERMASALAHANNYA**

---

### **PENDAHULUAN**

**M**alaysia adalah sebuah negara yang rakyatnya boleh dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan sosial yang berbeza mengikut perbezaan kebudayaan, bahasa dan agama. Kumpulan-kumpulan etnik Melayu, Cina dan India merupakan kelompok utama masyarakat Malaysia.

Lantaran itu banyak penulisan dan kajian dibuat berkaitan dengan masalah kaum seperti asimilasi, perpaduan, integrasi identiti dan sebagainya. Masalah-masalah ini terutamanya asimilasi kebudayaan dan kebudayaan nasional telah diperbincangkan khususnya oleh ahli-ahli yang berkaitan dengannya. Diantaranya ialah karya-karya yang dihasilkan oleh Ralph Linton, Robert Redfield dan lain-lain lagi. Kajian-kajian dan perbincangan mereka telah menganjurkan pendekatan-

pendekatan tertentu di dalam mengkaji masalah kebudayaan nasional.

### **PENGERTIAN KEBUDAYAAN NASIONAL MALAYSIA**

Para cendekiawan dan budayawan tempatan masih belum sebulat suara mengenai apakah yang dikatakan takrif kebudayaan nasional. Ini menunjukkan masih wujud kontroversi di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya berhubung dengan konsep Kebudayaan Nasional.

Ada juga di kalangan kaum Melayu yang mendakwa kebudayaan nasional terdiri dari beberapa unsur pokok kebudayaan Melayu seperti bahasa, pakaian, tarian, institusi kesultanan dan sebagainya di samping beberapa unsur budaya kaum bukan Melayu. Kaum Melayu lebih selesa dengan pengubahsuaian unsur-unsur budaya kaum Melayu sebagai unsur budaya nasional.

Bagi negara yang penduduknya terdiri dari kumpulan etnik atau ras yang sama, budaya nasionalnya adalah lebih seragam, sementara dalam masyarakat majmuk sudah semestinya budaya nasional negara itu lebih beraneka ragam.

### **MASALAH YANG BERKAITAN DENGAN KEBUDAYAAN NASIONAL**

Masalah-masalah yang berkaitan dengan kebudayaan

nasional seharusnya wujud di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Pihak-pihak yang menjanjikan kebudayaan nasional melihat konsep ini sebagai salah satu langkah penting dalam usaha mencapai perpaduan antara kumpulan-kumpulan etnik di dalam proses pembinaan negara.

Kehadiran beberapa jenis budaya berasaskan kumpulan etnik, iaitu Melayu, Cina dan India, dianggap sebagai fenomena sosial yang sihat kepada negara. Aspek-aspek utama isu ini akan dibincangkan dalam tajuk ini adalah di bawah tajuk-tajuk kecil di bawah:-

### ***Kemunculan Masyarakat Majmuk***

Masyarakat majmuk wujud di Malaysia kerana faktor penjajahan dan dasar ekonomi British di Tanah Melayu yang bermula menjelang akhir abad ke 19.

Pada zaman penjajahannya, British telah memulakan sistem ekonomi berorientasikan ekspot dengan membuka perusahaan perlombongan dan ladang-ladang getah. Namun demikian mereka tidak mengambil initiatif untuk melibatkan kaum Melayu ke dalam kegiatan-kegiatan tersebut kerana orang-orang Melayu mempunyai ikatan kuat kepada tradisi dan ekonomi tradisional. Sebaliknya bagi mendapatkan tenaga kerja untuk perusahaan perlombongan dan ladang-ladang, pihak British telah menggalakkan kemasukan kaum Cina dan India secara besar-besaran. Kemasukan pada

awal abad ke 20 itu telah mewujudkan masyarakat majmuk di Malaysia.

Tiap-tiap golongan memperjuangkan hak kepentingan kaum masing-masing.

### **Perbezaan Sosio Budaya**

Ketiga-tiga kumpulan etnik Melayu, Cina dan India merupakan tiga kumpulan yang mewarisi budaya dan tamaddun yang berbeza.

Kaum Melayu umpamanya tidak merupakan etnik yang seragam kerana terdapat penduduk-penduduk yang berketurunan Indonesia seperti Jawa, Banjar, Minangkabau, Bugis, dan sebagainya yang boleh dibezakan dari segi bahasa atau dialek.

Disamping itu perbezaan dialek mengikut kawasan juga wujud. Contohnya terdapat perbezaan dialek di antara kaum Melayu yang tinggal di Pantai Barat dengan kaum Melayu yang tinggal di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Kaum Melayu boleh juga dibuat berdasarkan status sosial, tempat tinggal, ideologi politik dan pelajaran. Walaubagaimanapun dalam konteks hubungan mereka (kaum Melayu) dengan kaum bukan Melayu, perbezaan-perbezaan dalaman tersebut tidaklah berperanan dan akan lenyap. Ini ditegaskan oleh Wilson:

"Dalam apa jua hubungan yang melibatkan bukan Melayu, perbezaan-perbezaan tersebut akan lenyap dan semua orang Melayu adalah sama dalam penentangan (opposition) terhadap bukan Melayu".

Begitu juga pula di kalangan kaum Melayu terdapat ikatan-ikatan yang sama dari segi agama dan bahasa.

Sebagaimana kumpulan etnik Melayu, kumpulan etnik Cina juga terbahagi kepada kumpulan-kumpulan dialek seperti Hokkien, Cantonese, Teochew, Hakka dan Foo Chew, disamping mempunyai kepercayaan dan agama yang berbeza seperti Buddhisme, Taoisme, Confucionisme, Islam dan lain-lain.

Mereka juga boleh dibahagikan kepada golongan yang berbeza mengikut garis-garis status sosial, kekayaan, ideologi, politik dan pelajaran. Sebagaimana kaum Melayu, perbezaan-perbezaan di antara kumpulan-kumpulan etnik Cina ini tidaklah menghalang kewujudan pandangan-pandangan yang tersendiri di kalangan mereka.

Pembahagian yang jelas bagi golongan India pula adalah berdasarkan kepada bahasa atau dialek. Di kalangan mereka terdapat kumpulan-kumpulan yang menggunakan bahasa yang berbeza seperti Tamil (majoriti), Telegu, Malayalam, Punjabi dan lain-lain. Kaum India juga boleh dibezakan mengikut negara asal seperti India dan Sri Lanka.

Perbezaan dalaman di antara kumpulan etnik adalah penting jika dibandingkan dengan ciri-ciri persamaan yang wujud di kalangan setiap kumpulan etnik khususnya antara kaum Melayu dan bukan Melayu dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mereka dari semasa ke semasa.

Persaingan seperti ini biasanya telah menimbulkan konflik di antara kumpulan-kumpulan etnik khususnya di antara orang Melayu dan bukan Melayu dan merumitkan lagi masalah hubungan etnik.

### ***Parti Politik dan Perkauman***

Selain daripada itu wujud pula pola taburan kumpulan-kumpulan etnik mengikut parti-parti politik yang bersifat perkauman di Semenanjung Malaysia. Sejak sebelum Merdeka lagi, pergolakan politik di kalangan masyarakat majmuk Malaysia adalah berasaskan politik perkauman. Kemunculan parti-parti politik perkauman merupakan satu ciri dan kecenderungan utama dalam perjuangan politik masyarakat Malaysia.

Walaupun terdapat beberapa parti politik yang keahlian dan dasarnya bukan perkauman, tetapi kecenderungannya adalah ke arah pembentukan parti-parti politik perkauman di mana keahliannya terhad kepada satu-satu kaum atau hanya mendapat sokongan dari kaum-kaum tertentu sahaja.

Secara umum pembahagian parti-parti perkauman

utama yang berdasarkan kumpulan-kumpulan etnik dan mendapat sokongan dari kaum tertentu adalah seperti berikut :-

1. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) mewakili dan mendapat sokongan dari kaum Melayu.
2. Pertubuhan Cina Malaysia (MCA) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP) mewakili dan mendapat sokongan kaum Cina.
3. Pertubuhan India Malaysia (MIC) mewakili dan mendapat sokongan kaum India.

Walaupun penyatuan beberapa parti politik perkauman telah dibentuk seperti Perikatan dan Barisan Nasional bagi membentuk kerajaan campuran serta mengurangkan pergeseran perkauman dan mengurangkan politiking, tetapi parti-parti perkauman yang menyertai penyatuan ini masih mengekalkan identiti yang menghalang kaum-kaum lain menganggotainya.

Pada umumnya dapat dikatakan bahawa kewujudan parti politik perkauman boleh mengancam perpaduan dan persefahaman antara kaum.

Pemimpin-pemimpin parti menggunakan isu-isu perkauman kerana dengan itu sahaja mereka boleh mendapatkan sokongan dari kaum masing-masing.

Penggunaan isu-isu perkauman ini telah menimbulkan sentimen di kalangan kumpulan-kumpulan etnik dan seterusnya memburukkan perhubungan antara kumpulan-kumpulan etnik.

Sesungguhnya wujudnya perpecahan di dalam parti-parti politik mengikut garis-garis etnik dengan jelas mencerminkan ketiadaan organisasi politik yang kuat untuk menyatupadukan rakyat dari berbilang kaum.

Dalam mengatasi masalah ini pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu sejak Merdeka lagi (31hb. Ogos 1957). Kerajaan telah merancang dan menyusun berbagai dasar dan projek untuk menyelesaikan masalah hubungan etnik dan perkauman, dalam proses pembinaan dan pembangunan negara yang bersatu padu dengan satu identiti. Berbagai dasar dan projek bersifat politik dan ekonomi telah dan terus dijalankan.

Selain dari itu gagasan mewujudkan kebudayaan nasional Malaysia telah difikirkan oleh kerajaan sebagai salah satu usaha ke arah menyelesaikan masalah-masalah hubungan etnik dan perkauman khususnya selepas peristiwa 13hb. Mei 1969.

Kebudayaan Nasional atau Kebangsaan adalah salah satu cara terbaru yang difikirkan oleh kerajaan

untuk mengatasi masalah dalam masyarakat majmuk serta menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Kongres (maklumat tidak diketahui) tahun 1971 telah menetapkan bahawa :-

1. Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan luar yang sesuai dan wajar digunakan boleh diterima menjadi unsur-unsur dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.
3. Islam menjadi bahagian yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu tetapi penetapan ini bukanlah satu perkara yang mudah diterima dengan sebulat suara oleh rakyat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum dan budaya.

## **KESIMPULAN**

Usaha-usaha ke arah mewujudkan satu kebudayaan Nasional bagi seluruh masyarakat Malaysia bukanlah satu perkara yang mudah, malahan ia memerlukan kerjasama erat antara rakyat berbilang kaum.

Selain daripada itu, perancangan yang sistematik dan bersepadu merupakan aspek utama yang patut diambilkira dalam menjayakan perancangan tersebut.

## **NOTA AKHIR**

- 1 S C. Dube, *The Study of Complex Cultures*, (New Delhi, Prentice-Hall of India, 1965) ms. 404-426.
- 2 Ghazalie Shafei, "Keperibadian Nasional Belum Lahir Budaya Mendatang Perlu Penyusunan Semula", *Dewan Masyarakat*, Ogos 1979 ms. 6-9.
- 3 Baharudin Hj. Musa, *Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kebangsaan Malaysia*, (Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1979).
- 4 Ghazalie Shafei, "Kebudayaan Nasional Belum Lahir, Budaya menentang Perlu Penyusunan Semula," *Dewan Masyarakat*, Ogos 1979, ms. 6-9.
- 5 T.E. Smith, *Population Growth In Malaya: Analysis of Recent Trends* (London Institute of International Affairs, 1952) ms. 15.
- 6 Peter I. Wilson, *A Malay Village and Malaysia*, (New Haven Hraf Press, 1967) ms. 23.
- 7 S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, (London: Oxford University Press, 1970).
- 8 Gordon P. Mead, *Politics And Modernization in South East Asia* (John Wiley and Son, 1975) ms. 180-185.
- 9 *Ibid.*, hal. 181.
- 10 Hasrom Harun, "Barisan Nasional Selayang Pandang Tentang Konsep Dan perkembangannya", dalam *Iefat*, bil. 3 dan 4 (1973/1974, 1974/1975) ms. 100-101.

## **BIBLIOGRAFI**

- Baharuddin Hj. Musa, "Beberapa Aspek Pembangunan Kebudayaan Kehangsaan Malaysia" (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan), 1979.
- Ghazalie Syafei, "Keperibadian Nasional Belum Lahir. Budaya Mendatang Perlu Penusunan Semula", Dewan Masyarakat, Ogos 1979.
- Gordon D. Mean, "Politik and Modernization in South East Asia, (John Wiley and Son), 1975.
- Hastrom Harun, "Barisan Nasional Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya" lebat Bil. 3 dan 4, 1973/1974, 1974/1975.
- Peter J. Wilson, "A Malay Village and Malaysia" (New Haven: Hraf Press), 1967.
- S. Arasaratnam, "Indians In Malaysia and Singapore", (London : Oxford University Press), 1970.
- S.C. Dube, "The Study of Complex Culture", (New Delhi: Prentice Hall of India), 1963).
- T.E. Smith, "Population Growth in Malaysia: Analysis of Recent Trends" (London : Institute of International Affairs) 1952.

## PERPECAHAN POLITIK DI KALANGAN MELAYU DI MALAYSIA

### PENDAHULUAN

*S*ememangnya sudah diketahui umum, wujud fenomena perpecahan atau berpuak-puak di dalam negara yang mengamalkan pemerintahan bercorak demokrasi berparti termasuk Malaysia. Dalam pemerintahan bercorak demokrasi sudah pasti wujud parti pemerintah dan parti pembangkang. Titik perpecahan di kalangan orang Melayu di Malaysia khususnya dalam UMNO mula terserlah apabila ada di kalangan orang Melayu yang ego dengan sikap peribadi tanpa memikirkan masa depan dan ketuanan Melayu itu sendiri. Orang-orang Melayu seharusnya sedar bahawa mereka mestilah berfikiran matang dalam menentukan halacara politik bangsa dan mesti sedar bahawa politik bukan bahan permainan. Kesungguhan dan ketekunan

perlu ada di dalam diri ahli-ahli politik, bukannya memusuhi orang yang berjaya menundukkan kita dalam perjuangan. Seandainya konsep ini dipegang oleh para pemimpin sekarang, masalah perpecahan di kalangan masyarakat Melayu Malaysia dan UMNO tidaklah sedih-syat yang berlaku sekarang. Kalauolah ahli-ahli politik masih bersikap ego sudah pasti nasib umat Melayu untuk 10-15 tahun akan datang akan terjadi sebagaimana yang di alami oleh Negara-Negara Barat yang lain, seperti penggulingan kerajaan dan sebagainya. Apakah pemimpin sekarang sanggup melihat rakyatnya berada di dalam penderitaan dan kemelaratan?

## **PERPECAHAN DALAM UMNO**

Tahun 1989 merupakan kemuncak perpecahan Melayu, parti induk UMNO berpecah menjadi dua kem atau pasukan, iaitu Pasukan A dan Pasukan B. Ekoran perpecahan itu maka wujudlah UMNO Baru dan Semangat 46 yang mendakwa ia meneruskan perjuangan asal Melayu. Perpecahan ini memilukan rakyat dan masyarakat Melayu kerana ia melibatkan kepentingan peribadi atau kelompok, bukannya persoalan prinsip dan perjuangan ummah.

Pertandingan merebut jawatan dalam parti memang dibenarkan oleh perlumbagaan, namun begitu kempen-kempen hendaklah dilakukan secara bersih dan muhibbah. Semenjak kebelakangan ini terdapat pertandingan di dalam parti sendiri. Ia dijalankan dengan

cara yang tidak sihat dan ini akan menjadikan imej parti di mata rakyat dunia dan parti komponan Barisan Nasional khususnya.

Gejala permusuhan dalam selimut hendaklah diberhentikan kerana ia menjadi racun dan ranjau dalam perjuangan, membawa perpecahan dalam parti itu sendiri. Kalau-lah seseorang pemimpin itu benar-benar ada sifat kepimpinan, dia tidak perlu bimbang dengan kehilangan pengaruh kerana ahli-ahli boleh membuat penilaian yang terbaik. Kalau fikiran ahli dirosakkan dengan fitnah dan pengaruh kebendaan, maka rosaklah asas demokrasi yang menjadi amalan dan pegangan selama ini.

Sememangnya dekad 80an adalah satu dekad yang malang bagi umat Melayu dalam UMNO. Belum pernah terjadi peristiwa yang melanda UMNO sepanjang lapan tahun ini. Kenapakah boleh terjadi demikian? UMNO memulakan detik sejarah 1980-an dengan pertandingan merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO. Pertandingan berlaku di antara Tengku Razaleigh dengan Datuk Musa Hitam.

Pertandingan ini terjadi kerana orang yang menyandang jawatan Timbalan Presiden akan menjadi Timbalan Perdana Menteri. Ini kerana apabila Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pucuk pimpinan dari Tun Hussin Onn, beliau tidak mengumumkan

siapakah timbalannya. Biar parti yang membuat pilihan. Suatu yang menarik perhatian ialah seorang tokoh yang dianggap terkanan dan dihormati dalam parti iaitu Encik Ghafar Baba hanya bertanding bagi kerusi Naib Presiden sahaja. Padahal berlaku sedikit kekecohan pada beberapa tahun sebelumnya kerana beliau tidak terpilih menjadi Timbalan Perdana Menteri, walaupun beliau adalah orang kanan dalam parti. Ada timbul desas desus kononnya Tun Hussin Onn mahu melantik Tan Sri Ghazali Shafie, tetapi kedudukan beliau agak 'goncang'. Datuk Musa terpilih, Encik Ghafar Baba tersisih dan digugurkan terus dari kabinet Tun Hussin Onn pada bulan Mac 1976, walaupun di masa itu beliau menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Pertanian sejak tahun 1969.

Sebenarnya cara yang dibuat atau dipilih oleh Dr. Mahathir iaitu memberi peluang untuk merebut jawatan Timbalan Perdana Menteri ada buruk dan baiknya. Kebaikannya ialah ia memberi peluang kepada ahli parti untuk menentukan siapakah yang mereka ingin jadikan pemimpin pelapis, untuk generasi akan datang dan keadaan ini sebaliknya mendatangkan keburukan kerana ia memulakan tradisi pertandingan secara besar-besaran.

Bahang pertandingan dalam tahun 1981 boleh dirasakan kehari ini dan ia merupakan punca perpecahan Melayu UMNO. Namun begitu babit perpecahan

sudah kelihatan sebelum berlaku pertandingan ini lagi.

Dalam pertandingan ini Datuk Musa dikaitkan dengan Dr. Mahathir. Tengku Razaleigh mengumumkan akan meletak jawatan dalam kabinet sekiranya beliau tewas (walaupun tewas beliau terima juga jawatan kabinet selepas itu) hingga ke pertandingan pada tahun 1987 yang akhirnya membawa kepada pengharaman UMNO. Dalam hal ini dua penyokong parti bekerja keras. Soal kepentingan Melayu dilupakan hingga kempen membabitkan kedudukan Negeri, keturunan dan isu ekonomi. Tuduhan MCA menyokong Tengku Razaleigh kedengaran. Penyokong Tengku Razaleigh yang jelas pada tahun 1981 ialah Encik Ghafar Baba.

Dalam surat Datuk Musa kepada Dr Mahathir yang bertarikh 26hb. September 1986, Datuk Musa mengatakan bahawa beliau tidak berpuashati dengan kenyataan pemimpin yang mengatakan ada 'pihak-pihak tertentu' yang cuba memecahbelahkan serta menjatuhkan kerajaan serta mencemarkan nama baik Dr. Mahathir dan Datuk Musa percaya beliaulah yang dimaksudkan dengan 'pihak-pihak tertentu' itu.

Dalam suratnya, Datuk Musa mengatakan jika beliau tewas memegang jawatan selagi itulah banyak hormahan dikeluarkan, demi kedamaian dan keamanan semua beliau rela meletak jawatan dan memberikannya kepada orang yang dapat mengekalkan perpaduan parti

Kalaularah ramai pemimpin Negara yang bersikap seperti Datuk Musa sudah semestinya lah perpecahan dalam parti dan masyarakat Melayu dapat diatasi dengan segera, dan berkemungkinan besar peristiwa pahit pada tahun 1987 tidak berlaku.

Dalam masalah ini, banyak media menyatakan bahawa pemerintahan 2M, iaitu Mahathir-Musa adalah serasi. Keadaan mula menjadi kucar-kacir selepas itu. Ini kerana ada 3 puak dalam UMNO iaitu penyokong Mahathir, penyokong Musa, dan penyokong Tengku Razaleigh.

Punca perpecahan dalam perhimpunan agung UMNO pada tahun ini, pucuk pimpinan telah merayu kepada perwakilan agar dapat memberi kerjasama dan tidak cenderung ke arah berpuak dalam perhimpunan kali ini. Kebimbangan ini membayangkan bahawa pucuk pimpinan tidak mahu peristiwa ngeri pada tahun 1987 berulang lagi. Masalah perpecahan di kalangan masyarakat Melayu ini merupakan satu masalah yang besar. Sukar hendak diselesaikan kerana ia melibatkan Negara Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan fahaman inikan pula satu pertubuhan yang diwakili oleh golongan cerdik pandai dan pemimpin Negara tidak dapat menyelesaikan masalah sendiri. Satu langkah yang baik patut diambil bagi menyelesaikan masalah ini ia itu dengan menitik beratkan kerjasama antara semua pihak.

Satu lagi masalah yang paling ketara yang menyebabkan berlaku pergolakan dalam UMNO ialah ada di kalangan ahli politik yang terlalu ghairah mahu menjadi pemimpin atau wakil rakyat. Niat mereka ini adalah baik tetapi biarlah berlandaskan peraturan dan saluran yang betul agar tidak menyakitkan hati mana-mana pihak. Itulah yang diharap-harapkan untuk masa-masa akan datang. Pada asasnya Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1981 mempersoalkan perpecahan dalam UMNO tetapi tempiasnya telah keluar sehingga kelihatannya seperti perpecahan Melayu, dan pada tahun 1987 pemusatannya kepada persaingan dalam pemilihan pucuk pimpinan yang akhirnya membawa kepada perpecahan yang semakin teruk sampailah sekarang. Bagaimanakah corak politik bangsa Melayu untuk tahun-tahun akan datang?

Tiada siapa yang dapat menentukan, tepuk dadi tanyalah Iman.

### **PERPECAHAN DALAM PAS**

Sejarah perpecahan PAS dapat dikesan semenjak tahun 1957 iaitu semasa awal penubuhannya lagi. Ramai diantara pemimpinnya seperti Haji Ahmad Fuad Zulkefli Mohamad, Haji Othman Abdullah berselisih faham kerana pandangan yang berbeza. Contohnya Haji Ahmad Fuad telah meletakkan jawatan sebagai Presiden PAS kerana tidak bersetuju dengan keputusan yang diambil oleh Kongres partinya untuk menyerta-

'National Convention' yang dianjurkan oleh UMNO-MCA. Sebenarnya 'National Convention' ialah 'Brain Child' Tunku Abdul Rahman manakala 'National Convention' cadangan Datuk Onn Jaafar tidak disokong oleh Haji Ahmad Fuad. Pada dasarnya pertelaghan pendapat berpusat kepada isu cara hendak mencapai kemerdekaan.

Pemimpin PAS juga gagal untuk mencapai kata sepakat mengenai isu-isu seperti masalah kerakyatan bagi orang-orang bukan Melayu, dasar bahasa, hak-hak kelestimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam dan apakah Tanah Melayu dijadikan sebagai sebuah Negara Islam. Masalah ini masih lagi mengancam perpaduan dalam PAS kerana ada di kalangan ahli-ahli parti yang enggan bertolak ansur, sedangkan satu golongan lain bersedia menerima pandangan yang lebih realistik.

Krisis juga wujud di antara pemimpin PAS di peringkat Nasional di satu pihak dan satu lagi di peringkat Negeri. Contohnya, pada tahun 1959 satu krisis meledak di Terengganu. Pemimpin PAS Terengganu iaitu Ahmad Azam Napiah telah bertindak dengan meletakkan jawatan apabila pemimpin PAS kebangsaan enggan menyerahkan kuasa parti di Negeri kepada beliau. Perletakan jawatan ini diikuti dengan tindakan keluar dari PAS secara beramai-ramai. Akibatnya pada tahun 1961, Negeri Terengganu telah jatuh ke tangan UMNO sebelum pilihanraya umum ke-3.

Tiga tahun kemudiannya apabila Dr. Burhanuddin dipenjara kerana tuduhan komplot dengan rejim Sukarno untuk menubuhkan Kerajaan Buangan di Karachi, ahli-ahli PAS menghadapi dilema paling teruk. Keadaan menjadi semakin kelam kabut kerana orang Melayu merasakan mereka perlu memperteguhkan kekuatan apabila berhadapan dengan ancaman 'People Action Party' pimpinan Lee Kuan Yew (Singapura).

Isu pimpinan PAS ramai masuk UMNO dalam Pilihanraya Umum 1969 di Kelantan gagal mendapat suara Muktamar Khas PAS untuk menyertai Kerajaan Campuran (1972). Kerana itu Datuk Asri Muda mula mengambil tindakan menyingkirkan tokoh-tokoh (kerana undi rendah) yang menjadi sahabat karibnya Abu Bakar Hamzah, Amaludin Darus, dan Fakhruddin Abdullah. Abu Bakar Hamzah adalah orang lama PAS.

Perasaan tidak puas hati dikalangan ahli PAS bukan sahaja terjadi di Kelantan tetapi juga di Terengganu, Kedah, Perlis dan Perak. Di Perak penentang-penentang Datuk Asri termasuklah Timbalan Ketua PAS Negeri, Sukarnain Haji Ahmad, Bendahari PAS Negeri, Haji Abdul Kadir Haji Idris dan bekas ADUN Muhamad Zainal Abidin. Seramai 15 orang ahlinya di Perlis, Kelantan dan Johor dipecat dalam tahun 1974 kerana didapati mengkritik parti itu dan bertanding menentang calon-calon PAS.

Perlantikan Datuk Nasir pada tahun 1975 sebagai Menteri Besar Kelantan oleh Tun Abdul Razak untuk menggantikan Datuk Ishak Lotfi iaitu anak saudara Datuk Asri hampir-hampir meruntuhkan kerajaan negeri PAS, dan Datuk Asri mengatakan bahawa perlantikan Datuk Nasir adalah dibawah tanggungjawab dua orang tokoh UMNO. Perlantikan ini telah mengenepikan calon PAS iaitu Haji Wan Ismail yang pernah menjadi setiausaha politik Datuk Asri semasa PAS menyertai UMNO pada tahun 1973.

Dari sinilah bermulanya detik perpecahan dalam PAS, timbul masalah kepimpinan di peringkat Negeri atau Nasional.

Sejak kebelakangan ini nampaknya ada media cetak yang cuba memecahbelahkan kerjasama yang dimeterai antara PAS dan Semangat 46 yang dapat mengembalikan Kelantan kepada kerajaan PAS. Media tersebut cuba memutarbelitkan fakta yang sebenar untuk mengelirukan penyokong-penyokong Angkatan Perpaduan Ummah. Sebagai sebuah badan bebas media cetak ini tidak sepatutnya berat sebelah dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat. Itulah yang sebaik-baiknya, demi perpaduan orang Melayu Muslim di Malaysia yang tercinta.

Ura-ura mengadakan perdebatan UMNO-PAS telah menimbulkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat

Melayu khususnya masyarakat Islam. Imej Islam sebagai agama persaudaraan dan perpaduan juga turut terjejas. Kedudukan ini bertambah tegang berikutan laporan yang mengatakan bahawa PAS telah menubuhkan pasukan berani mati, begitu juga dengan UMNO yang menubuhkan pasukan penggempur yang terdiri daripada 76,000 anggota untuk menentang dakiyah PAS. Menurut UMNO, dakiyah PAS melemahkan bangsa Melayu dan merosakkan aqidah. Timbul isu sembahyang dua imam, pulau memulau sesama orang-orang Islam, tidak berteung sapa hingga membawa kepada renggangnya tali persaudaraan antara ahli-ahli keluarga yang menganggotai berlainan parti. Namun begitu keadaan ini tidak melemahkan perjuangan ahli-ahli PAS. Ini terbukti dengan kejayaan PAS menawan kembali Kelantan dari Barisan Nasional.

Perpecahan yang timbul akibat menjadikan Islam sebagai alat telah menimbulkan berbagai reaksi. Sultan Kedah sendiri telah mengambil daya usaha mengingatkan tokoh-tokoh politik dan Ulama' supaya mengamalkan ajaran Islam dari sudut persaudaraan dan per-sahabatan.

### **PERPECAHAN KERANA PERBUATAN SENDIRI**

Amalan tidak tunduk kepada pemerintah boleh menghalang pertalian erat dan kerjasama antara rakyat dan pemerintah, akibatnya timbul perpecahan yang bertentangan dengan ajaran Islam, konsep demokrasi dan

matlamat negara. Sebuah akhbar berbahasa Cina berkata ia berharap agar pertelingkahan UMNO-PAS akan reda supaya tumpuan penuh kepada rancangan pembangunan dapat diberikan. Jelaslah arah aliran politik di tanahair sedang menuju ke arah perpecahan, bukan sahaja diantara parti politik tetapi juga sesama kaum. Fenomena ini jelas berlaku dalam parti politik yang dianggotai secara total oleh satu kaum sahaja, UMNO-PAS dan MCA-MIC. Namun begitu perpecahan dikalangan orang Melayu semakin serius disebabkan agama telah digunakan untuk kepentingan parti.

Berbalik kepada soal debat UMNO-PAS, lazimnya dalam satu-satu perdebatan, pihak yang menang akan gembira hingga lupa diri, sementara yang kalah akan menyimpan dendam dan tidak sepenuhnya mengaku kalah. Dalam politik sifat ini tidak menguntungkan kerana ia akan menjelaskan perpaduan umat. Oleh itu hasil dari perdebatan UMNO-PAS akan mengekalkan perpecahan yang ada sekarang. Orang Melayu memecahkan kaum Melayu sendiri. Begitulah suasana yang berlaku sekarang.

## **PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU**

Semua orang tahu, Melayu di Malaysia adalah pewaris yang sah Tanah Melayu atau Semenanjung Melayu atau Malaysia. Mereka adalah Bumiputera atau putera kepada bumi yang dipijak. Istilah bumiputera itu juga digunakan bagi keturunan rakyat asal negeri-negeri Sabah

dan Sarawak. Kesemuanya adalah rumpun bangsa Melayu. Sesuatu yang malang telah terjadi kepada masyarakat Melayu di Malaysia kerana adanya kelompok-kelompok tertentu dalam masyarakat yang mengakibatkan keadaan menjadi tidak stabil dan kucar-kacir, sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Mengapakah keadaan ini berlaku di dalam negara yang sedang membangun seperti Malaysia? Perpecahan Melayu dalam keadaan bagaimanapun akan menjadikan kesatuan bangsa dan perpaduan negara. Siapa dan apakah Melayu? Di manakah bumi mereka? Apakah kebudayaan dan tamadun mereka?

Dari sudut pengajian, memang banyak pendekatan yang digunakan bagi menerangkan Melayu. Melayu sudahpun mempunyai sistem pemerintahan sejak zaman berzaman sehingga mencapai kemuncaknya pada zaman Keagungan Sultan Melayu Melaka abad 15.

Kalau dihalusi, perpecahan orang Melayu bukan sahaja berleluasa di kalangan orang Melayu *jaro omo* sahaja bahkan ia adalah satu perkara yang luarbiasa. Perpecahan dikalangan orang Melayu sentiasa berlaku, baik di bawah pemerintahan kolonial, maupun setelah mencapai kemerdekaan. Malahan setiap bangsa mengalami perpecahan. Sesetengah perpecahan itu bukan sahaja berlarutan tetapi mengorbankan jiwa dan harta benda. Tetapi perkara yang ketara dalam perpecahan yang berlaku sekarang ialah lebih kuat bunyi gendang

dari gerak tarinya. Perpecahannya tidak seberapa, tetapi suara dan tindak tanduk orang-orang yang mendakwa adalah berlebih-lebihan.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, ada beberapa parti yang bersaingan dengan UMNO dan berkemungkinan dianggap boleh memecahkan orang Melayu. PAS pernah dituduh demikian. Parti itu berjaya memerintah Kelantan pada tahun-tahun 1959-1978, tetapi persaingan ini tidak pula diibaratkan sebagai menghancurkan orang Melayu. Malah, dalam tuduhan menuduh dan buruk-memburuk itu, UMNO dan PAS sanggup berkongsi kuasa di Kelantan pada tahun 1974. Jadi adalah menghairankan, mengapakah pemimpin-pemimpin Melayu sekarang tidak boleh bersatu semula, kalau dahulu UMNO dan PAS boleh berbuat demikian?

Kita tahu bahawa dikalangan pemimpin yang berpecah sekarang, ada yang sudah banyak meluahkan cakap, kebanyakannya sudah memburukkan lawan dan mendedahkan pekung di dada kepimpinan Melayu sendiri.

Barangkali kerana inilah sebarang usaha yang dibuat kearah perpaduan menjadi sukar. Jika ini benar, ia menunjukkan bahawa pemimpin kita sudah mula mengutamakan peribadi dalam peranan politik mereka dan tidak lagi mengutamakan kepentingan masa hadapan masyarakatnya.

Emosi yang ditunjukkan oleh sesetengah pemimpin kita jelas membayangkan bahawa model politik yang lapuk masih lagi digunakan. Untuk mengeratkan semula perpaduan misalnya, ada dikalangan pemimpin menggunakan politik bankrap iaitu dengan cara memohon mahkamah menggugurkan calon-calon tertentu atas sebab muflis. Sebenarnya tindakan ini tiada kaitan langsung dengan masalah perpaduan yang hendak diwujudkan. Apakah nilai perpaduan itu terletak kepada beberapa orang yang muflis? Lagipun sekiranya tindakan muflis itu dilayan ini bererti bahawa kita sudah merobohkan wilayah kehakiman untuk tujuan peribadi. Perpecahan ini bukan sahaja dirasakan oleh masyarakat Melayu, malahan masyarakat lain juga. Errinya jika para pemimpin Melayu bercakaran sesama sendiri demi menjaga kepentingan puaknya, mereka akan melupakan kepentingan puak lain, dan ini akan membawa kepada perpecahan yang lebih serius lagi.

Demi kepentingan peribadi, hak ketuanan Melayu yang begitu sensitif telah diusik oleh golongan politik tertentu termasuk komponan Barisan Nasional. Perpecahan yang berekoran dari Perhimpunan Agung UMNO 1987 (UMNO Baru-Semangat 46) kian parah dan membawa padah. Jalan-jalan penyelesaian masih belum kelihatan. Melayu terus berpecah dalam gerakan sosial dan tidak sealiran dalam menegakkan ekonomi. Mungkin Melayu masih bersatu dan kesatuannya cuma dalam bidang kebudayaan.

## PENILAIAN

Memang tidak dapat dinafikan perpecahan dikalangan orang-orang Melayu, samada yang terlibat dengan politik atau tidak, amat membimbangkan. Banyak usaha yang dilakukan untuk mengembalikan perpaduan dikalangan rumpun bangsa Melayu. Sebagai contoh, sebilangan orang yang dilapurkan tidak dibenarkan menyertai UMNO Baru telah diberi 'lampu hijau' untuk memohon menjadi anggota, malahan dua orang pemimpin Melayu yang dikatakan menentang penubuhan UMNO Baru iaitu Datuk Musa dan Tengku Razaleigh telah dipelawa menyertai kabinet, walaupun langkah ini didakwa sebagai terlambat dan tawarannya tidak jujur. Dengan penolakkan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa untuk menyertai kabinet serta tunduk kepada kumpulan tertentu, ini akan membawa kepada perpecahan dikalangan orang Melayu berlarutan.

Jika dianalisa, perpecahan yang berlaku bukanlah melibatkan semua orang Melayu sebaliknya ia berlaku di kalangan segelintir pemimpin Melayu sahaja. Seolah-olah kita membenarkan nasib kita ditentukan oleh segelintir golongan pemimpin. Mengapakah golongan majoriti Melayu ini tidak berbuat sesuatu dari membiarkan diri menjadi Pak Turut sahaja, padahal yang tergadai sekarang ialah nasib anak cucu dan kesinambungan bangsa kita? Memandangkan keadaan sekarang kita bimbang sekiranya ada golongan Melayu sanggup memupuk perpaduan dengan bangsa lain, asalkan

bukan dengan bangsa Melayu dari golongan lain.

Gabungan parti berbagai kaum adalah dirasakan lebih selamat bagi sesebuah negara yang berbilang kaum. Dengan menyedari hakikat ini maka parti mana sahaja yang cuba berkuasa mestilah rela berkongsi kuasa. Tetapi sebelum menubuhkan perkongsian, seseorang itu perlulah menubuhkan satu parti yang mempunyai dasar dan perjuangan yang jelas. Dalam keadaan sekarang kumpulan yang cuba berpaut kepada UMNO yang sudah mati belum lagi menubuhkan satu permuafakatan yang baik, dalam erti kata yang sebenarnya. Jadi kedudukan ini samalah dengan pemain bola sepak yang tidak mempunyai kelab atau pasukan yang sah. Oleh kerana itu satu jalan penyelesaian yang baik mestilah diambil bagi menyelesaikan keadaan ini dari berlarutan. Soal kepentingan peribadi usahlah dihiraukan dalam memperjuangkan politik bangsa dan orang Melayu.

## **RUJUKAN**

- Alias Mohamad, *Tengku Razaleigh: Rintangan Dan Cabaran*, Gateway Publishing House Sdn Bhd.
- Alias Mohamad, *Sejarah Perjuangan PAS*, Gateway Publishing House Sdn Bhd.
- Abdullah Haji Ahmad, Dato', *Ketuanan Melayu*, Gateway Publishing House Sdn Bhd, 1987
- Hambali Haji Abdul Latif, *UMNO Baru Milik Siapa?*, Pena Sdn Bhd, 1988.
- Hassan Ismail, *Ketuanan Melayu*.
- Kassim Ahmad, *Quo Bangsaku*, Media Indah Sdn. Bhd., 1989.
- Berita Harian*, September, 1990.
- Berita Harian*, Oktober, 1990.
- Berita Harian*, Disember, 1990.
- Harakah*, Disember, 1990.
- Dewan Masyarakat*, Ogos, 1988.
- Dewan Masyarakat*, Oktober, 1984
- Mastika*, April, 1990.
- Watan*, Selasa 4 Disember, 1990.





**PAS *dan* UMNO**



## **JATUH BANGUN PARTI PAS DI KELANTAN**

---

*K*elantan adalah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kelantan merupakan sebuah negeri yang unik dari segi politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh dari segi ekonomi, kebanyakan perniagaan di kalangan umat Melayu Kelantan dimonopoli oleh kaum wanita sehingga Abdullah Munshi membuat kesimpulan bahawa kaum lelaki Negeri Kelantan pemalas. Satu perkara yang unik dan menarik yang patut disebut ialah keadaan dan pergelakan politik yang berlaku di negeri ini. Cita rasa rakyat terhadap parti pemerintah sering bertukar corak.

### **SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN PARTI PAS DI KELANTAN**

PAS mula tiba di Kelantan pada tahun 1955, dan menjadikan Pasir Mas sebagai cawangan PAS di Kelantan.

PAS mula bergerak dari hari ke hari sehingga berkembang ke kawasan-kawasan sekitarnya seperti Pohon Tanjung, Meranti dan beberapa tempat lain.

PAS Kelantan banyak melahirkan tokoh-tokoh PAS yang berjasa menggerakkan parti itu di sana, diantaranya ialah Haji Nor Macang, Ustaz Abdullah Ahmad (Baung), Ustaz Khairul Khatib, Allahyarham Mohd Yatim, Husin Othman, Aminudin Darus, Mohd Asri Haji Muda (Pesuruh Jaya PAS Yang Pertama di Kelantan) dan beberapa orang tokoh lagi.

Pada mulanya PAS diperkenalkan kepada masyarakat melalui ceramah-ceramah kepada orang ramai di masjid-masjid dan surau-surau, dan kempen-kempen di kampung-kampung. Kemudian ia membuat penerangan menerusi majalah khas yang diberi nama "Suara Islam".<sup>1</sup> Majalah tersebut mengandungi tulisan-tulisan berkenaan dengan Islam dan berita semasa mengenai pergerakan PAS.

Pada tahun 1955 kedudukan PAS di mata masyarakat telah berubah. PAS telah mendapat sokongan yang kuat di kalangan alim ulama' negeri Kelantan. Sokongan itu terus meningkat pada tahun 1956 dan tahun berikutnya. Di samping memberi penerangan di seluruh Kelantan, PAS menukuhan beberapa cawangan di jajahan Kota Bharu, serta mengatur kerja-kerja di cawangan itu. PAS juga mengadakan kutipan-kutipan derma di samping penjualan majalah "Suara Islam"

yang amat laris ketika itu. Ringkasnya PAS telah bergerak cergas sejak awal-awal lagi sehingga mendapat sambutan dan sanjungan di hati rakyat Kelantan.<sup>2</sup>

### **PAS SEBAGAI PARTI PEMERINTAH DI KELANTAN**

Pilihanraya negeri Kelantan diadakan pada 26hb. Jun 1959. Di dalam pilihanraya ini PAS mendahului parti Perikatan dengan memperolehi 28 dari 30 kawasan yang ditandingi. Ini menjadikan PAS berkuasa dan membentuk kerajaan di dua buah negeri (Terengganu dan Kelantan). Dengan kemenangan ini pengaruh PAS berkembang ke negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis dan lain-lain.<sup>3</sup>

Dalam pilihanraya tahun 1959, PAS telah mendapat kejayaan yang cemerlang di Kelantan. Ini menjadikan PAS berkuasa penuh di negeri Kelantan, jika dibandingkan dengan masa permulaannya. Hasrat PAS ialah menjalankan permerintahan secara Islam. Walaupun kemenangan yang dicapai oleh PAS membolehkan parti itu berkuasa di Kelantan, tetapi cita-citanya untuk menjalankan dasar Islam dengan sepenuhnya tidak dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana PAS terpaksa tunduk kepada kehendak UMNO sebagai sebuah parti permerintahan pusat. PAS hanya dapat menjalankan cita-citanya untuk menegakkan Islam berdasarkan kuasa dan kebolehan terhad yang ada padanya.

Semasa PAS memerintah Kelantan, banyak pem-

bangunan telah dijalankan di dalam bidang-bidang politik, ekonomi, sosial dan keagamaan untuk kebaikan dan kebijakan rakyat Kelantan. PAS lebih banyak menekan soal-soal pembangunan dari segi keagamaan.

Dalam pembangunan Kelantan PAS telah bekerjasama dengan kerajaan pusat. Tanpa kerjasama ini PAS mungkin tidak dapat menjalankan pembangunan dengan lancar. Ini disebabkan PAS adalah sebuah parti pembangkang, dan ia tidak berupaya mendapat peruntukan kewangan yang banyak dari kerajaan pusat. Sebab itulah PAS terpaksa bekerjasama dengan kerajaan pusat bagi memajukan Kelantan dalam berbagai bidang.

Di samping mendapat bantuan dari kerajaan pusat, PAS juga menggunakan wang kerajaan negeri Kelantan untuk menjalankan projeknya sendiri. Pembangunan besar yang pernah dilakukan oleh PAS ialah:-

1. Pembinaan Jambatan Sultan Yahya, yang dahulunya disebut sebagai "jambatan buluh";
2. Rancangan pembangunan Stadium Sultan Mohammad Keempat yang memakan belanja sebanyak satu juta dua ratus ribu ringgit;
3. Pembayaran gaji guru-guru agama, mubaligh, yang berkhidmat mendekatkan masyarakat kepada Islam;

4. Pembinaan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan; dan
5. Beberapa banyak lagi rancangan pembangunan seperti pembukaan tanah baru yang kebanyakannya di Ulu Kelantan.<sup>4</sup>

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan PAS Kelantan mengikut dasar pelajaran kebangsaan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran pada masa itu.

Disamping itu PAS memudahkan kelahiran 'sekolah agama', Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan di Nilam Puri (yang dibina pada tahun 1967), dan pengajian pondok (kerana PAS menganggap pelajar keluaran pondoklah yang mencetuskan semangat kebangsaan di Tanah Melayu).

Dalam projek untuk memajukan Kelantan di bidang pelajaran, kerajaan negeri ini telah mengadakan rancangan raksasa pembangunan sekolah yang berharga lebih kurang enam juta ringgit (RM6,000,000) dan memberi biasiswa kepada pelajar miskin sebanyak enam puluh ribu ringgit (RM60,000).

Kerajaan juga telah mengadakan rumah-rumah murah di Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, dan mendirikan rumah-rumah nelayan di Tumpat. Sikap PAS dalam membentuk sebuah pemerintahan di

Kelantan telah membuktikan kebolehannya memerintah, walaupun pembangunan di negeri itu tidak sepesat Kuala Lumpur dan tempat-tempat lain.

Konsep PAS sebagai sebuah parti pembangkang telah banyak menolong kerajaan pusat, dengan cara mengutarakan teguran yang membina dan pendapat yang logik. Selain daripada itu antara lain perjuangan PAS yang boleh dibanggakan ialah:-

1. Memperjuangkan hasrat umat Melayu;
2. Mengisi kemerdekaan Tanah Melayu dengan semangat kebangsaan bagi menegakkan keadilan masyarakat dan keharmonian rakyat, sesuai dengan cita-cita Islam; dan
3. Memperjuangkan cita-cita Islam sehingga terdirinya sebuah negara Islam di negara ini.

Peristiwa 13 Mei 1969 mendorong UMNO bergabung dengan parti PAS. Apabila MAGERAN (Majlis Gerakan Negara) dimansuhkan dan pemerintahan berparlimen berkuatkuasa semula PAS dengan rela hati telah menganggotai Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Tun Abdul Razak.

Negeri Kelantan pada tahun 1970-an telah ditadbir oleh kerajaan BN yang berteraskan parti PAS. Langkah PAS menyertai BN dan menjadikan kerajaan Kelantan sebagai sebahagian dari kerajaan BN terus mendapat

restu rakyat Kelantan.<sup>5</sup>

Cita-cita PAS dalam BN (Parti Campuran) dalam memerintah negeri Kelantan adalah seperti berikut:

1. PAS berazam membentuk sebuah negara Malaysia yang aman dan damai, yang harmonis, yang mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian. Dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digembelingkan bersama dengan usaha lahir yang sedang berjalan dengan pesatnya pada masa itu. Sesuai dengan Islam sebagai agama negara serta rukun negara, maka nilai-nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.
2. PAS berusaha memberikan nilai-nilai Islam dalam perundangan dan perlembagaan negara.
3. PAS berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mewujudkan keseimbangan sosial dan ekonomi di antara yang berada dengan yang tidak berada di negara ini serta cita-cita melenyapkan kemiskinan di kalangan rakyat mencapai kejayaan yang cemerlang.

4. PAS berazam mewujudkan kebudayaan yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang.
5. PAS berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan ancaman, dari dalam dan luar, memperkemaskan dan membesarakan pertahanan negara sesuai dengan cita-cita untuk mewujudkan kemampuan nasional di bidang pertahanan.
6. PAS berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuangkan konsep pengecualian negara-negara Asia Tenggara bagi menjamin keamanan di rantau ini. Di samping itu terus berusaha mengeratkan lagi hubungan dengan negara-negara sahabat terutama dengan negara Islam.<sup>6</sup>

### **PILIHANRAYA 1974**

Pilihanraya pada tahun 1974 diadakan pada 24hb Ogos. Jentera-jentera pilihanraya telah digerakkan dan parti-parti politik merancang kempen-kempen mereka untuk memenangi sokongan rakyat dalam merebut kerusi-kerusi Dewan Undangan Rakyat dan Dewan Undang Negeri bagi menubuhkan kerajaan dalam masa lima tahun akan datang.

Dalam pilihanraya itu PAS bergabung dengan BN untuk memerintah negeri Kelantan. Bilangan kerusi dalam Dewan Undangan Negeri telah ditambah dari 30 buah kepada 36 buah kerusi manakala kerusi Dewan Undangan Rakyat juga ditambah dari 10 kepada 12 kerusi. Pilihanraya kali ini dimenangi oleh parti perikatan.

Keadaan politik di negeri Kelantan mula bergolak dalam tahun 1977. Kumpulan muda ADUN-ADUN dan anggota parlimen PAS yang terdiri dari mereka yang berpendidikan Inggeris mula mempersoalkan kepimpinan Datuk Haji Mohd Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan.

Dalam jangka masa yang sama rakyat negeri Kelantan telah menunjukkan kegelisahan terhadap pimpinan negeri. Penyalahgunaan kuasa, pilih kasih, pembahagian balak hangat diperkatakan di sana sini. Kekayaan yang mendadak oleh pimpinan PAS menjadi buah mulut setiap penduduk negeri Kelantan.

Golongan muda PAS itu tidak peka akan pemikiran tersembuni yang terdapat di dalam masyarakat Kelantan. Mereka meneruskan usul undi tidak percaya kepada Datuk Haji Mohd Nasir untuk meletakkan Haji Wan Ismail sebagai Menteri Besar. Tindakan mereka ini menimbulkan kemarahan. Keadaan politik negeri Kelantan pada masa itu menjadi tegang hingga ker-

ajaan pusat terpaksa menggantung Dewan Negeri dan meletakkan pentadbiran negeri Kelantan pada tahun 1978 di bawah Majlis Tindakan Negara.

Akibat daripada tindakan ini, PAS secara rasmi menarik diri dari Barisan Nasional. Setelah keadaan Kelantan terkawal, perintah darurat di Kelantan ditarik balik. Pilihanraya negeri diadakan.

### **PILIHANRAYA 1978**

Dalam Pilihanraya pada tahun 1978, PAS telah menerima kekalahan yang teruk. Ini adalah kerana Parti Berjasa yang ditubuhkan oleh Datuk Mohd Nasir telah keluar dari parti PAS dan menyertai UMNO. UMNO telah berjaya merampas 34 kerusi dari 36 kerusi yang dipertandingkan.

Pada tahun ini juga gelombang perubahan sekali lagi melanda negeri Cik Siti Wan Kembang apabila PAS memenangi hanya 2 kerusi sahaja berbanding dengan 36 kerusi yang dipertandingkan. Dengan ini jatuhlah kerajaan PAS di Kelantan setelah memerintah negeri itu selama 18 tahun.

Sejak tahun 1978 kerajaan Barisan Nasional terus memerintah negeri Kelantan dengan mengadakan berbagai pembaharuan dan permodenan di atas tapak yang telah didirikan oleh kerajaan PAS.

Kekalahan PAS dalam Pilihanraya tahun 1978 ini

adalah berpunca dari perpecahan dalam PAS sendiri. Aminuddin Darus iaitu pengasas PAS Kelantan telah menarik diri dari PAS kerana beliau tidak bersetuju dengan pimpinan PAS. Pucuk pimpinan parti dikatakan telah mengalih haluan perjuangan asal parti tersebut. Selain daripada itu pucuk pimpinan juga telah melanggar peraturan permainan dalam parti khususnya mengenai<sup>9</sup> kemasukan parti PAS dalam Barisan Nasional.

### **FAKTOR-FAKTOR KEKALAHAN PAS**

Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan PAS di Kelantan ialah:-<sup>10</sup>

1. Krisis pucuk pimpinan parti itu membosankan rakyat. Krisis ini berlaku mulai bulan Ogos 1977 sehingga mengakibatkan perintah berkurung diisytiharkan di negeri Kelantan.
2. Rakyat Kelantan tidak menaruh kepercayaan terhadap PAS kerana rakyat tidak nampak kesatuan di kalangan pemimpinnya untuk memimpin 800,000 orang rakyat negeri Kelantan.
3. Sikap golongan baru terhadap PAS amat ketara dan mereka sering mempersoalkan kepimpinan parti yang telah menyimpang dari ajaran Islam yang menjadi perjuangannya.
4. Golongan muda berkeyakinan PAS tidak dapat

mengubah nasib mereka dan berpendapat ran-cangan yang dilaung-laungkan oleh pemimpin PAS tidak dapat membawa mereka ke mana-mana.

5. Isu penyingkiran Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Nasir dijadikan modal utama bagi mem-pengaruhi rakyat dalam usaha melenyapkan PAS.

Faktor-faktor inilah yang menyebabkan PAS mengalami kekalahan demi kekalahan dalam pilihanraya di negeri Kelantan sejak tahun 1978 hingga 1986. Semasa pilihanraya 1986 PAS hanya memenangi 10 kawasan DUN (Dewan Undangan Negeri) sahaja, namun begitu ini adalah satu peningkatan.

Semenjak dari peristiwa yang berlaku pada tahun 1978 kepimpinan negeri Kelantan telah berpindah dari PAS kepada Barisan Nasional. Barisan Nasional telah memerintah Kelantan selama 12 tahun, iaitu dari tahun 1978 hingga 1990.

Walaupun PAS telah mengalami kekalahan teruk dalam setiap pilihanraya dan tidak berjaya memegang pucuk pimpinan negeri Kelantan, namun semangat untuk memegang semula teraju negara tidak pernah padam. Malah PAS terus berjuang dengan mengadakan ceramah-ceramah dan rapat-rapat umum serta berbagai

usaha sepanjang kekalahannya kerana bagi pemimpin PAS perjuangan Islam tidak pernah padam kerana dalam menegakkan Islam segala halangan mesti diatasi.

Bak kata pepatah "Patah tumbuh hilang berganti". Jantas pada tahun 1988, Tengku Razaleigh telah keluar dari BN dan menubuhkan sebuah parti baru iaitu Parti Semangat 46 atau dikenali dengan nama UMNO lama. Rakyat Kelantan menyambut baik parti baru itu dan memberi sokongan yang jitu lagi padu. Di mana-mana sahaja Parti Semangat 46 diperbincangkan. BN semakin kuat berusaha dengan mengadakan ceramah-ceramah dan berbelanja beribu-ribu ringgit untuk menyogok penyokong-penyokong mereka, begitu juga dengan Semangat 46 dan PAS. Rakyat Kelantan menyambut baik usaha menggabungkan tiga parti iaitu PAS, Semangat 46, dan Berjasa lalu diberi nama Angkatan Perpaduan Ummah (APU).

Sebelum pilihanraya lagi para pemerhati politik telah menjangka bahawa parti gabungan Angkatan Perpaduan Ummah akan memenangi pilihanraya di Kelantan. Begitu juga dengan pemimpin Angkatan Perpaduan Ummah, mereka optimis bahawa APU akan menang pada 21 Oktober lalu. Demikian juga dengan pemimpin UMNO sendiri, baik di Kelantan dan bagi pihak atasan di pusat, mereka sudah menjangkakan kerajaan UMNO akan kecundang.<sup>11</sup>

Detik dan saat yang ditunggu telah tiba di mana

pada 21hb. Oktober 1990 apabila keputusan pilihanraya umum diumumkan. Kemenangan yang total diperolehi oleh Angkatan Perpaduan Ummah seperti yang berlaku pada tahun 1979 apabila PAS dan UMNO ketika itu bergabung melalui Barisan Nasional memenangi kesemua kerusi negeri dan parlimen serta menghilangkan banyak wang pertaruhan calon-calon bebas.<sup>12</sup>

Rakyat Kelantan telah menolak sama sekali kerajaan Barisan Nasional. Kini Barisan Nasional berkubur tanpa meninggalkan batu nisan, kekalahannya lebih teruk dari kekalahan yang dialami oleh PAS pada tahun 1978 dan 1982 kerana PAS berjaya juga mendapat kerusi. Ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan separuhnya masih lagi menerima PAS pada masa itu.

Rakyat Kelantan kini telah menolak segala umpan untuk memancing undi seperti basikal kepada kanak-kanak miskin, kain pelikat, batik wanita, wang ringgit dan sebagainya. Ada di antara penyokong-penyokong Semangat 46 menerima pemberian kain sarong dari parti lawan dan menjadikan kain-kain tersebut sebagai bendera dan dikibarkan di pos Semangat 46 dan PAS.<sup>13</sup> Perbuatan itu seolah-olah mahu membuktikan bahawa para penyokong pembangkang tidak mudah terpedaya.

## **SELEPAS PILIHANRAYA 1990**

Analisa pilihanraya negeri Kelantan pada 21hb. Oktober

1990 adalah seperti berikut:

PAS memenangi 24 kerusi, Semangat 46 14 kerusi dan Berjasa 1 kerusi. Dengan itu parti PAS mendapat kemenangan yang lebih, dengan ini PAS berjaya memegang teraju pemerintahan di Kelantan setelah 12 tahun memberi peluang kepada Barisan Nasional mengenali psikologi rakyat di Laut China Selatan.<sup>14</sup>

Dengan itu kerajaan PAS di bawah pimpinan Ustaz Nik Aziz bin Nik Mat telah memegang teraju pimpinan Kelantan. Berbagai isu telah ditimbulkan, di antaranya ialah kerajaan pusat akan mengurangkan peruntukan kerajaan negeri dan berbagai-bagai lagi.

Dan Ustaz Nik Aziz bin Nik Mat juga cuba mengubah sedikit undang-undang negeri Kelantan di mana wanita tidak dibenarkan mengikuti tilawah Al-Quran, perempuan tidak digalakkan kerja malam, dan arak, judi dan toto akan diharamkan dan lain-lain lagi.

Akhir sekali, mampukah PAS memegang teraju pemerintahan negeri Kelantan atau ia akan jatuh seperti dahulu? Mampukah PAS membentuk negeri Islam (mengislamkan Kelantan dari segenap segi)? Sama-samalah kita lihat dan peka ke atas perkembangan politik negeri Kelantan.

Penempatan PAS di Kelantan telah memberi kesan

yang amat positif dari segi keagamaan. Semoga PAS berjaya membentuk sebuah negara sebagaimana yang dilunaskan oleh Islam.

Begitulah sejarah jatuh bangunnya PAS dalam memerintah Kelantan. Semangat PAS tetap membawa walaupun ia jatuh dan ia akan berusaha untuk bangun.

## NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Majalah bulanan yang menjadi lidah rasmi PAS, dikeluarkan oleh Pejabat Perhubungan PAS Kelantan Kota Bharu.
- <sup>2</sup> Mohd. bin Yaacob, *Penilaian dan Kesan BN di Kelantan*, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1977.
- <sup>3</sup> Abdul Latif bin Awang, *Perkembangan dan Krisis Yang Dihadapi oleh PAS*, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1980.
- <sup>4</sup> Abdul Latif bin Awang, *Perkembangan dan Krisis Yang Dihadapi Oleh PAS*, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1980.
- <sup>5</sup> *Watan*, Selasa, 30hb Oktober, 1990.
- <sup>6</sup> Muhammad bin Yaacob, *Penilaian dan Kesan BN di Kelantan*, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1977.
- <sup>7</sup> *Watan*, Selasa, 30 Oktober, 1990.
- <sup>8</sup> *Watan*, Khamis, 25 Oktober, 1990.
- <sup>9</sup> Abdul Latif Awang, *Perkembangan dan Krisis yang Dihadapi oleh PAS*.
- <sup>10</sup> Mohd Nor Shamsudin, "Rakyat Kelantan Ubah Selera", *Mastika* April 1979, hal 4.
- <sup>11</sup> *Mingguan Kota*, 28 Oktober, 1990.
- <sup>12</sup> *Ibid*.
- <sup>13</sup> *Watan*, Khamis 25 Oktober, 1990.
- <sup>14</sup> *Watan*, Selasa 23 Oktober, 1990.

## RUJUKAN

- <sup>1</sup> *Penilaian dan Kesan BN di Kelantan* 1977, Mohd bin Yaacob, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1977.
- <sup>2</sup> *Perkembangan dan Krisis Yang Dihadapi Oleh PAS*, Abdul Latif b Awang, Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan YPTIK 1980.
- <sup>3</sup> *Watan*, 23, 25, 30 Oktober, 1990.
- <sup>4</sup> *Mingguan Kota*, 28 Oktober, 1990.
- <sup>5</sup> *Majalah Mastika*, Rakyat Kelantan Ubah Selera, Mohd Nor b Shamsudin, bulan April, hal 4.

## **PERJUANGAN UMNO-PAS: ANTARA MATLAMAT DAN REALITI**

---

### **PENGENALAN RINGKAS UMNO-PAS**

Nasionalisme dan Islam merupakan dua tenaga sosial yang penting selepas perang dunia kedua. Kelahiran UMNO bertujuan untuk menentang Malayan Union (Kesatuan Malaya) dan memperjuangkan kemerdekaan. Parti itu telah ditubuhkan pada 11hb Mei 1946, sebagai manifestasi kemuncak nasionalisme Melayu yang berlanjutan hingga ke hari ini. UMNO telah berjaya menjadi sebuah parti politik yang teguh dan memegang tumpuk pemerintahan negara ini sejak mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos 1957.

Namun demikian UMNO di zaman lapan puluhan menghadapi era yang mencabar. UMNO era 1946 diisyiharkan tidak sah, sementara itu UMNO baru

(1988) dilahirkan untuk mengisi kekosongan itu. Pengkaji politik berpendapat UMNO 1946 adalah hasil usaha Dato' Onn Jaafar dan UMNO baru pula oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad. Jarak masa antara dua parti itu adalah 44 tahun. Jika UMNO lama ditubuhkan kerana menentang Malayan Union dan memerdekakan bangsa Melayu, UMNO baru pula menyambung perjuangan UMNO yang mati kerana 'ditikam' oleh ahli-ahli UMNO sendiri. Walau apa sekalipun isu yang berkaitan dengan pengharaman dan kemunculan UMNO baru, yang penting ialah keputusan pilihanraya 1990 telah menjelaskan segala-galanya. Barisan Nasional (BN) menguasai

Lima puluh dua (52) peratus daripada keseluruhan undi dalam pilihanraya ini (1990) dan daripada jumlah ini UMNO menguasai hampir 30%. Daripada 86 kerusi parlimen yang ditandinginya, UMNO memenangi 71 kerusi.

PAS muncul setelah Kerajaan Inggeris mengharamkan beberapa pertubuhan politik yang sezaman dengan UMNO.<sup>1</sup> Bagaimanapun, PAS sebenarnya dilahirkan oleh ahli-ahli UMNO sendiri.<sup>2</sup> Dasar UMNO yang sentiasa berubah-ubah adalah di antara sebab yang membawa pemisahan bahagian agamanya dari badan induk pada tahun 1957. Golongan agama dalam UMNO tidak berpuas hati terhadap UMNO yang tidak berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, lalu keluar dari parti

itu dan menubuhkan PAS.

Pada mulanya PAS dikenali sebagai Persatuan Ulama Se-Malaya yang wujud dalam UMNO<sup>3</sup>. Oleh kerana persatuan ini berpendapat cita-cita Islam tidak boleh dicapai di dalam UMNO, ia merasakan keperluan menubuhkan satu parti Islam untuk menyatukan golongan yang cintakan Islam. Pada tahap awalnya PAS hanya merupakan pertubuhan kebajikan yang tertakluk pada undang-undang UMNO. Tetapi secara tidak langsung PAS lahir sebagai pertubuhan politik seganding dengan UMNO melalui pindaan terhadap perlembagaan dan undang-undang tubuhnya.<sup>4</sup>

Bila PAS didaftarkan secara rasmi oleh Pendaftar Pertubuhan pada 31hb Mei 1955, Dr Abbas Alias dipilih, walaupun Haji Ahmad Fuad sebelum ini dipilih, sebagai Yang Dipertua Agong PAS bersama-sama tokoh fundamentalis yang memberi nafas baru kepada organisasi PAS. Sekarang PAS dipimpin oleh golongan ulama dan memperjuangkan kesejagatian Islam, gagasan yang tidak senang dengan nasionalisme (faham kebangsaan).

### **MATLAMAT PERJUANGAN UMNO-PAS**

Berdasarkan perlembagaan UMNO dan PAS, kedua-duanya mempunyai dasar dan cita-cita politik yang berbeza. Dalam merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, UMNO telah meletakkan ciri-ciri keMelayuan, terutamanya dalam soal-soal hak-hak

istimewa orang Melayu. UMNO memperjuangkan kepentingan Melayu, 100% untuk Melayu. Meskipun demikian UMNO mendapat kepercayaan dan kerjasama parti-parti daripada kaum lain dalam Barisan Nasional. Kekuatan parti Melayu dengan sokongan kaum lain yang yakin dengan perjuangan UMNO dalam politik, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya itu, memberi kelebihan kepada UMNO dalam membentuk Kerajaan.<sup>6</sup>

Namun penubuhan UMNO dengan ciri-ciri ke Melayuan yang tulen berdasarkan nasionalisme, sedikit demi sedikit mengambil nilai-nilai Islam sebagai simbol kekuatan perpaduan atau imej orang Melayu. Ada pendapat yang menyatakan oleh kerana Islam itu agama rasmi Persekutuan, maka Melayu itu sinonim dengan Islam, ini bererti kekuatan orang Melayu dalam UMNO adalah kekuatan Islam.<sup>7</sup> Namun demikian, UMNO tidak lari daripada landasan perjuangannya yang berteraskan identiti nasionalisme. Dalam hal ini perlembagaan UMNO menegaskan ia adalah parti progresif (maju) yang berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan dan matlamat menghasilkan cita-cita Kebangsaan.<sup>8</sup> Ahmad Kamar membuat kesimpulan: "Nyatalah UMNO memperjuangkan matlamat Kebangsaan (fahaman yang sering dianggap bertentangan dengan Islam)".<sup>9</sup>

Perjuangan PAS secara kasar agak jauh berbeza dengan perjuangan UMNO. PAS menegaskan ia adalah

satu-satunya parti politik yang berjuang menegakkan negara Islam di negara ini. Mengikut Perlembagaan PAS, Islam adalah dasar perjuangan parti itu. Ia tercatat dalam Fasal 3 Perlembagaan PAS. Fasal 5 (ceraian 1) menggariskan tujuan penubuhan PAS ialah untuk memperjuangkan kewujudan di negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah. Fasal 6 (ceraian 2) menyatakan usaha-usaha PAS memperjuangkan Islam sebagai akidah dan Syariat serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai Islam di segenap bidang. Manakala Fasal 7 pula menyatakan hukum tertinggi dalam parti itu ialah Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW serta ijmak ulama dan qias yang terang dan nyata dengan ter-takluk kepada hukum tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan.<sup>10</sup> Sejajar dengan itu PAS mendakwa mempunyai dasar perjuangan yang jelas dalam mendaulatkan Islam dengan segala kesyumbulannya di negara ini.

Pemerhati politik menyifatkan PAS mempunyai entiti politik yang berlegar di sekitar isu-isu keagamaan yang bersifat tulen. Imej parti ini adalah bermatlamat untuk menegakkan negara Islam dengan mengambil kira kepentingan orang-orang bukan Islam. Dalam konteks perjuangan PAS dewasa ini ternyata ianya belum mampu menyakinkan keseluruhan masyarakat Melayu

dan lebih-lebih lagi masyarakat bukan Islam tentang dasar yang hendak dibawa oleh Parti itu dalam pentadbiran negara. Pengaruhnya hanya tertumpu disekitar minoriti masyarakat Malaysia.

PAS dari mula lagi merupakan sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam. Manakala UMNO pula kekal dari saat penubuhannya sampai ke hari ini sebagai sebuah parti yang pragmatik tanpa sebarang ideologi yang pejal, yang digarap untuk dapat menjadi dasar perjuangannya.

## **REALITI HARI INI**

Di negara yang mengamalkan sistem demokrasi, terdapat parti-parti yang bersaing di antara satu sama lain dalam rangka mencari pengaruh. UMNO dan PAS berusaha mendapatkan kuasa politik dan mereka tidak terlepas dari kenyataan bahawa setiap tindakan mereka adalah semata-mata untuk kepentingan parti sendiri supaya terus berkuasa dan memerintah Malaysia. UMNO sebagai sebuah parti yang terkenal mudah mendapatkan kepercayaan rakyat jika dibandingkan dengan parti pembangkang seperti PAS. Ia telah berjaya menjalankan pembangunan dalam bidang ekonomi dan bidang agama dan sosial. Dalam lain perkataan, UMNO berupaya membiuskan (melalikan) rakyat dengan melaksanakan program-program pembangunan di bidang sosial. Apabila anggota masyarakat berpuas hati dengan pencapaian kerajaan UMNO maka masyarakat

akan memilih parti UMNO sekali lagi dalam musim pilihanraya akan datang.

Kedudukan kuasa politik UMNO adalah kukuh kerana UMNO telah lama memegang kuasa politik di setiap negeri di Malaysia kecuali Kelantan dan Sabah. Dengan kuasa politik yang ada UMNO telah dapat membentuk kerajaan nasional dengan cara membentuk Barisan Nasional. Kejayaan UMNO ini juga menunjukkan bahawa perjuangan nasionalisme UMNO telah berjaya mempengaruhi masyarakat supaya terus menyokong perjuangannya.

Pilihanraya 1990 menimbulkan tanda tanya: Adakah UMNO telah benar-benar berjaya? PAS telah menggemparkan masyarakat Malaysia dengan mendapat kemenangan besar di Kelantan, kemenangan di luar dugaannya dan juga di luar dugaan BN. Yang lebih menyedihkan, BN lansung tidak memenangi apa-apa kerusi di Kelantan. Perkembangan ini juga menunjukkan bahawa pengaruh UMNO semakin merosot dan kekurangan di negeri-negeri yang majoriti pengundinya adalah Melayu.

Kemenangan PAS lebih tertumpu di negeri-negeri yang jelas majoriti pengundi Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah. Parti itu belum mampu untuk meluaskan pengaruhnya di negeri-negeri yang ramai pengundinya bukan Melayu. PAS belum mampu

memperlihatkan kekuatan untuk bertanding di kawasan yang para pengundinya mencerminkan keseimbangan taburan etnik. Daripada 30 kawasan yang ditandinginya 24 kawasan mempunyai 70% pengundi Melayu. Apa yang jelas sekarang ialah kepercayaan terhadap UMNO berkurangan dan rakyat memberi keyakinan kepada kerajaan baru (PAS + S46) untuk mentadbir Kelantan. Keputusan persaingan ini belum dapat dipastikan: samada PAS berjaya dalam perjuangannya mentadbir Kelantan di samping meluaskan pengaruhnya, atau ianya satu percubaan dari rakyat untuk menguji sejauh mana PAS mampu menandingi kecekapan pemerintahan UMNO.

Kesan daripada persaingan dua parti besar yang mewakili orang Melayu ialah berlakunya perpecahan sesama bangsa Melayu. Persaingan antara parti UMNO - PAS dalam rangka mencari pengaruh serta kuasa ada kalanya dalam bentuk yang negatif seperti kutuk-mengutuk, penyebaran fitnah dan lain-lain. Kedua-dua parti seharusnya bersaing tanpa memalukan bangsa sendiri. Kedua-duanya hendaklah menjadikan Islam sebagai penyelesaian persoalan etnik atau masyarakat berbilang kaum dan tidak seharusnya membiarkan percakaran dan perbalahan berterusan. Perbezaan matlamat/dasar tidak sepatutnya memecahkan perpaduan bangsa Melayu. Islam mampu memberi penyelesaian kepada masalah ini dan sejarah telah membuktikan teori Islam berjaya membendung masalah seperti ini.

## **PENUTUP**

Dalam suasana politik di Malaysia, apa yang dibimbangkan ialah ketewasan dan kecundangan Melayu Muslim di tanahairnya sendiri. Hal ini mungkin berlaku memandangkan sifat dan struktur politik negara ini. Kelangsungan Melayu Muslim semakin mencabar kerana bilangan peribumi semakin mengecil di negara ibundanya sendiri. Tokoh DAP, En. Karpal Singh sendiri berani mencabar PAS agar tidak sekali-kali cuba menggantikan Perlembagaan Negara sekarang dengan Perlembagaan Islam.

PAS dan UMNO harus sedar bahawa benteng terakhir Islam di rantau ini ialah Malaysia. Di sinilah tempat penentuan, kubu Islam akan roboh ranap sekiranya Melayu Muslim berpecah belah. Dari itu seluruh rakyat Melayu Muslim ingin melihat silahturnrahim terjalin antara para penyokong serta para pemimpin UMNO-PAS. Mudah-mudahan Islam dan umatnya di Malaysia akan menjadi lebih kuat dan kukuh.

## **NOTA HUJUNG**

- 1 Yusuf Harun, *Dialog Dengan Pemimpin*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1986.
- 2 John Funston *Malay Politics in Malaysia A Study of UMNO and PAS*.
- 3 Yusuf Harun - op.cit, ms: 377.
- 4 Op.cit, ms 3 17.
- 5 *Watan*, Selasa, 29 Ogos 1986, ms. 18
- 6 *Watan* - Op.cit. ms 10
- 7 *Watan* - op.cit. ms. 18
- 8 *Perlembagaan UMNO*, Fasal 3.
- 9 Ahmad Kamal, *Malay and Indonesia In Leadership*
- 10 *Perlembagaan PAS* - Fasal 3,5,6 dan 7

## **RUJUKAN**

- (Penulis mungkin juga telah menggunakan sumber-sumber di bawah )
- Dewan Masyarakat November 1990.  
Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi, IBS Buku Sdn Bhd.
- Rizal Rahman: *Perebutan Kuasa Politik dan Kesombongan UMNO*, diedar oleh Rezarose, Kuala Lumpur
- Zakry Abadi *Satu Analisa Pilihannaga Umum*, 1986
- Hambali Abd Latif, *UMNO Baru Malik Siapa*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, Kuala Lumpur

## **UMNO – SEJARAH RINGKAS PEMBENTUKANNYA DAN PENUBUHAN SEMULA 1988**

---

### **PENDAHULUAN**

UMNO (United Malays National Organization atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) adalah sebuah parti Melayu yang ditubuhkan pada 11hb Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru. Ia dilahirkan dalam keadaan dan suasana selepas perang di mana keadaan politik dan ekonomi Tanah Melayu masih tidak menentu.

#### **SEJARAH AWAL UMNO.**

Sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946, ia telah membentuk adat tradisi tersendiri sedikit demi sedikit. Sifat-sifat dan adat resam orang Melayu telah menyerap ke dalam UMNO secara tidak sedar dan tradisi ini sudah menjadi darah daging UMNO.

Ketika UMNO ditubuhkan, politik adalah perkara yang asing bagi orang-orang Melayu. Di zaman British dan sebelumnya, politik terhad untuk kalangan istana dan pemerintah British, rakyat menerima sahaja apa yang ditentukan oleh istana dan penjajah.

Dengan bertambahnya bilangan rakyat biasa yang mendapat pelajaran pada zaman British, satu kesedaran baru telah menular di kalangan orang-orang terpelajar, terutamanya di kalangan guru-guru. Hasil awal ialah tersiarnya rencana-rencana yang sesuai dalam akhbar-akhbar seperti *Majlis*, *Utusan Melayu* dan majalah-majalah bercorak keagamaan dan sosial.

Parti politik Melayu pertama yang disusun secara formal ialah *Kesatuan Melayu Muda*.

Di waktu British bercadang hendak menubuhkan Malayan Union telah wujud banyak pertubuhan-per-tubuhan politik selain daripada Parti Kebangsaan Melayu, di antaranya ialah Kesatuan Melayu di tiap-tiap buah negeri.

1. Parti Nasionalis Melayu (MNP) - Pengasas Dr. Burhanuddin
2. MPAJA - Malayan People's Anti Japanese Army
3. Kesatuan Melayu Johor
4. Kesatuan Melayu Singapura

### **ANCAMAN GAGASAN MALAYAN UNION**

Orang-orang Melayu mula meminati politik kerana mereka takut menghadapi masa depan yang gelap dengan pembentukan Malayan Union oleh British. Raja-raja Melayu telah pun menandatangani Perjanjian MacMichael yang menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahan British di mana semua kaum yang berada di Semenanjung Tanah Melayu akan menjadi warganegaranya - mempunyai hak yang sama seperti orang Melayu.<sup>1</sup>

Masalah pertama yang sukar diatasi pada masa itu ialah orang-orang Melayu tidak menganggap diri mereka sebagai rakyat sebuah negara Melayu, tetapi sebaliknya sebagai rakyat Raja negeri di mana mereka tinggal.

Umat Melayu sebenarnya tidak wujud, yang ada hanyalah orang Perak, orang Selangor, orang Kedah, orang Terengganu, orang Johor dan seterusnya. Dengan lain-lain perkataan mereka tidak bersatu.

Masalah kedua ialah orang-orang Melayu tidak mempunyai seorang pemimpin yang boleh diterima oleh mereka seperti rakyat Indonesia menerima Sukarno sebagai Presiden Indonesia.

Masalah ketiga ialah ketiadaan tokoh-tokoh Melayu yang terkenal dengan latarbelakang kepimpinan

yang boleh diterima oleh semua orang Melayu.

### KONGRES MELAYU

Kalau kita menyingkap kembali sejarah UMNO, ia dilahirkan dalam suasana selepas perang la itu ketika keadaan politik dan ekonomi Tanah Melayu masih tidak menentu. Pada ketika itu (selepas perang) pihak kolonial British cuba mempertahankan dan memperkuatkan kedudukan dan ideal imperialisme di Tanah Melayu. Untuk melaksanakan rancangan pengekalan British, orang-orang Melayu cuba diperdayakan dengan mendapatkan tandatangan raja-raja Melayu secara paksa supaya mereka bersetuju menu buhkan Malayan Union.

Melihat keadaan tersebut, orang-orang Melayu bertindakbalas mengadakan Kongres Melayu pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Bahru, Kuala Lumpur. Pendita Zaaba dilantik menjadi pengurus. Turut terlibat ialah Yunus Hamidi (Pengarang majalah Majlis) dan Datuk Kamaruddin Idris sebagai Bendahari untuk menaja perhimpunan tersebut. Dato' Onn telah dipilih sebagai Presiden Kongres tersebut. Kongres itu juga telah diwakili oleh 41 pertubuhan Melayu yang terdiri dari 107 wakil dan 56 orang pemerhati, termasuk ahli-ahli Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Di dalam majlis tersebut Dato' Onn antara lain

telah berkata, "Adapun maksud dan tujuan ialah keyakinan di hati kita bahawa nasib bangsa kita itu hanyalah dapat dikekalkan dengan kesatuan hati di antara kita juga dan kesatuan kebangsaan kita itu hanyalah dapat diperlihatkan dengan berpegang pada satu kepercayaan yang lebih besar dan lebih tinggi daripada bangsa itu sekali....".

Pada 29 hingga 30 Mac, satu lagi Kongres Melayu secara tergempar telah diadakan kerana British hendak meneruskan rancangan Malayan Union (MU). Jika idea MU terlaksana, ini bermakna kuasa dan kedaulatan Melayu akan pupus.<sup>2</sup>

### **PENUBUHAN PARTI UMNO**

Semua pihak merasai keperluan menubuhkan sebuah parti politik yang disertai oleh semua orang Melayu dari seluruh Malaya. Anggota parti ini boleh terdiri daripada badan sosial, sukan dan politik negeri dan juga orang perseorangan. Hanya Parti Kebangsaan Melayu Malaya sahaja yang tidak memberi sokongan penuh pada syor ini dan apabila UMNO ditubuhkan parti ini tidak menyertainya dan terus berkecuali.

UMNO ditubuhkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11hb Mei, 1946 dengan persetujuan semua badan-badan Melayu yang hadir kecuali PKMM. Dato' Onn Jaafar telah dipilih sebagai Yang Dipertua. Satu perlombagaan telah dipersetujui.

Kini UMNO telah terbentuk pada tahun 1946 sebagai sebuah organisasi dengan tujuan utamanya untuk menyatukan orang-orang Melayu dan memperbaiki taraf kedudukan Melayu yang terlalu daif dalam semua aspek.<sup>3</sup>

Hanya pada tahun 1949 perlumbagaan UMNO telah diluluskan dengan beberapa perubahan. Pihak British terpaksa mengiktiraf UMNO sebagai wakil orang-orang Melayu setelah UMNO berjaya menggerakkan orang Melayu di seluruh Semenanjung untuk berdemonstrasi menentang Malayan Union terutama semasa lawatan ahli Parlimen British David Roes Williams dan Captain Gammons. Demonstrasi tersebut memberi kesan yang besar kerana penduduk Malaya tidak pernah berdemonstrasi di zaman British.

### **MALAYAN UNION DIGANTI DENGAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

Perjuangan UMNO dibawah pimpinan Dato' Onn telah berjaya memaksa British membubarkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) yang mengembalikan kedaulatan orang Melayu sebagai tuan punya Semenanjung Tanah Melayu. Hanya sebilangan kecil sahaja dari penduduk keturunan Cina dan India telah diberi kerakyatan Tanah Melayu.

Jika sebelum Perang Dunia Kedua hanya empat

buah negeri Melayu sahaja digabungkan dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Persekutuan Tanah Melayu menggabungkan kesemua negeri-negeri Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka. Hanya Singapura sahaja terkecuali dari Persekutuan ini.

### **ARAH PERJUANGAN KEPIMPINAN UMNO**

Semasa Dato' Onn memimpin UMNO, isu utamanya ialah menggugurkan Malayan Union, kerana rancangan itu telah merampas hak orang-orang Melayu dan raja-raja Melayu. Tetapi pada tahun 1948, orang-orang Melayu dapat menukarkan Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Kemudian Dato' Onn ingin membuka pintu UMNO kepada bangsa-bangsa asing, oleh kerana itu, dia mendapat tentangan daripada ahli-ahli UMNO sendiri. Akhirnya beliau meninggalkan UMNO pada tahun 1951 dan tempat beliau diganti oleh Tunku Abdul Rahman. Matlamat Tunku adalah hendak mencapai kemerdekaan. Cara Tunku menjalankan polisi agak halus sedikit. Beliau tidak membuka pintu UMNO kepada bangsa-bangsa asing, sebaliknya menubuhkan MCA (untuk orang-orang Cina), MIC (untuk orang-orang India) untuk bersatu dalam satu parti Perikatan menuntut kemerdekaan. Tunku menghadapi banyak cabaran. Beliau terpaksa menamatkan Darurat, dan menghapuskan pengganas. Setelah pengganas dihapuskan, pada tahun 1961 barulah pembangunan negara dapat disusun, terutamanya di bawah penyeliaan Tun Abdul Razak sebagai

Timbalan Perdana Menteri.<sup>4</sup>

Sumbangan UMNO yang paling besar ialah mengembalikan semula maruah bangsa Melayu dan melepaskan rakyat dan negara dari penjajahan disamping meletakkan negara, bangsa dan agama pada tempat yang paling tinggi dan istimewa.<sup>5</sup>

### **PERBEZAAN PEMIMPINAN TUNKU, TUN RAZAK, TUN HUSSEIN ONN DAN DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD**

Pada zaman Tunku dan Tun Abdul Razak, UMNO lebih mengutamakan perpaduan rakyat. Sebelum zaman Tun, tidak ada pembangunan luarbandar. Berbekalkan 'Buku Merah' Tun Razak berjaya mewujudkan petani-petani moden melalui penubuhan Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan). Beliau juga membina jalanraya, mengasaskan rangkaian bekalan elektrik, mendirikan sekolah-sekolah, jambatan-jambatan, balairaya-balairaya dan sebagainya. Begitu juga di zaman Tun Hussein Onn – negara terus maju di bawah pimpinannya. Dato' Sri Dr Mahathir lebih mengutamakan kedudukan ekonomi negara dan meningkatkan kadar eksport. Untuk menambahkan pertukaran wang asing, negara terpaksa melahirkan hubungan yang aktif dengan negara-negara membangun. Negara juga bergerak aktif dalam menyelesaikan masalah-masalah dunia. Satu demi satu langkah raksasa dibuat oleh Dato' Seri. Antara penglibatan besar beliau ialah dalam persidangan antara-bangsa mengenai pengedaran dan penggunaan dadah.

(ICDEIT) di Vienna, Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan negara-negara Commonwealth di Kuala Lumpur, juga Sidang Selatan yang baru berakhir di Caracas.<sup>6</sup>

Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 30hb November, 1990, banyak isu yang dibahaskan oleh perwakilan. Antara yang menarik ialah ucapan Timbalan Presiden UMNO En Abdul Ghaffar Baba agar jangan dijadikan UMNO sebagai Parti pilihanraya, ia hendaklah bergerak sepanjang masa. Kewujudannya hendaklah dirasai oleh rakyat di merata tempat.<sup>7</sup>

### **PERGOLAKAN DALAM UMNO 1987**

Sejak penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO mengadakan perhimpunan agungnya tahun 1987 dulu, boleh dikatakan ia tidak putus-putus dilanda pergolakan. Dalam perhimpunan pada 24hb April 1987, kita menyaksikan pertandingan sengit merebut berbagai jawatan Majlis Tertinggi (MT). Dato' Musa Hitam, secara mengejut meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO. Beliau kemudian bergabung tenaga dengan Tengku Razaleigh mencabar pimpinan Presiden UMNO, Dato' Seri Dr Mahathir. Kempen-kempen pahit lagi luarbiasa telah dilakukan sebelum pertarungan pada 24hb April 1987.

Para perwakilan telah memberi kemenangan kepa-

da Dato' Seri Dr Mahathir untuk terus kekal sebagai Presiden dan En. Abdul Ghaffar Baba sebagai Timbalan Presiden. Namun demikian, semangat untuk menentang pimpinan Perdana Menteri masih berterusan. Setelah beliau mengetahui bahawa beliau hanya mendapat separuh sokongan parti dan sekiranya beliau ingin menjadi pemimpin yang berkesan beliau memerlukan sokongan padu UMNO, Dato' Seri Dr Mahathir secara terbuka dalam satu ucapan di Labuan (Sabah) pada 11 September 1987 meminta ahli dan pemimpin parti yang lain supaya merapatkan hubungan dalam Barisan.

Dalam kata-kata lain, beliau mahu supaya kewujudan dua *team* dalam UMNO - pasukan A dan pasukan B – yang lahir menjelang pemilihan 24 April itu dileyaskan. Beliau juga menjelajah seluruh negara bertemu dengan ahli-ahli parti menyebarkan gagasan perpaduan ini. Di kalangan mereka, masih ada yang meneruskan kegiatan mencabar pimpinan Presiden parti.

## **UMNO DI MAHKAMAH**

Pengisytiharan kemenangan Dato' Sri Dr Mahathir dengan 43 undi tidak sepatutnya dicabut. Ini kerana UMNO adalah sebuah parti yang demokratik dan kemenangan dengan hanya kelebihan satu undi tetap diterima. Dalam pemilihan pada pemilihan 24 April 1987 itu, sekumpulan 12 orang ahli UMNO (kebanyakan mereka pemimpin peringkat cawangan, yang didalangi oleh

mereka yang tidak berpuashati dengan keputusan 24 April itu) telah menggunakan mahkamah untuk menjatuhkan pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir. Kumpulan 12 orang itu yang kemudiannya menjadi Kumpulan 11 apabila seorang daripadanya menjauhkan diri, telah mengemukakan saman kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 26 Jun 1987 meminta Mahkamah melakukan dua perkara: Pertama, mengisyiharkan keputusan pemilihan 24 April 1987 itu sebagai batal dan tidak sah; kedua, meminta pihak mahkamah mengeluarkan satu perintah supaya pemilihan baru diatur.

Secara terbuka, kumpulan itu dalam afidavitnya mendakwa bahawa Perhimpunan Agung Umno itu tidak sah kerana terdapat 53 cawangan dalam tujuh Bahagian UMNO telah tidak didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Menurut kumpulan itu, cawangan-cawangan ini telah menghantar 78 orang perwakilan ke persidangan peringkat Bahagian yang kemudian mengambil bahagian dalam Perhimpunan Agung. Mereka mendakwa bahawa kehadiran perwakilan cawangan-cawangan yang tidak berdaftar ini adalah menyalahi Akta Pertubuhan 1966. Lalu mereka meminta supaya pemilihan pada 24 April itu diisyiharkan tidak sah dan satu pemilihan baru diadakan.

Motif sebenar kumpulan 11 itu membawa kes mereka ke Mahkamah melebihi daripada apa yang dinyatakan secara terbuka dalam afidavit mereka. Sasaran

mereka sebenarnya ialah pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir. Mereka mahu belliau meletak jawatan sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri. Motif kumpulan ini terdedah apabila mereka meletakkan prasyarat bahawa Dato' Seri Dr Mahathir hendaklah meletakkan jawatan sekiranya kes mereka tidak mahu ke mahkamah.

Pendirian mereka ini telah dinyatakan kepada sebuah Jawatankuasa Khas yang dibentuk oleh Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya pada 26hb September 1987 untuk mencari jalan supaya Kumpulan 11 itu tidak meneruskan rancangan mereka untuk membawa UMNO ke Mahkamah.

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Naib Presiden parti Datuk Abdullah Ahmad Badawi ini turut dianggotai oleh Setiausaha Agung UMNO, Dato' Seri Sanusi Junid, Pengurus Biro Perpaduan Agung UMNO, Dato' Napsiah Omar, Ketua Penerangan, Senator Datuk Hussein Ahmad dan ahli Majlis Tertinggi, Dato' Kadir Sheikh Fadzil. Jawatankuasa ini telah mengadakan pertemuan dengan Kumpulan 12. Hanya tujuh orang dari mereka yang hadir. Terbukti dalam pertemuan yang sekali itu, mereka tidak berminat untuk bertolak ansur. Sebaliknya mereka berkeras untuk membawa kes UMNO ke Mahkamah kecuali jika Dato' Seri Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai Presiden UMNO. Syarat ini tentu tidak boleh diterima kerana Dr. Mahathir adalah pihak yang menang dalam pilihanraya 24 April itu.

Apabila motif sebenar kumpulan tersebut diketahui, usaha memujuk mereka telah dihentikan kerana tidak ada gunanya mereka dipujuk sekiranya mereka mengenakan syarat yang tidak berasas dan keterlaluan. Dalam keadaan itu, pucuk pimpinan membuat keputusan untuk tidak campurtangan dan menyerahkan kepada mahkamah, sebagai sebuah badan bebas membuat penentuan.<sup>8</sup>

### **UMNO DIHARAMKAN**

Setelah beberapa bulan perbicaraan berlangsung, Mahkamah Tinggi akhirnya membuat keputusan pada 4 Februari 1988 terhadap saman yang dikemukakan oleh Kumpulan 11 itu. Hakim Dato' Harun Hashim, telah menolak permintaan Kumpulan 11 itu supaya diisyiharkan pemilihan pada 24 April 1987 batal dan tidak sah. Hakim juga tidak mengarahkan supaya UMNO mengadakan satu pemilihan baru Majlis Tertingginya. Hakim tersebut berpendapat bahawa tuntutan itu tidak dapat dipenuhi kerana pada waktu pemilihan itu berlangsung pada 24 April 1987 UMNO sebenarnya adalah sebuah pertubuhan yang tidak sah seperti yang didakwa oleh Kumpulan 11, yakni dalam parti itu terdapat beberapa cawangan yang tidak berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Berdasarkan hakikat itu Hakim Dato' Harun Hashim mengisyiharkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah sejajar dengan peruntukan 12(1) dan 12(3) Akta Pertubuhan 1966. Pertubuhan 12(1) menyatakan:

"Tiadalah sesuatu pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan sesuatu cawangan dengan tiada terlebih dulu mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan."

Peruntukan 12(3) pula menyatakan :

"Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan satu cawangan dengan tiada terlebih dulu mendapat kebenaran Pendaftar maka pertubuhan berdaftar itu dan cawangan yang ditubuhkan demikian itu hendaklah disifatkan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang".

Berdasarkan peruntukan undang-undang itu, dan atas permintaan sekumpulan ahli UMNO itu sendiri, parti yang ditubuhkan sejak 1 Mei 1946 yang merupakan wadah kuasa bangsa Melayu, telah lenyap.<sup>9</sup>

### **KEHILANGAN KUASA MELAYU**

Hang Tuah pernah berkata "Melayu tidak akan hilang di dunia". Kata-kata ini mungkin benar. Tetapi pernahkah kita terfikir mengenai kemungkinan Melayu hilang kuasa? Barangkali tidak. Tetapi selepas UMNO diisytiharkan sebuah pertubuhan yang tidak sah dan selepas itu pendaftarannya dibatalkan, tidak ramai yang sedar bahawa sebenarnya Melayu telah kehilangan kuasa dari segi teori.

Ini ialah kerana Malaysia adalah sebuah negara

demokrasi berparlimen. Di negara-negara yang mengamalkan ciri-ciri pemerintahan serupa itu, parti-parti politik merupakan alat untuk mendapatkan kuasa. Dalam konteks bangsa Melayu dan negara ini, alat itu ialah UMNO. Oleh yang demikian, apabila pendaftaran UMNO dibatalkan, ini bermakna alat itu telah lenyap. Kedudukan Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Pengurus Barisan Nasional dan Perdana Menteri sebenarnya telah tergugat. Ini boleh terjadi sekiranya rakan-rakan UMNO yang lain dalam Barisan Nasional berpakat sesama sendiri untuk membentuk sebuah kerajaan tanpa UMNO yang telah mati. Ini adalah satu kemungkinan kerana parti-parti yang lain dalam Barisan sebenarnya mempunyai jumlah kerusi yang cukup untuk membentuk sebuah kerajaan. Tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana mereka memberi peluang kepada pemimpin Melayu dalam UMNO untuk mencari jalan bagi memulihkan semula UMNO. Inilah usaha yang telah dilakukan oleh Dato' Seri Dr Mahathir dalam masa dua minggu selepas partinya diisytiharkan tidak sah.

### **PENUBUHAN UMNO BARU**

Untuk menyelamatkan kuasa Melayu, Dato' Seri Dr Mahathir telah mendaftarkan semula UMNO. Tetapi oleh kerana UMNO asal yang diambil alih harta dan urusannya oleh Pemegang Amanah perlu diasangkan secara rasmi daripada pertubuhan yang menggantikannya, maka nama pertubuhan yang baru didaftar dibeza-

kan sedikit dengan menyebut perkataan "Baru" selepas perkataan "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu".

Pendaftarannya telah diluluskan pada 13 Februari, 1988 pada hari ia diterima semula sebagai anggota Barisan Nasional. Dengan tertubuhnya UMNO, kuasa Melayu telah berjaya dipulihkan semula dan ia memainkan peranannya sebagai tulang belakang Barisan Nasional yang memerintah negara ini. Maka kemungkinan Melayu hilang kuasa buat selama-lamanya telah ditebus semula.

Kumpulan 11 pula, dikatakan ingin menghidupkan UMNO dan memohon supaya mahkamah mengarahkan pembatalan pendaftaran UMNO Baru dan mendaftarkan semula UMNO Malaysia.<sup>10</sup>

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO ditubuhkan untuk mewarisi perjuangan UMNO asal seperti yang jelas terkandung dalam perlembagaan yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Jika diteliti kandungan perlembagaan UMNO yang diisyiharkan tidak sah oleh mahkamah dengan perlembagaan UMNO yang telah dihidupkan semula, kita dapat bahawa tidak ada perbezaan ketara, baik dari segi perjuangan, struktur parti dan keahlian. Sebenarnya pendaftaran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru)

atau UMNO adalah langkah paling baik untuk memulihkan UMNO yang telah diharamkan itu bagi meneruskan perjuangan menegakkan agama dan bangsa.

Pada mulanya dalam satu perjumpaan khas yang diadakan pada 5 Februari 1988 oleh bekas-bekas ahli Majlis Tertinggi di Sri Perdana Kuala Lumpur empat orang pegawai penaja telah dilantik. Mereka ialah Dato' Seri Dr Mahathir sebagai Presiden, Encik Abdul Ghafar Baba sebagai Timbalan Presiden, Dato' Mohammad Rahmat sebagai Setiausaha Agung dan Dato' Daim Zainuddin sebagai Bendahari. Selepas pendaftarannya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 13 Februari 1988 dengan nombor pendaftaran Wilayah Persekutuan 676/88, barulah senarai penuh Majlis Tertingginya seramai 34 orang disediakan. Kebanyakan mereka yang dilantik adalah terdiri dari ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO yang dipilih pada 24 April 1987.

Selepas pembentukan Majlis Tertinggi, maka dalam Mesyuarat Tertinggi pada 6 Julai 1988 pucuk pimpinan telah memulihkan Badan Perhubungan UMNO peringkat Negeri dan seterusnya memulihkan 133 Bahagian dan 8,668 Cawangan UMNO di seluruh negara. Gerakan mendaftarkan semula ahli-ahli UMNO mula dilancarkan ke seluruh negara dengan sambutan yang amat menggalakkan.

Pemulihan UMNO terus dijalankan dengan pemuli-

han Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita pada 21 Mei 1988. Seperti yang diperuntukkan oleh perlembagaan, Presiden parti dengan persetujuan Majlis Tertinggi telah melantik Ketua dan Naib Ketua bagi kedua-dua Pergerakan itu. Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, manakala Datin Paduka Rafidah Aziz sebagai Ketua Pergerakan Wanita. Mereka kemudian memulihkan Jawatankuasa Pusat Pergerakan masing-masing dan seterusnya memulihkan Pemuda, Perhubungan Negeri, Bahagian dan Cawangan Pemuda dan Wanita di seluruh tanahair.

Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya pada 21 Februari 1988 telah menimbang dan meluluskan rangka perlembagaan parti. Perlembagaan ini telah disesuaikan dengan keadaan semasa bagi memperkuatkannya lagi kedudukan parti dalam meneruskan perjuangannya yang mungkin mencabar pada masa hadapan sambil mengambil kira masalah-masalah yang berbangkit di mana sebelumnya telah melemah dan memecahkan parti. Perlembagaan ini telah pun diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 16 Mei 1988. Majlis Tertinggi juga telah merangka dan meluluskan Peraturan Persidangan UMNO, Pemuda dan Wanita pada 9 September 1988.

### **UMNO PULIH SEPENUHNYA**

Dengan penubuhan Majlis Tertinggi, Badan Perhubungan Negeri-negeri, Bahagian-bahagian dan Cawangan-

cawangan serta pemulihan Pergerakan Pemuda dan Wanita, Badan Perhubungan Pemuda dan Wanita Negeri, Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan Pemuda dan Wanita di seluruh negara, maka pemulihan UMNO kepada tahap asal sebelum ia diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi boleh dikatakan lengkap dan sempurna. Kegiatan politik di peringkat 'grassroot' yang kosong selepas UMNO diharamkan telah bernaafas semula di mana Perhimpunan Agung diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 1988 dan Perjumpaan Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 27 Oktober 1988. Satu Perhimpunan Agung Khas untuk menimbang dan meluluskan perlembagaan parti juga diadakan pada 28 Oktober 1988. Pada bulan Januari tahun 1989, cawangan-cawangan telah mengadakan mesyuarat agung masing-masing untuk memilih pucuk pimpinan yang baru. Ini diikuti dengan pemilihan jawatankuasa peringkat Bahagian dalam mesyuarat agungnya yang diadakan pada bulan April tahun 1989.

Keahlian telah dibuka sepenuhnya kepada setiap orang Melayu yang menerima perjuangan UMNO. Sejak dibuka pendaftaran keahlian pada awal bulan Jun 1988 sudah lebih 1 juta orang-orang Melayu memohon dan diterima keahlian oleh Majlis Tertinggi. Ini bererti orang-orang Melayu menerima perjuangan UMNO.

Perpaduan orang Melayu akan terus menjadi perjuangan utama UMNO. UMNO sendiri merasakan perlu

untuk berusaha secara jujur lagi ikhlas untuk mengejalkan sebarang perpecahan di kalangan masyarakat Melayu terus berlaku. Pertelingkahan dan perpecahan yang telah berbangkit daripada rebutan kuasa oleh mereka yang tamak kuasa dan kecewa adalah amat dikesali. Rakyat amat kecewa dengan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini dan mengharapkan agar UMNO mengambil langkah segera untuk menyatukan rakyat Melayu demi keutuhan negara dan masa depan orang-orang Melayu. Atas hasrat inilah Majlis Tertinggi telah mengambil langkah mempersetujui pertemuan di antara Presiden, Timbalan Presiden UMNO dengan Dato' Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah. Tawaran UMNO ini dibuat secara terbuka dan tanpa syarat.

Ini bermakna proses pemulihan UMNO yang dimulakan pada 5 Februari 1988, iaitu sehari selepas ianya diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988, telah berjalan lancar dan kuasa politik Melayu di Malaysia telah dipulihkan sepenuhnya.

Ucapan Dato' Dr Mohd Yusuf Nor (Ahli Majlis Tertinggi) yang kini menjadi Menteri Perusahaan Awam ketika Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Terengganu pada 19 Ogos 1989 jelas menampakkan pendirian UMNO. Antaranya beliau menyeru perjuangan dalam UMNO dijadikan teras tumpuan pemimpin dan ahli bagi menghindarkan golongan "opportunis" yang akan mencacatkan keadaan. Beliau menyeru agar

diawasi tindakan orang-orang luar yang berusaha untuk melumpuhkan negara dalam berbagai segi kerana Malaysia kini cukup baik dari kacamata dunia.<sup>11</sup>

### **UMNO SEKARANG**

Dalam Pilihanraya 1990 pada 21 Oktober baru-baru ini, UMNO sekali lagi telah diberi mandat oleh orang-orang Melayu. Meskipun Kelantan telah jatuh ke tangan Angkatan Perpaduan Ummah, di samping Terengganu kehilangan 10 kerusi Dewan Undangan Negeri, namun di negeri-negeri lain UMNO tetap mantap. Orang-orang Melayu masih sayangkan UMNO, walaupun keyakinan mereka tergugat selepas UMNO diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi.

Suasana politik tahun 1989 dan 1990 sudah banyak berubah, UMNO kembali memantapkan sokongan untuk memulihkan keyakinan orang-orang Melayu setelah 'carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum semula'.

Pengakuan terus terang dari Datuk Samy Vellu (MIC) dan Datuk Lee Kim Sai dan lain-lain pemimpin bukan Melayu dalam Barisan Nasional, bahawa kemenangan mereka banyak bergantung kepada undi Melayu jelas menunjukkan keyakinan orang-orang Melayu terhadap UMNO sudah semakin kental.

Perhimpunan Agung pada 29 November hingga 2 Disember 1990 yang baru berlalu menunjukkan seman-

gat perpaduan ahli-ahli sudah menggalakkan. Walaupun terdapat sedikit perbezaan pendapat, namun semuanya dilalui dengan bersopan. Apatah lagi pemilihan pucuk pimpinan kali ini diadakan selepas Barisan Nasional mencapai kemenangan cemerlang.

Banyak sebab boleh diberikan bagaimana kepercayaan orang-orang Melayu kepada UMNO kembali pulih. Selain dari keyakinan mereka kepada kepimpinan, mereka juga masih sayangkan UMNO sebagai parti warisan bangsa, demi perpaduan dan kekuatan politik ketuanan Melayu.

Orang-orang Melayu memberi sokongan pada UMNO kerena mereka curiga terhadap DAP yang menjadi kawan rapat Semangat 46 dalam Gagasan Rakyat. Perubahan sikap DAP terhadap ketuanan Melayu belum meyakinkan orang-orang Melayu kerana "terlanjur perahu boleh ditarik, terlanjur kata buruk padahnya."

Ucapan-ucapan keras Karpal Singh (DAP) mengenai isu agama begitu menghiris perasaan orang-orang Melayu. Demikian juga ucapan-ucapan Lim Kit Siang (DAP) di masa lampau lebih banyak yang pahit untuk ditelan oleh orang-orang Melayu.<sup>12</sup>

## **KESIMPULAN**

UMNO dilahirkan dengan tujuan untuk menjaga perpaduan orang-orang Melayu seluruhnya. Dengan

semangat yang berkobar-kobar pemimpin dan orang Melayu terdahulu terus berjuang untuk menegakkan kedaulatan Melayu. Akhirnya British terpaksa tunduk dan akur dengan Persekutuan Tanah Melayu. Seterusnya UMNO terus menjadi tunggak perjuangan Melayu di mana selama 33 tahun ia memerintah Malaysia dengan mencapai kejayaan demi kejayaan. Malangnya masih ada di antara ahlinya sendiri yang mempunyai perasaan irihati dengan kejayaan itu, UMNO telah diisyiharkan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988. Tetapi berkat ketabahan barisan pimpinannya dan keazaman orang-orang Melayu, UMNO akhirnya berjaya ditubuhkan semula setelah pendaftarannya diluluskan pada 13 Februari 1988 dengan nama 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau UMNO (Baru).

## **NOTA AKHIR**

- <sup>1</sup> Abdullah Khir dan Nur Abdulllah, *Siapa Mengkhianati Perjuangan Melayu*, Tiada Penerbit, Kuala Lumpur, 1990, hal. 2.
- <sup>2</sup> Mahadzir Mohd. Khir, Apakah Sebenarnya 'Semangat 46' Dewan Masyarakat, Jilid 27, Bil. 03, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac 1989, hal. 33.
- <sup>3</sup> Ibid, Mahadzir Mohd Khir, Dewan Masyarakat, Mac 1989, hal. 34.
- <sup>4</sup> Zaiton Nasir, Temubual Dengan Datuk Hj. Musstafa Jabar, UMNO Semakin Matang Dalam Perjuangan, Dewan Masyarakat, Jilid 22, Bil. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Mei, 1984, hal. 11.
- <sup>5</sup> Jaafar Hj Abdul Rahim, Persaingan Dan Perpaduan Mematangkan UMNO, Dewan Masyarakat, Jilid 22, Bil. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Mei 1984, hal. 16.
- <sup>6</sup> Tai Sing Onn, *Fokus Menjelang Hari Kebangsaan Ke 33*, Mahathir menyambung Tradisi Kejayaan, Utusan Malaysia, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Rabu, 15hb Ogos, 1990, hal. 6.
- <sup>7</sup> Encik Abdul Ghafar Baba, Perjuangan Memantapkan Dan Kukuhkan UMNO, Utusan Malaysia, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Jumaat, 20hb November 1990, hal. 6.
- <sup>8</sup> UMNO Bahagian Hulu Terengganu, *Penyata Tahunan 1988/89 Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Terengganu Sabtu (19hb Ogos, 1989)*, Kuala Terengganu, 1989, hal. 1-3.
- <sup>9</sup> Ibid, UMNO Bahagian Hulu Terengganu, Hal. 4.
- <sup>10</sup> Abdullah Khir dan Nur Abdulllah, *Siapa Mengkhianati Perjuangan Melayu*, Tiada Penerbit, Kuala Lumpur, 1990, hal. 61.
- <sup>11</sup> UMNO Bahagian Hulu Terengganu, *Penyata Tahunan 1988/89 Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Terengganu, Sabtu (19hb Ogos, 1989)*, Kuala Terengganu, 1989.
- <sup>12</sup> A. Samad Idris, Kepercayaan Melayu Kepada UMNO Sudah Pujih, Utusan Malaysia, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Rabu 19hb, Disember, 1990, hal. 6.

## **BIBLIOGRAFI**

- A. Samad Idris, Kepercayaan Melayu Kepada UMNO Sudah Pulih, *Utusan Malaysia*, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Rabu 19hb. Disember, 1990, hal. 6.
- Abdullah Khir dan Nur Abdullah, *Siapa Mengkhianati Perjuangan Melayu*, Tiada Penerbit, Kuala Lumpur, 1990.
- Encik Abdul Ghafar Baba, *Perjuangan Memantapkan Dan Kukuhkan UMNO*, *Utusan Malaysia*, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Jumaat 20hb. November 1990, hal. 6.
- Jaafar Hj. Abdul Rahim, *Persaingan Dan Perpaduan Mematangkan UMNO*, Dewan Masyarakat, Jilid 22, Bil. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Mei 1984, hal. 16.
- Mahadzir Mohd. Khir, Apakah Sebenarnya 'Semangat 46' *Dewan Masyarakat*, Jilid 27, Bil. 03, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac 1989, hal. 33-34.
- Tai Sing Onn, *Fokus Menjelang Hari Kebangsaan Ke 33*, Mahathir Penyambung Tradisi Kejayaan, *Utusan Malaysia*, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, Rabu, 15hb. Ogos, 1990, hal. 6.
- UMNO Bahagian Hulu Terengganu, *Penyata Tahunan 1988/89 Persidangan Perwakilan*: UMNO Bahagian Hulu Terengganu, Sabtu (19hb. Ogos, 1989), Kuala Terengganu, 1989.
- Umno Bahagian Hulu Terengganu, *Buku Cenderamata Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Hulu Terengganu*, Sabtu (19hb. Ogos 1989), Kuala Terengganu, 1989.
- Zaiton Nasir, Temubual Dengan Datuk Hj. Musstafa Iabar, UMNO Semakin Matang Dalam Perjuangan, *Dewan Masyarakat*, Jilid 22, Bil. 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 15 Mei 1984, hal. 11.

## KRISIS UMNO – SEMANGAT 46: SATU TINJAUAN

### PENDAHULUAN

Parti UMNO yang telah memerintah negara ini lebih 35 tahun telah ditimpa malapetaka. Sejak mahkamah mengharamkan UMNO pada 4 Februari 1988, pergolakan politik di dalam parti tersebut (di kalangan pemimpin parti) sampai ke kemuncaknya. Umno menghadapi masalah demi masalah. Ini termasuk perkara yang berkaitan dengan dasar kerajaan, bangunan UMNO dan berbagai-bagai isu lagi.

Implikasinya amatlah kritikal sekali sehingga wujudnya persaingan antara dua kumpulan, iaitu A dan B, di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO. Kemudian timbul kes pendaftaran UMNO selepas ia diharamkan. Kedua-dua kumpulan (A dan B) berlumba-lumba untuk

mendaftar UMNO semula dengan pihak Pendaftar Persatuan. Kumpulan B telah gagal tetapi terus berusaha untuk menentang kumpulan A.

Sejak itu gagasan 46 terus diketengahkan dan dipopularkan dalam kempen pilihanraya kecil Johor Bharu pada bulan Ogos 1988. Di dalam pilihanraya kecil tersebut, UMNO (Baru) menerima kekalahan di tangan calon BEBAS dari kumpulan B yang mula menggunakan slogan SEMANGAT 46.<sup>1</sup>

### **SEJARAH PENUBUHAN UMNO**

Sebelum kita membincangkan lebih lanjut tentang krisis UMNO dan Semangat 46 (S46), adalah lebih baik kita tinjau dulu asal-usul parti UMNO.

UMNO dilahirkan pada tahun 1946, iaitu apabila timbulnya kesedaran di kalangan orang-orang Melayu untuk bersatu padu dalam sebuah parti politik. Ia kemudiannya lebih dikenali dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau singkatan dalam bahasa Inggeris UMNO. Cadangan asal pertubuhan ini adalah United Malay Organisation sahaja atau UMO. UMO kemudiannya menjadi UMNO atas inisiatif pendita Za'ba yang mengusulkan perkataan kebangsaan (atau National) dimasukkan.

Pada peringkat ini, UMNO merupakan salah satu dari pertubuhan-pertubuhan Melayu, dan setiap per-

tubuhan mengekalkan nama dan identiti tersendiri. Hingga tertubuhnya UMNO secara rasminya sebagai pertubuhan politik pada 11 Mei 1946 masih ada pertubuhan yang mahu mengekalkan identiti tersendiri seperti SEBERKAS di negeri Kedah. Hanya pada bulan Februari 1948 barulah UMNO berdiri sendiri tanpa bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan kecil.<sup>2</sup>

Semenjak dari itu, perhimpunan-perhimpunan UMNO sering diadakan hingga ke perhimpunan 24 April 1987. Ini disebabkan ada persaingan sengit untuk merebut jawatan dalam Majlis Tertinggi. Persaingan ini lebih sengit kerana jawatan Presiden dan Timbalan Presiden turut dipertandingkan.

Kemudian isu menang-kalah dalam pemilihan tersebut telah menjadi hangat, sehinggalah UMNO dibawa ke mahkamah oleh 11 orang ahlinya. Akibatnya UMNO telah diharamkan dan kemudiannya telah di-daftarkan semula. Sesungguhnya inilah titik-tolak perpecahan yang berlaku dalam UMNO. Akibatnya lahirlah UMNO Baru dan UMNO Lama.

### **KENAPA TERJADI SEMANGAT 46?**

Sejak mahkamah mengharamkan parti UMNO pada 2 Februari 1988, wujudlah dua kumpulan di dalam UMNO.

Kumpulan pertama mempertahankan bahawa mereka adalah kumpulan yang sah sebagai pendokong

dan pewaris UMNO, iaitu UMNO yang sudah didaftar semula dikenali dengan nama UMNO BARU, dan kemudian perkataan "BARU" digugurkan kerana ia sebenarnya didaftarkan sebagai PEKEMBAR (BARU) atau UMNO. Manakala satu lagi kumpulan menggelarkan diri mereka sebagai SEMANGAT 46. Mereka juga menganggap kumpulan mereka sebagai pewaris UMNO lama yang mahu dihidupkan semula.

Kumpulan pertama (UMNO Baru), rata-rata terdiri daripada mereka yang masih memegang tampuk pemerintahan kerajaan Malaysia yang sah (legitimate), iaitu Dr. Mahathir, Ghafar Baba dan menteri-menteri kabinet Melayu yang lain serta Menteri-menteri Besar. Kebanyakan mereka memenangi pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada bulan April 1987 dan sebagai ahli-ahli Majlis Tertinggi parti UMNO yang baru.

Kumpulan kedua diketuai oleh Datuk Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah (yang kalah dalam pemilihan 1987) dan bekas-bekas menteri yang pernah menganggotai kabinet Dr. Mahathir. Antara mereka ini ada yang memenangi pemilihan UMNO 1987. Kumpulan ini tidak berpuas hati dengan pimpinan Dr. Mahathir dan pada peringkat awalnya selepas UMNO diharamkan pada bulan Februari 1988, mereka cuba mendaftarkan kumpulan mereka sebagai UMNO Malaysia dengan sokongan dua orang bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussien Onn.

Pada mulanya, kedua-dua kumpulan hanya cabar-mencabar dalam parti yang sama. Kesudahannya cabaran ini mewujudkan dua kumpulan yang berasingan dan masing-masing mengakui memperjuangkan UMNO. Ini jelas kelihatan dalam pilihanraya kecil Parlimen dan Negeri di Johor Bharu pada bulan Ogos 1988 dan di Parit Raja pada bulan Oktober 1988. Di Johor Bharu kumpulan kedua menang sementara di Parit Raja pula kumpulan pertama yang menang.<sup>3</sup>

Dari sini nyatakan bahawa kemunculan kumpulan kedua atau Semangat 46 ini adalah hasil daripada pergolakan dalaman politik UMNO yang hanya dianggotai oleh beberapa bekas pemimpin yang merasa tidak puas hati dengan pucuk pimpinan UMNO itu sendiri.

### **PENGERTIAN SLOGAN SEMANGAT 46**

Sejak kumpulan UMNO yang baru diperkenalkan, para anggotanya menggunakan slogan "Semangat 46". Konsep "Semangat 46" tidak pernah wujud sebelum ini. Barangkali ada sesuatu mesej tertentu yang hendak diketengahkan. Mungkin ia bertujuan untuk memperlihatkan kesinambungan perjuangan UMNO yang telah ditubuhkan pada bulan Mei 1946 dan mengakui bahawa mereka masih UMNO. Sekiranya tahun 1946 dijadikan ukuran semangat perjuangan, mungkin hal ini tidak tepat kerana tahun-tahun 1940-an amat berbeza sekali dengan tahun-tahun 80-an.<sup>4</sup>

Walau bagaimanapun, berdasarkan episod ringkas tentang penubuhan UMNO, nampaknya penggunaan "Semangat" mungkin dapat dikaitkan dengan tarikh iaitu tahun 1946, apabila UMNO ditubuhkan. Maksud semangat itu pula barangkali kesedaran yang tinggi untuk mengembalikan maruah bangsa Melayu dalam erti kata mahu membangunkan bangsa Melayu dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Kumpulan Semangat 46 mungkin merasakan pihak UMNO (BARU) telah gagal dan tidak lagi menyerupai UMNO (LAMA) yang ditubuhkan pada tahun 1946. Pucuk pimpinan UMNO Baru tidak lagi seperti "Pimpinan Lama", malah terlalu bersikap sendirian dan ingin terus mengekalkan kedudukan. Di samping itu barangkali dirasai bahawa pucuk pimpinan UMNO sekarang menuju ke arah kediktatoran seperti yang selalu disebut-sebutkan oleh ramai ahlinya. Berbagai-bagi masalah di dalam UMNO dan kegagalan ekonomi dianggap ekoran dari pimpinan yang lemah.

Biar apapun anggapan orang ramai terhadap Semangat 46, Parti ini telah diwujudkan. Semangat 46 kemudian membuat pakatan elektoral dengan PAS, yang melahirkan APU (Angkatan Perpaduan Ummah). Kelahiran APU menyempitkan keadaan UMNO kerana ia bukan sahaja kehilangan sebilangan penyokong malah pada masa yang sama ia terpaksa berhadapan dengan PAS yang bertambah kukuh akibat dari pakatan tersebut.

but. Pengalaman pertama di Kubang Pasu (Kedah) dapat dijadikan petanda bahawa benteng pertahanan UMNO sudah tidak utuh.<sup>5</sup>

### **PERBEZAAN IDEOLOGI UMNO-SEMANGAT 46**

Menjelang pilihanraya 1990 baru-baru ini, Semangat 46 dan PAS atau APU (Angkatan Perpaduan Ummah) telah menggariskan beberapa prinsip yang mereka perjuangkan bersama iaitu :

1. Menghapuskan kemungkaran politik dan ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional.
2. Tidak mempertikaikan hak istimewa Bumiputera.
3. Mempertahankan Institusi Raja-Raja Melayu.
4. Menerima Islam sebagai agama rasmi negara.
5. Mengakui Sistem Demokrasi berparlimen dengan pembahagian kuasa yang jelas antara Eksekutif, Legislatif dan Perundangan dan pengambilan semula Tun Salleh Abbas dan lain-lain hakim yang dipecat dari jawatan mereka.
6. Menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang disalahgunakan seperti sekarang dan menggunakan untuk kegiatan subversif komunis sekiranya hendak dikekal-kalan.
7. Mempertahankan kebebasan berakhbar dan

bukan seperti sekarang di mana akhbar dan media elektronik menjadi alat propaganda UMNO. Oleh itu perlu dihapuskan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak, Akta Rahsia Rasmi dan Akta Polis yang selalu berat sebelah dan sering disalahgunakan.

Demikianlah prinsip-prinsip atau ideologi Angkatan Perpaduan Ummah yang amat popular dengan manifestonya "SELAMATKAN MALAYSIA".

Ini amat berbeza dengan UMNO yang lebih menekankan ideologinya yang agak simplistik yakni "developmentism". Unsur yang terpenting di dalam ideologi UMNO ialah memastikan keadaan negara yang aman, makmur dan stabil, dan rakyat negara ini sedang menikmati kesemua unsur tersebut. Dengan ini, nyata-lah ideologi itu merupakan ideologi konservatif sifatnya iaitu mempertahanangkan apa yang ada.<sup>6</sup>

Pemimpin UMNO juga disifatkan mempunyai visi yang amat radikal untuk membawa negara ini ke ambang pembangunan yang lebih gemilang. Sebaliknya, Semangat 46 pula dianggap kumpulan yang gagal menjatuhkan pucuk pimpinan dengan berbagai cara dan jalan untuk mengambil alih pimpinan UMNO.

## **KESAMAAN UMNO-SEMANGAT 46**

Namun demikian, antara kedua-dua parti tersebut

masih ada sedikit persamaannya. Contohnya dalam soal perpaduan, Semangat 46 menunjukkan kemampuannya membawa perpaduan dalam satu gagasan yang dikenali dengan Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah. Manakala UMNO menekankan kerjasama antara kaum dan juga perpaduan Melayu di bawah UMNO.<sup>7</sup>

Persamaan juga dapat dilihat dari sudut perjuangan mereka iaitu untuk memegang tampuk pemerintahan negara Malaysia. Kedua-duanya sanggup bergabung dengan pertubuhan bukan Melayu seperti Semangat 46 yang bergabung dengan PBS dan DAP, manakala UMNO pula bergabung dengan MIC dan MCA, demi memperkuatkan dan memperkuuhkan kedudukan masing-masing.

Golongan Semangat 46 berpendapat Barisan Nasional dan para pemimpinnya merasa bimbang kerana mereka tahu mereka tidak dapat lagi mempertahankan kepercayaan rakyat terhadap mereka. Terlalu banyak kemungkaran politik dan ekonomi yang berlaku. Malah ada antara para pemimpin itu yang korap, gila betina, merebut isteri orang dan melakukan berbagai kemungkaran yang lain.<sup>8</sup> Sesungguhnya berdasarkan pada fakta inilah maka tidak hairan Semangat 46 memperkenalkan manifesto mereka sebagai "Selamatkan Malaysia".

Demikianlah pertelingkahan yang berlaku di antara

UMNO dan Semangat 46. Namun demikian, pilihanraya umum 1990 baru-baru ini telah menentukan segalanya.

### **IMPLIKASI PILIHANRAYA UMUM 1990**

Keputusan pilihanraya tersebut telah menunjukkan bahawa UMNO masih unggul sebagai pemerintah Malaysia. Walau bagaimanapun, UMNO tidak boleh memandang ringan kewujudan Semangat 46 dan APU. Ini kerana Angkatan Perpaduan Ummah telah menunjukkan taringnya dengan kejayaan menawan seluruh negeri Kelantan.

Pilihanraya 1990 telah mewujudkan beberapa persoalan. Apakah Semangat 46 akan terus wujud dan berkembang menjadi sebuah parti pembangkang atau alternatif yang sebenarnya dan bukan sekadar merupakan parti serpihan UMNO? Apakah pemimpinnya telah bersedia untuk menggubal dan mengungkapkan pemikiran politik yang baru, atau apakah mereka telah kecewa dengan pengalaman yang separuh memberangsangkan ini, lalu kembali kepada UMNO? Atau apakah akan terdapat titik pertemuan yang sebenarnya antara kedua parti tersebut?<sup>9</sup>

Menurut setengah pendapat, Tengku Razaleigh Hamzah dan penyokong kepimpinannya tidak akan kembali menganggotai UMNO Baru yang dicipta oleh Dr. Mahathir pada 13hb. Februari 1988 itu. UMNO Baru

adalah UMNO Mahathir, sungguhpun Mahathir dan para penyokongnya cuba menyakinkan orang Melayu bahawa UMNO Baru adalah pewaris "semangat 1946". Tambahan pula, penerimaan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai pemimpin Semangat 46 adalah menyeluruh. Keikhlasannya untuk menegakkan keadilan dan meneruskan wasiat para pemimpin Semangat 46 dan para penyokongnya amat pejal. Tengku Razaleigh tidak pernah membuat kenyataan yang berdolak-dalih. Tidak pernah beliau menyeleweng dari perjuangan untuk menghidupkan Semangat 46.<sup>10</sup>

Namun begitu, tidak kurang juga pendapat yang menyatakan bahawa Semangat 46 akan bertemu semula dengan UMNO. Ini kerana parti tersebut itu sendiri hanya serpihan dari UMNO. Dan munculnya parti ini adalah ekoran daripada pergolakan dalam UMNO sendiri. Jadi, sekiranya pergolakan tersebut diselesaikan dengan sebaik-baiknya tidak mustahil semangat 46 bersatu kembali dengan UMNO.

Pada pendapat penulis, Semangat 46 berkemungkinan besar akan berkembang menjadi parti pembangkang yang kuat menentang UMNO pada masa-masa akan datang. Berdasarkan kepada pilihanraya umum baru-baru ini, Semangat 46 menunjukkan ia mampu memberi saingan yang hebat kepada Barisan Nasional.

Ini berdasarkan pengalaman pilihanraya 1978 di

mana PAS dikalahkan oleh UMNO kerana kewujudan parti BERJASA sebagai serpihan PAS. Parti BERJASA telah menyokong UMNO dalam pilihanraya tersebut.<sup>11</sup> Oleh itu, tidak menghairankan jika Semangat 46 akan menyerupai BERJASA pada tahun 1978, iaitu dengan memberi sokongan kepada PAS dan terus menjatuhkan UMNO. Perkara ini telah terbukti di negeri Kelantan.

## **NOTA AKHIR**

- 1 Dewan Masyarakat, Mac 1989, ms. 32.
- 2 Dewan Masyarakat, Dis 1988, ms. 6.
- 3 Ibid, ms. 7.
- 4 Dewan Masyarakat, Dis 1988, ms. 11.
- 5 Dewan Masyarakat, Mac 1989, ms. 33.
- 6 Dewan Masyarakat, Okt 1989, ms. 19.
- 7 Yahya Ismail, *Perpaduan Ummah-Semangat 46-PAS*, Dinamika Kreatif, Kuala Lumpur.
- 8 Dewan Masyarakat, Nov 1990, ms. 35.
- 9 Dewan Masyarakat, Okt 1989, ms. 21.
- 10 Yahya Ismail, Op.cit, ms. 58.
- 11 Dewan Masyarakat, Nov 1990, ms. 36.

## **ISLAMISASI DI MALAYSIA, DI ANTARA PERANAN DAN KONFLIK UMNO – PAS**

### **PENDAHULUAN**

Era politik tanahair sentiasa bergolak dari masa ke semasa. Barisan Nasional sebagai parti pemerintah menghadapi berbagai cabaran dan kritikan dari pihak pembangkang. UMNO sebagai tunjang Barisan Nasional memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara. Sebagai sebuah parti yang mewakili bangsa Melayu, seharusnya ia menitikberatkan agama bagi bangsa Melayu iaitu Islam. Di dalam arena politik, UMNO tidak dapat lari daripada menghadapi berbagai cabaran daripada pihak lawan atau pembangkang. PAS sebagai sebuah parti pembangkang yang mendokong cita-cita Islam sentiasa mengawasi pergerakan UMNO dari segenap segi. Walaupun kedua-dua parti sentiasa melaung-laungkan cita-cita untuk mempertahankan

Islam, tetapi kedua-duanya sering mempertikaikan kemampuan pihak lawan masing-masing. Perbezaan ideologi atau dasar perjuangan terhadap Islam sering menimbulkan beberapa konflik yang kadangkala merugikan umat Islam berbangsa Melayu.

### **LATARBELAKANG PERJUANGAN UMNO DAN PAS**

UMNO telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 dengan ciri-ciri keMelayuan yang tulen berasaskan nasionalisme. UMNO yang mewakili orang Melayu mampu bertahan memegang tampok pemerintahan hingga ke hari ini walaupun beberapa krisis telah berlaku samada di luar atau di dalam parti itu sendiri. Sejarah telah membuktikan UMNO telah meletakkan ciri-ciri keMelayuan yang besar terutamanya dalam soal-soal hak keistimewaan orang-orang Melayu. Kekuatan Melayu yang ada pada UMNO dan kerjasama serta kepercayaan parti-parti lain terhadapnya telah mengekalkan UMNO sebagai pemerintah.

Sesuai dengan kebangkitan Islam kini, UMNO sedikit demi sedikit diisi oleh Islam. Walaupun pada dasarnya perjuangan UMNO bukanlah ke arah Islam secara total tetapi faktor keadaan politik dan kemahuan masyarakat semasa mempengaruhi segala tindak-tanduknya. Perlombagaan UMNO menegaskan ia adalah parti progresif yang berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan ciri-ciri kebangsaan.<sup>2</sup> Walaupun UMNO tegak di atas lunas-lunas nasionalisme, ia juga menjadikan Islamisasi cita-

cita politiknya. Empat perkataan yang menunjukkan betapa UMNO mempunyai unsur-unsur pengukuhan terhadap kedudukan agama Islam ialah mendukung, mempertahan, menegak dan mengembangkan Islam. Dengan erti kata lain mengekal, menjaga, menghidup dan mengembangkan Islam sebagai agama yang menjadi hak istimewa orang-orang Melayu.

Di dalam usaha untuk mempertahankan kekukuhannya, UMNO tidak terkecuali daripada menghadapi beberapa krisis dalaman. Akibatnya UMNO telah diharamkan pada 4 Februari 1988 akibat ekoran daripada ketidaksahihan Perhimpunan Agung UMNO pada bulan April 1987. Tragedi pengharman UMNO menunjukkan bahawa perpecahan di kalangan pemimpin Melayu boleh merosakkan kekukuhannya politik bangsa Melayu. Walaupun demikian UMNO (Baru) telah dihidupkan semula pada 13 Februari 1988 dan seterusnya diterima kembali menjadi komponen Barisan Nasional pada 16 Februari 1988. Politik UMNO di zaman Dr. Mahathir banyak berhadapan dengan isu-isu yang mencabar jika dibandingkan dengan Perdana Menteri sebelumnya.

PAS telah ditubuhkan pada tahun 1951. Pada dasarnya PAS dilahirkan oleh UMNO iaitu dari kalangan para ulama yang tidak puas hati terhadap UMNO sebagai sebuah parti yang perlumbagaannya tidak berprinsipkan Al Quran dan Sunnah. Ekoran daripada ini,

mereka telah keluar dari UMNO dan menubuhkan PAS yang pada mulanya dikenali sebagai Persatuan Ulama Se-Malaya yang wujud dalam UMNO. PAS telah didaftarkan secara rasmi oleh pendaftar pertubuhan pada 31 Mei 1955 dengan Hj. Ahmad Fuad sebagai Yang Dipertua yang pertama. PAS dibawah pimpinan Dr. Burhanuddin dan Professor Zulkifli Ahmad menekankan faktor kebangsaan dan Islam.<sup>3</sup> PAS di bawah pimpinan Datuk Asri lebih mirip kepada faham fundamentalisme Islam. Kini PAS dipimpin oleh ulama'. Kepimpinan Ulama' membawa obor perjuangan Islam sejagat yang kurang senang dengan nasionalisme. Pengikut-pengikut PAS mahukan pembaharuan mutlak dalam pemerintahan negara. Kepimpinan ulama ini bersifat menyeluruh yang memperjuangkan identiti Islam dengan tidak mengira keturunan dan bangsa. Ingin menghidupkan kesedaran Islam yang tulen, dan sebuah negara Islam, disamping bercita-cita menghidupkan budaya dan melaksanakan undang-undang Islam dalam negara serta berdasarkan kepimpinan ulama'.<sup>4</sup> Ini amat bersesuaian dengan perlumbagaan PAS yang menyatakan bahawa Islam adalah dasar perjuangan parti itu.<sup>5</sup>

Di dalam usaha melaksanakan Islamisasi di Malaysia, UMNO dan PAS sering tidak sehaluan di antara satu sama lain. Oleh itu timbul beberapa konflik atau krisis tentang pendekatan Islamisasi. Sepatutnya krisis politik sebegini tidak berlaku lebih-lebih lagi ia melibatkan pemimpin-pemimpin politik Melayu.

Keadaan seperti ini akan memberi kesempatan kepada bangsa lain mempengaruhi strategi politik bangsa Melayu.<sup>6</sup> Kesimpulannya, sejarah perkembangan dasar perjuangan PAS dari mulanya lagi merupakan sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam tulen, manakala UMNO pula kekal dari saat penubuhannya sampai ke hari ini sebagai sebuah parti yang pragmatik tanpa sebarang ideologi yang pejal yang diharap untuk dapat menjadi dasar perjuangannya.

## **PERLAKSANAAN ISLAMISASI DI MALAYSIA**

### **Peranan UMNO**

Sebagai sebuah parti pemerintah dan parti yang terbesar di Malaysia, UMNO memainkan peranan penting di dalam pentadbiran negara. Ia harus peka terhadap segala kehendak masyarakat. Di dalam era kebangkitan Islam mahu tidak mahu kerajaan terpaksa memperkenalkan program-program Islam dalam bidang tertentu terutama dalam pentadbiran dan sedikit sebanyak dalam ekonomi negara serta pendidikan. Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan presiden UMNO amat menyedari tentang perkara ini dan mula melaksanakannya secara meluas. Untuk lebih menampakkan lagi kesungguhan UMNO dalam isu Islamisasi, Dr. Mahathir telah membentuk kabinet yang dianggotai oleh individu-individu yang cenderung kepada Islam seperti Anwar Ibrahim dan Dr. Yusuf Nor. Beliau juga telah mengambil langkah bijak apabila menempatkan orang-

orang seperti ini di Kementerian-Kementerian terpenting. Contohnya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini menerajui Kementerian Kewangan. Belanjawan negara yang dibentangkan baru-baru ini ternyata menepati kehendak proses Islamisasi di Malaysia. Kemasukan Anwar Ibrahim dalam kancang politik UMNO (kabinet Mahathir) telah memperteguhkan lagi komitmen ke arah Islam dalam pemerintahan Dr. Mahathir.

Di antara program Islamisasi era kepimpinan Dr. Mahathir yang utama ialah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara. Penerapan nilai-nilai Islam merupakan suatu proses untuk menjadikan orang Islam di negara ini individu yang berakhlaq mulia, bertanggungjawab, gigih berusaha dan sebagainya. Dr. Yusuf Nor menjelaskan bahawa perspektif nilai-nilai Islam boleh disimpulkan seperti Carta I dan nilai-nilai ini diperkembangkan dalam semua peringkat kehidupan manusia seperti Carta II.

**Carta I  
Kategori Nilai Islam**



**Carta II  
Individu**



Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, (Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd. 1989) ms.72 & 73.

Tiga projek besar yang dijalankan untuk menjayakan Islamisasi di Malaysia ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Bank Islam Malaysia Berhad dan akhirnya memperkenalkan subjek Tamaddun Islam di semua universiti di Malaysia. Subjek ini menjadi matapelajaran wajib bagi pelajar Islam dan menjadi matapelajaran pilihan bagi pelajar non-Muslim. Selain daripada itu, kerajaan juga mewujudkan sistem Takaful Islam pada bulan Ogos 1985 termasuk juga Sistem Pajak Gadai Islam. Usaha seperti ini telah memberi sedikit ruang kepada Umat Islam untuk mengamalkan cara hidup Islam. Dalam apa jua keadaan, proses Islamisasi di Malaysia masih menuju ke arah jalan kebuntuan kerana masih banyak lagi seksyen-seksyen tertentu di dalam perlembagaan yang bertentangan dengan prinsip Islam. UMNO tidak perlu meminda seluruh peruntukan perlembagaan, tetapi

memadailah menunda peruntukan-peruntukan yang bertentangan dengan Islam sekiranya kemampuan untuk mereka melakukannya terbatas. UMNO hanya berperanan melaksanakan Islamisasi di peringkat bawah tetapi pasif di peringkat atas (seperti perlembagaan).

### **Peranan PAS**

Walaupun PAS adalah parti pembangkang yang tidak menerajui kerajaan, ia juga berperanan dalam masalah Islamisasi di Malaysia. Berdasarkan kepada Perlembagaan PAS, Islam adalah dasar perjuangan parti. Irtinya PAS menerima Islam sebagai sistem hidup yang meliputi agama, ekonomi, budaya, politik dan sebagainya. Hukum tertinggi bagi PAS ialah Al Quran, Al Sunnah, Ijmak dan Qiyas. PAS sebagai parti bukan pemerintah tidak berpeluang melaksanakan segala dasar perjuangannya di negara ini. Kemampuannya hanya terhad kepada para ahli PAS sahaja. Menerusi organisasi yang dibentuk, PAS melancarkan kegiatannya di seluruh negara, menjelajahi dan memberi penjelasan kepada rakyat tentang dasar perjuangannya. Akhbar mingguan Harakah merupakan suara PAS dalam menyampaikan mesejnya kepada masyarakat.

Di antara usaha PAS ialah melaksanakan *Tajdid Hadhari* seperti yang diperbincangkan di dalam Mukatamar PAS ke 32, bulan April 1987. *Tajdid Hadhari* merupakan suatu konsep untuk memulihkan semula

peradaban dan tamadun. Dalam hal ini PAS berjuang untuk mengubah realiti masyarakat yang berada dalam tamadun jahiliyah kepada peradaban Islam. PAS sebagai parti politik Islam telah berjaya memainkan peranan membentuk satu golongan massa yang menyokong kuat cita-cita Islam. Segala aspek aktiviti PAS menjuruskan ke arah mendaulatkan Islam, termasuklah pemerintahan Islam.

Naib Presiden PAS, Ustaz Abdul Hadi Awang pernah menegaskan, Islam wajib dilaksanakan. Al Quran dan Sunnah sepatutnya diletakkan lebih tinggi daripada Perlembagaan Malaysia kini. Di dalam ceramah pemimpin-pemimpin PAS perkara menegakkan Islam sering dinyatakan. Dalam beberapa keadaan PAS boleh dikatakan memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi secara tidak langsung melalui penghayatan Islam para ahlinya. Komitmen ahli-ahli PAS dalam hal ini amat ketara. Kemenangan besar PAS di Kelantan dalam pilihanraya yang baru berlalu menunjukkan rakyat Kelantan khususnya mahukan sebuah negara Islam dan ternyata PAS memainkan peranannya ke arah itu walaupun terpaksa menghadapi berbagai rintangan, khususnya masalah Perlembagaan Malaysia sendiri.

Kehadiran wakil-wakil pembangkang daripada PAS di Parlimen berperanan untuk mengawasi segala tindak tanduk parti pemerintah dalam melaksanakan pemerintahan negara. Segala perlaksanaan sesuatu dasar yang

bercanggah dengan Islam akan ditentang habis-habisan oleh wakil PAS. Ini merupakan salah satu peranan PAS agar UMNO sentiasa berhati-hati dan tidak bertindak sesuka hati. Ternyata bahawa peranan PAS dalam proses Islamisasi di Malaysia amat dihargai walaupun dengan berada di barisan pembangkang.

### **KONFLIK UMNO DAN PAS DALAM ISU ISLAMISASI**

UMNO dan PAS merupakan dua parti yang sama-sama mempunyai cita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam. PAS mahukan Islam ditegakkan secara total sehingga terbentuknya sebuah negara Islam manakala UMNO pula mahukan Islam dijadikan sebagai strategi bagi menyempurnakan kehendak umat Islam, sekadar menyesuaikannya dengan tuntutan dan keadaan semasa. Keadaan seperti ini tidak memungkinkan wujudnya persefahaman di antara kedua-dua parti Melayu Islam ini. Walaupun banyak usaha parti pemerintah (UMNO) dalam melaksanakan program Islamisasi, PAS tidak pernah mengiktirafnya.

Inilah yang menyebabkan berlaku beberapa konflik antara UMNO dan PAS. PAS tidak mengiktiraf usaha-usaha UMNO sebagai suatu perjuangan yang mutlak bagi merealisasikan cita-cita Islam seperti yang dituntut oleh Al Quran dan Al Sunnah. Bagi PAS usaha Islamisasi tidak akan bermakna selagi hukum Allah tidak dilaksanakan.

Usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dibuat oleh UMNO dianggap oleh PAS sebagai program tempelan semata-mata. Menurut PAS, kerajaan sanggup menubuhkan UIA tetapi tidak bersedia mengislamkan universiti lain yang sedia ada dan begitu jugalah keadaannya dengan Bank Islam dan sebagainya. Bagi PAS penerapan nilai-nilai Islam adalah sebagai satu modal politik di dalam kerajaan sekular.

PAS yang berpendirian Islam perlu bermula dari-pada atas, sukar menerima usaha Islamisasi UMNO. Bagi PAS rancangan-rancangan Islamisasi kerajaan adalah pragmatik dan liberal, dibuat tanpa merujuk kepada kaedah-kaedah Syarak dan dengan meraba-raba di dalam kejahilan.<sup>7</sup> Keraguan PAS diperkuatkan berdasarkan kepada kenyataan Dr. Mahathir:

*UMNO adalah sebuah badan yang pragmatis yang sederhana liberal berasaskan kebangsaan Melayu ... Dan kalau kita pragmatis dalam cara bertindak ini adalah satu cara yang sesuai dengan kehendak Islam.*

Punca konflik antara UMNO dan PAS adalah berkisar sekitar pendirian masing-masing dalam menegakkan Islam. PAS mahukan UMNO melaksanakan Islamisasi dari atas iaitu menegakkan hukum-hukum Allah dan bukannya semata-mata beberapa nilai Islam. PAS bersedia menerima kepimpinan Dr. Mahathir dengan syarat perlembagaan UMNO yang memper-

juangkan dasar kebangsaan dipinda kepada perjuangan Islam yang tulen, membuang sikap pragmatisme dan mendaulatkan dasar-dasar Islam di negara ini. Bekas Ketua Pemuda PAS, Mustafa Ali pernah menegaskan:

*UMNO harus mengubah perlumbagaan yang ada sekarang kepada satu perlumbagaan baru berunsur Islam dan menggunakan kuasanya sebagai tunggak Barisan Nasional. Jika tidak titik pertemuan di antara kedua-dua pihak tidak mungkin ada.*

Dalam satu keadaan yang lain, pemimpin UMNO sering mengisyiharkan Malaysia tidak akan menjadi negara Islam. Kenyataan-kenyataan seperti inilah menyebabkan PAS tawar hati untuk bekerjasama dengan UMNO. Oleh sebab itulah perbincangan di antara UMNO dan PAS sukar untuk diadakan. Kedua-dua pihak tidak mahu bertolak ansur di antara satu sama lain.

## **PENUTUP**

Di dalam membicarakan Islamisasi di Malaysia, kita tidak dapat menafikan peranan UMNO dan PAS. Di satu segi, konflik antara UMNO dan PAS dalam hal ini memberi kesan negatif kepada kedudukan Islam khususnya di kalangan bangsa Melayu. Dari aspek yang lain pula ia merupakan satu perkembangan sihat ke arah satu semangat dan usaha untuk melaksanakan Islam dalam kehidupan seharian.

Walaupun demikian, konflik di antara barisan kepimpinan atau ahli-ahli UMNO dan PAS, samada dari segi ideologi dan sebagainya, haruslah dikikis agar kekuahan politik orang-orang Islam (khususnya Melayu) akan terus kekal. Tanpa penguasaan orang Melayu Islam dalam arena politik sukarlah cita-cita Islam hendak dilaksanakan. Adakalanya perselisihan atau konflik boleh menggerakkan kepimpinan yang lebih berkesan. Kita harapkan konflik antara UMNO dan PAS dalam isu Islamisasi akan lebih mendaulatkan Islam di Malaysia khususnya.

## **NOTA AKHIR.**

<sup>1</sup> Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, hal. 57.

<sup>2</sup> *Perlembagaan UMNO*, Fasal 3.

<sup>3</sup> Berita Harian, 15hb. Oktober, 1986, hal. 10.

<sup>4</sup> Op. cit., Ibrahim Ahmad, hal. 55.

<sup>5</sup> *Perlembagaan PAS* Fasal 3, Fasal 5(1), Fasal 6(2) dan Fasal 7.

<sup>6</sup> Drs. Rahman Mat, *Politik Bangsa Melayu*, hal. 118.

<sup>7</sup> Op. cit., Ibrahim Ahmad, hal. 93.

## **KERAJAAN ISLAM DI KELANTAN: RANCANGAN DAN CABARAN**

---

### **LATAR BELAKANG**

Tarikh 21 Oktober 1990 merupakan masa yang bersejarah bagi seluruh penduduk Malaysia. Pada tarikh tersebut seluruh penduduk Malaysia yang berke-layakkan telah keluar mengundi. Tarikh tersebut telah membuka lembaran baru kepada parti PAS kerana ia telah berjaya memegang kembali tumpuk pemerintahan

Kerajaan Kelantan pimpinan Barisan Nasional (BN) telah bertapak di negeri Kelantan selama 12 tahun (1978-1990). Pada tahun 1978 Barisan Nasional telah berjaya merampas pemerintahan PAS Kelantan yang ketika itu dibawah pimpinan Datuk Asri bin Hj. Muda. Datuk Asri telah memerintah di Kelantan selama 18 tahun (1959-1978).

Sewaktu pilihanraya 1959, PAS telah meninggalkan dua buah kerusi kepada UMNO Kelantan. Pada tahun 1978, UMNO pula meninggalkan dua buah kerusi kepada PAS. Tetapi dalam pilihanraya kali ini (1990) Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang terdiri daripada PAS dan Semangat 46 (S46) tidak meninggalkan sebarang kerusi kepada Barisan Nasional. PAS dan S46 telah bersepakat dengan membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) untuk menggulingkan pemerintahan BN di Kelantan.

PAS dan S46 telah menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri kecuali sebuah kerusi telah diperolehi oleh BERJASA. APU telah memperolehi 13 kerusi Parlimen dan 39 kerusi Dewan Undangan Negeri. PAS memperolehi 6 kerusi Parlimen dan 24 kerusi negeri, manakala S46 memperolehi 7 kerusi Parlimen dan 14 kerusi negeri.

Kemenangan besar ini adalah diluar dugaan. Untuk mengalahkan BN bukannya suatu yang mudah kerana BN telah bertapak selama 12 tahun di Kelantan dan telah mendapat kepercayaan dari hampir seluruh penduduk Malaysia. Dengan kemenangan ini sekali lagi para pengundi Kelantan meletakkan negeri itu di tangan pembangkang. Kerajaan negeri tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat.

Ketua Ulama PAS Kelantan, Ustaz Hj. Nik Aziz Nik

Mat, telah dilantik menjadi Menteri Besar. Walau bagaimanapun ada sedikit masalah dalam perlantikan Timbalan Menteri Besar tetapi jalan tengah telah diam-bil, dua jawatan Timbalan Menteri Besar (TMB) telah diwujudkan. Satu diisi oleh PAS dan satu lagi diisi oleh S46. TMB PAS dipegang oleh Ustaz Hj. Abdul Halim dan TMB S46 dipegang oleh Hj. Rozali b. Ishak.

Dalam manifesto "Membangun Bersama", PAS mempunyai manifesto yang berasingan dengan S46, antara lain ialah untuk:

- memerangi dan menghapuskan segala bentuk kegiatan yang bercanggah dengan prinsip Islam, akhlak dan kemanusiaan seperti judi dan sebagainya, sebaliknya akan membentuk sistem dan aktiviti ekonomi Islam.
- PAS akan memberikan keutamaan kepada usa-hawan tempatan memainkan peranan mem-bangunkan ekonomi negara dan masyarakat. Strategi akan diatur untuk membimbing mere-ka yang melibatkan diri di sektor pelaburan dalam dan luar negeri.
- PAS akan mengadakan dasar menghalang rakyat asing menguasaikekayaan negara, terutama sekali pemilikan tanah dan lain-lain sumber asasi.

- PAS akan mengatur strategi menyelesaikan hutang negara.
- PAS akan menaikkan subsidi padi.
- PAS akan terus memberi bantuan kepada fakir miskin.

Setelah berjaya memerintah Kelantan, Menteri Besar Kelantan telah membuat berbagai rancangan bagi meningkatkan taraf kehidupan penduduk negeri.

### **RANCANGAN**

Bagi melaksanakan rancangan untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri Islam maka Menteri Besar Kelantan telah mengumumkan bahawa Hukum *Hudud* (hukum mandatori yang ditentukan oleh Islam) akan dilaksanakan di negeri Kelantan. Kenyataan yang dibuat oleh MB ini merupakan satu tindakan yang berani. Beliau berkeyakinan bahawa undang-undang Islam boleh dijalankan di Kelantan walaupun terdapat berbagai kritikan dari pihak-pihak yang tidak berminat dan tidak menyukai perlaksanaan undang-undang tersebut terutamanya dari DAP (Parti Tindakan Rakyat).

Walaupun cadangan tersebut mendapat tentangan dari beberapa pihak tetapi terdapat juga golongan tertentu yang menyokong cadangan tersebut. Sebagaimana yang disiarkan di dalam akhbar *Berita Harian*, En.

Mohamed Aznan Wan Hussein, 24, seorang peniaga, menyokong penuh cadangan kerajaan hendak melaksanakan hukum *hudud*. Inilah masanya yang sesuai bagi kerajaan negeri melaksanakan undang-undang itu memandangkan kejadian maksiat semakin meningkat di negeri ini.

*"Jika kerajaan negeri dapat melaksanakan undang-undang itu, saya percaya Kelantan adalah negeri pertama yang boleh dijadikan contoh ke arah mewujudkan sebuah negara Islam,"* katanya lagi.

Seorang lagi yang ditemui, Pn. Bidah Ibrahim, 69, menyifatkan cadangan itu sebagai suatu detik permuilaan yang baik dan satu percubaan yang berani.

Belia berkata, *"Sekarang sudah tiba masanya kerajaan negeri mengotakan janji untuk menjalankan pemerintahan Islam berlandaskan al-Quran dan Hadis di negeri ini"*.

Beliau berkata, jika kerajaan negeri tidak melaksanakan janjinya, ini menunjukkan perjuangan mereka tidak ikhlas dan mempunyai kepentingan peribadi dan politik semata-mata.

## **JURURAWAT MEMAKAI PAKAIAN YANG MENUTUP AURAT**

Kerajaan Kelantan mahukan jururawat wanita Islam yang bertugas di hospital dan klinik kerajaan di negeri

ini memakai pakaian yang menutup aurat semasa bertugas.

Ini adalah bagi menjaga kehormatan seorang wanita yang bertugas di luar rumah dan bergaul dengan masyarakat yang bukan *muhrim*.

Menurut MB Haji Nik Abdul Aziz, Kelantan akan menjadi negeri pertama yang mengamalkan peraturan sedemikian dan menandakan satu era baru bagi kerajaan PAS jika pihak berkenaan menghormati nasihat itu. Isu pakaian menutup aurat ini pernah dibincangkan pada suatu masa dahulu, tetapi ia mati begitu sahaja kerana tiada tindakan yang memuaskan.

Sekiranya rancangan ini dilaksanakan ia akan dimulakan di Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Krian. Walaubagaimanapun kuasa membenarkan peraturan menutup aurat bagi jururawat Islam terletak ditangan pihak lain.

### **WANITA DITEGAH SERTAI TILAWAH**

Satu lagi tindakan yang memecah tradisi, kerajaan Kelantan melarang kaum wanita di negeri tersebut dari menyertai ujian tilawah Al-Qur'an mulai tahun ini.

MB mengumumkan perkara ini semasa menghadiri majlis ceramah di Kampung Memali sempena memperingati para Shuhadah kampung tersebut. Selain itu,

kerajaan negeri juga melarang penubuhan kumpulan nasyid yang disertai oleh kaum wanita kecuali yang berumur 15 tahun kebawah. Ini ialah kerana suara wanita adalah aurat.

Berikutnya kenyataan tersebut timbulah pendapat-pendapat yang berbeza di kalangan para ulama dan tokoh agama. Ada di antara mereka berpendapat bahawa kaum wanita boleh menyertai, ada yang menyatakan tidak boleh, dan ada juga yang berpendapat itu bukanlah isu sebenar yang patut digembar-gemburkan.

### **WANITA DILARANG BEKERJA DI WAKTU MALAM**

Selain daripada melarang wanita menyertai tilawah Al-Qur'an, MB Kelantan juga melarang wanita bekerja diwaktu malam. Kaum lelaki akan bertugas diwaktu malam dan kaum wanita bekerja diwaktu siang.

Tujuan MB berbuat demikian adalah bagi mengejalkan daripada berlakunya masalah moral dan bagi menjaga keselamatan pekerja wanita yang pulang diwaktu malam. Sebelum ini, ada di kalangan kaum lelaki yang sering mengganggu pekerja-pekerja wanita yang pulang pada waktu malam.

Disamping itu, MB mencadangkan pengusaha kilang supaya menyediakan asrama-asrama dan bas bagi kemudahan para pekerja wanita.

## **PENENTANGAN PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD**

Rakyat Kelantan dari berbagai kaum dan agama memberi pandangan yang berbeza mengenai cadangan kerajaan negeri pimpinan PAS hendak melaksanakan hukum *hudud*.

Ramai yang berpendapat cadangan itu tidak wajar dan sukar dilaksanakan dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Kerajaan negeri mungkin tidak dapat melaksanakan hukum *hudud* terhadap penjenayah Shari'ah di negeri ini kerana ia tidak tercatat didalam perlembagaan persekutuan. Sehubungan dengan itu ahli Dewan Undangan S46 kawasan Limbongan, Hj. Wan Mohamad menyifatkan cadangan itu seolah-olah khayalan yang tidak mungkin menjadi kenyataan.

Cadangan tersebut juga tidak mendapat sokongan daripada TMB Hj. Rozali. Beliau berkata S46 negeri tidak akan menyokong membabi buta setiap cadangan kerajaan negeri yang diterajui oleh PAS.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman, berkata kerajaan Kelantan tidak sepatutnya menggemparkan masyarakat dengan pengumuman hukum *hudud*, sebaliknya boleh berbuat demikian secara berperingkat-peringkat melalui pendidikan.

Beliau menasihatkan masyarakat supaya tidak

berpandangan sempit apabila mentafsirkan sesuatu perbuatan dan melaksanakan hukum. Kata beliau lagi, jika dipandang dari perspektif yang luas, nyatalah bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan pusat adalah juga mengikut tuntutan Islam. Belanjawan yang baru dibentangkan baru-baru ini jika dilihat daripada perspektif fardhu kifayah adalah belanjawan Islam.

Selain dari mendapat kritikan daripada tokoh-tokoh politik, cadangan tersebut juga mendapat tentangan daripada golongan bukan ahli politik. Seorang pesara, Encik Mohd. Noor Idris, 56, berkata kerajaan negeri patut mengkaji secara mendalam cadangan tersebut daripada berbagai aspek terlebih dahulu. Menurutnya lagi, kerajaan perlu mengambil kira berbagai perkara kerana rakyat negeri ini berbilang kaum dan keturunan dan mungkin mereka terasa tertindas dengan perlaksanaan hukum itu.

Encik R. Kurupiah, 29, berkata, jika hukum itu dijalankan kemungkinan tidak ramai pelabur asing akan datang ke negeri ini kerana beranggapan kerajaan negeri tidak bertimbang rasa dan tidak mengambil kira rakyat bukan Islam.

Pandangan dan kritikan yang diberikan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu kerajaan Kelantan merancang sebarang tindakan yang akan diambil kelak.

## **PERNYATAAN YANG BERBEZA BERHUBUNG DENGAN WANITA BEKERJA MALAM**

TMB Haji Rozali berkata kerajaan Kelantan tidak menghalang pengilang di negeri ini yang menghendaki pekerja-pekerja lelaki atau perempuan bekerja mengikut giliran termasuk di waktu malam. Perkara ini terpulang kepada pengusaha kilang tersebut.

Kenyataan yang dibuat oleh Hj. Rozali adalah bertentangan dengan kenyataan yang dibuat oleh MB Hj. Nik Abdul Aziz. MB ada berkata bahawa beliau akan berbincang dengan pengusaha kilang di negeri ini supaya wanita dikecualikan daripada bekerja giliran malam untuk mengelakkan daripada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Kenyataan MB ini juga mendapat tentangan dari-pada beberapa ahli Dewan Undangan Negeri S46 dalam persidangan belanjawan Dewan Undangan Negeri Kelantan yang dikatakan menjelaskan pelaburan di negeri tersebut.

Haji Rozali membuat kenyataan akhbar selepas mengadakan dialog dengan para pengurus kilang Kelantan. Beliau yang juga penggerusi jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri, berkata sejak APU memerintah memang timbul berbagai keraguan dikalangan pengurus kilang. Kekeliruan itu adalah berikutan pelbagai isu kerana

khabar angin dan laporan akhbar yang tidak begitu tepat.

Beliau berkata kerajaan Kelantan mengambil berat kebijakan pekerja kilang dan merancang membina asrama dan kemudahan-kemudahan lain termasuk menyediakan pengangkutan untuk meningkatkan daya pengeluaran.

Kenyataan TMB ini telah mengurangkan kepercayaan masyarakat terhadap MB. Ia juga menyebabkan masyarakat merasa bingung dan tidak puas hati.

### **PEMBATALAN PELABURAN SYARIKAT LUAR**

Hasrat MB mengecualikan wanita daripada bekerja malam telah menimbulkan satu masalah baru kepada Kerajaan Kelantan kerana terdapat beberapa buah syarikat membatalkan rancangan mereka untuk melabur di negeri Kelantan.

Wakil tunggal wanita, Hjh. Kelthum Hj. Ahmad (S46 – Temanggun) berkata antara kesannya ialah dua buah syarikat besar dari Jepun, Sony dan Matsushita, telah membatalkan hasrat mereka untuk melabur di Kelantan. Beliau menasihatkan MB supaya lebih berhati-hati dalam membuat kenyataan seperti memikirkan alternatif lain dalam usaha menjaga kehormatan wanita.

Beliau berkata lagi bahawa sektor perindustrian

amat penting untuk membangunkan negeri tersebut. Kerajaan negeri patut mengadakan dialog dengan para pengilang untuk mencari jalan yang terbaik. Beliau menyarankan supaya kerajaan negeri mewajibkan para pengilang mendirikan asrama untuk pekerja wanita sebagai langkah memelihara kehormatan kaum wanita.

Jika ramai pelabur-pelabur membatalkan rancangan mereka untuk melabur di Kelantan, Kelantan akan kehilangan salah satu sumber kewangannya. Kelantan tidak dapat membangun dengan pesat jika ia terus bergantung kepada hasil pertanian.

### **LARANGAN WANITA MENYERTAI UJIAN TILAWAH**

Johan qariah peringkat antarabangsa ujian tilawah Al-Quran. Hjh. Faridah Mat Saman menegaskan beliau tetap akan menyertai ujian tilawah di peringkat antarabangsa walaupun kerajaan negeri Kelantan melarang kaum wanita negeri dari menyertainya. Beliau menyifatkan keputusan kerajaan negeri Kelantan melarang kaum wanita menyertai ujian tilawah sebagai terburu-buru.

Hjh. Faridah merupakan johan menunggu dan johan tujuh kali berturut-turut. Menurut beliau lagi hasil daripada ujian tilawah tersebut ramai pelajar-pelajar perempuan berminat untuk mendalami Al-Quran serta mempelajari tajwid dan lagu.

Di Alor Star, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kedah,

Datuk Paduka Sheikh Majid Muhd Noor berpendapat tidak menjadi kesalahan bagi seorang wanita untuk memperdengarkan bacaan Ayat suci Al-Quran, asalkan bertujuan baik. Menurutnya, suara wanita bukanlah aurat dan mereka yang menyertai ujian tersebut biasanya berpakaian sopan dan menutup aurat.

Manakala Ketua HELWA ABIM, Ustazah Aminah Zakaria, berkata samada wanita boleh atau tidak menyertai tilawah bergantung kepada pegangan mereka. Sekiranya mereka berpegang pada pendapat yang menyatakan suara wanita adalah bukan aurat, maka bolehlah mereka menyertai ujian tilawah. Ika sebaliknya mereka tidak boleh menyertai ujian tilawah itu.

### **KECAMAN TERHADAP PERHIMPUNAN MEMPERINGATI SHUHADAH**

Pemimpin PAS dan ulamak-ulamak parti ini telah dikecam kerana terus memperkatakan isu Memali, walaupun bercanggah dengan keputusan Fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Agama Islam Negeri Kedah. Disamping itu, pemimpin dan ulama PAS dianggap tidak menghormati keputusan Majlis Fatwa. Ramai penduduk Baling dilaporkan mengecam parti tersebut kerana mengadakan Hari Memperingati Shuhadah di kampung Memali.

Disamping itu Datuk Dr. Abdul Hamid mengulas tindakan PAS mengadakan perhimpunan tersebut.

Katanya menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mereka yang terkorban bukan syahid. Jika perhimpunan itu diadakan semata-mata memperingati orang-orang yang terkorban tidak mengapa, sebaliknya jika mereka melakonkan adegan kejadian di Memali dengan hasrat menaikkan semangat dan mewujudkan ketegangan, ini menunjukkan mereka tidak menghormati dan menghiraukan fatwa yang dikeluarkan.

Seorang ulama di Baling, Hj. Hashim Jusoh, 53, berkata PAS terus memperalatkan ulama supaya mengakui bahawa orang-orang yang terkorban dalam tragedi Memali sebagai shahid walaupun terpaksa menentang keputusan Fatwa Majlis Agama Negeri Kedah. Menurut beliau PAS tidak mempunyai isu lain untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap kerajaan dengan mengadakan hari Shuhadah.

Setiausaha perkumpulan wanita daerah Kuala Muda, Pn. Umi Kalsom Ismail berkata mereka melakonkan semula peristiwa itu untuk menunjukkan pihak polis tidak berperikemanusiaan dan bertindak kejam terhadap rakyat. Beliau berkata tindakan itu jelas menghina pasukan polis yang bertugas mengawal keselamatan negara dan keadaan ini boleh menimbulkan ketegangan di kalangan masyarakat.

Kecaman yang bertubi-tubi ini sedikit sebanyak

telah menjatuhkan imej PAS dan melemahkan kepercayaan masyarakat kepada PAS sebagai sebuah parti yang mendokong Islam. Dalam hal-hal seperti ini, kerajaan Kelantan mesti berhati-hati di dalam membuat sebarang tindakan yang melibatkan masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan.

## **PENUTUP**

Kerajaan Kelantan yang didirikan atas dasar Islam sedang merancang dan berusaha untuk mencapai cita-cita yang dijanjikan selama ini. Kemenangan besar dalam pilihanraya yang lalu telah memberi peluang kepada PAS untuk mempraktikkan rancangan-rancangannya.

MB Hj. Nik Abdul Aziz telah membuat banyak kenyataan yang sesuai dan sering mendapat perhatian dan menjadi isu penting di dalam media elektronik dan bercetak. Berikutan itu pihak-pihak yang tidak senang hati telah mengambil kesempatan ini untuk mengkritik, menilai dan ada juga yang menabur fitnah dan tuduhan untuk melemahkan kerajaan PAS. Ini menyebabkan masyarakat menyalah tafsirkan rancangan yang dibuat oleh PAS. PAS mesti berhati-hati di dalam membuat sebarang tindakan kerana ia sering menjadi perhatian dan penilaian masyarakat sekeliling.

Walau bagaimanapun PAS boleh mengambil kritikan dan teguran dari parti-parti politik dan masyarakat

untuk dijadikan panduan dan iktibar bagi memantapkan lagi usaha-usaha dan rancangan-rancangannya. Melakukan sesuatu pembaharuan bukannya suatu tugas mudah kerana ia memerlukan kesungguhan, kesabaran dan ketelitian. PAS hendaklah membuktikan bahawa segala rancangannya dapat dijalankan dengan jayanya walaupun mendapat tentangan dari berbagai pihak.

## **RUJUKAN**

Berita Harian – 21, 22, 29 November 1990?  
Utusan Malaysia – 1, 10, 25 Disember 1990?

*Pilihanraya  
Umum kelapan  
(1990)*



## KUASA MELAYU, KEMATANGAN RAKYAT BERPOLITIK, DAN TINJAUAN SEKITAR PILIHANRAYA UMUM 1990

### PARTI-PARTI POLITIK

 Sistem demokrasi berparlimen Malaysia menjamin kebebasan bersuara dan hak menubuhkan parti-parti politik. Parti yang memerintah sekarang dikenali sebagai Barisan Nasional. Ia merupakan sebuah parti campuran yang mengandungi tiga parti utama yang setiap satunya mewakili tiga kaum terbesar di Malaysia dan juga beberapa buah parti yang lebih kecil.

Parti-parti utama ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Pertubuhan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC). Ketiga-tiga parti telah menjadi rakan kongsi di dalam pemerintahan sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya. Sebelum tahun 1970, parti campuran ini dikenali seba-

gai PERIKATAN.

Sungguhpun Barisan Nasional (BN) cukup popular di kalangan rakyat sejak sekian lama namun negara ini mempunyai pembangkang yang aktif bagi mewujudkan imbangan yang sihat dalam politik.

## **PILIHANRAYA DAN TUJUAN**

Penantian sudahpun berakhir. Pada 4 Oktober 1990, Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed telah membuat pengumuman bahawa Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan pada 5hb. Oktober, 1990. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) juga dimaklumkan bahawa Sultan-sultan, Ketua-ketua Menteri Melaka dan Pulau Pinang bersetuju untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri masing-masing.<sup>1</sup>

Menurut Perkara 55(4) Perlumbagaan Persekutuan, pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari hari pembubaran Dewan-Dewan itu. Disamping itu tarikh penamaan calon telah ditetapkan pada 11 Oktober 1990. Tarikh pengundian pula ialah pada 21 Oktober 1990 bagi negeri-negeri di Semenanjung, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan manakala pada 20 dan 21 Oktober 1990 bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam pilihanraya kali ini, sebanyak 180 kerusi Dewan Rakyat dan 351 kerusi Dewan-Dewan Undangan

Negeri dipertandingkan. Seramai 7,958,640 orang telah mendaftar sebagai pengundi.

Pengumuman pilihanraya ini tidak memerlukan, malah sudah diduga walaupun tempoh pilihanraya ketujuh sepatutnya berakhir pada Oktober tahun hadapan. Ini kerana demam pilihanraya amat dirasai sejak awal tahun ini berikutan adanya tanda-tanda kerajaan Barisan Nasional akan membubarkan Parlimen pada bila-bila masa bagi mendapatkan mandat baru.<sup>2</sup>

Tujuan sesuatu pilihanraya adalah untuk memilih wakil rakyat dan kerajaan yang mampu memberi kesenangan dan kestabilan. Ini bermakna kita perlu memastikan kesinambungan sistem pemerintahan demokrasi sekarang. Kita yakin semua rakyat negara ini sudah memahami makna demokrasi dan keistimewaannya, terutama untuk mengekalkan kestabilan dan perpaduan rakyat berbilang kaum. Untuk tujuan ini, kita amat memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh, berpengalaman dan peka terhadap kemahuan semua lapisan rakyat.<sup>3</sup>

Pilihanraya umum kelapan merupakan satu ujian sejarah yang menarik di negara ini. Inilah pilihanraya umum yang pertama sejak terjadinya perpecahan dalam UMNO yang telah menghasilkan keretakan pimpinan yang begitu parah sehingga mencetuskan sebuah parti baru iaitu Semangat 46 (S46). Beberapa krisis kewangan dan pentadbiran oleh pihak tertentu yang dipertang-

gungjawabkan kepada pihak kerajaan, seperti krisis BMF (Bumiputra Malaysia Finance) dan krisis sistem kehakiman untuk pertama kalinya dibawa langsung kepada pertimbangan rakyat melalui peti undi.<sup>4</sup>

Sebagai sebuah negara demokrasi, rakyat bebas menubuhkan parti-parti politik untuk menentukan pucuk pimpinan. Kewujudan banyak parti politik boleh menimbulkan suasana yang tidak harmonis dan mencabar ketuanan Melayu. Untuk itu masyarakat Malaysia seharusnya insaf dan bersatu kerana negara ini mempunyai masyarakat majmuk. Masyarakat Melayu juga harus sedar bahawa mereka lemah dari segi pelajaran, politik mahupun ekonomi.

Di dalam berpolitik, rakyat Malaysia juga perlu sensitif dengan konsep 'Malaysian Malaysia' yang menganggap semua kaum di Malaysia adalah sama dan serupa. Tidak ada ketuanan di negeri dan tidak ada kaum yang seharusnya diberi keistimewaan. Semua mesti dilayan sama rata. Semua bahasa harus diberi pengakuan dan layanan yang sama. Ertinya penggunaan berbilang bahasa harus diamalkan di bawah konsep 'Malaysian Malaysia'.

### **YANG BIJAK, PENGUNDI**

Rakyat menjadi raja semasa pilihanraya, kata salah seorang tokoh politik tanahair. Memang benar dalam demokrasi, kuasa yang sebenarnya berada dalam tan-

gan rakyat. Rakyat bukan sahaja memegang satu undi setiap seorang malah menentukan siapakah bakal pemimpin negara.<sup>5</sup> Di sini rakyat perlu membuat pilihan yang tepat berdasarkan keputusan yang rasional dan penelitian yang wajar. Rakyat perlu mengukur keupayaan mereka untuk menunaikan janji kelak. Jika ter-salah pilih, bermakna rakyat akan menanggung seribu penyesalan selama sekurang-kurangnya lima tahun akan datang, sehingga pilihanraya baru diadakan.<sup>6</sup>

Dalam sistem politik kita, setiap individu yang bercita-cita untuk memegang tampuk pimpinan diberi kesempatan sebaik mungkin untuk meraihnya. Orang yang diberikan kuasa mesti memikul beban dan tanggungjawab yang amat besar kerana rakyat telah mewakilkan kuasa mereka kepada para pemimpin. Para pemegang kuasa politik pula seharusnya bersedia memberikan hak politik yang sama kepada semua anggota masyarakat sejajar dengan ikrar dan janji mereka untuk mewakili rakyat demi kepentingan bangsa dan negara. Ini kerana setiap orang yang memasuki arena politik mempunyai cita-cita dan fikiran yang dapat disalurkan dan diperjuangkan dengan lebih berkesan. Oleh itu, kepentingan diri tidak sepatutnya mengatasi kepentingan nasional. Selain dari itu, pemimpin yang memimpin dan rakyat yang dipimpin masing-masing perlu melaksanakan kewajipan dengan penuh tanggungjawab.<sup>7</sup>

Pengaruh wang dan kuasa sering benar membuat

manusia lupa daratan, inilah yang harus diingati oleh rakyat. Kita tidak seharusnya lupa dengan kenyataan yang ada di depan mata bahawa semakin hari semakin banyak manusia yang korup mental dan tindak tanduknya sehingga membelakangi tujuan asalnya.<sup>8</sup>

Jika cita-cita asal itu dipersalahgunakan, lambat laun ia akan menjadi senjata yang akan memakan diri sendiri kerana apabila cukup lima tahun kelak, rakyat akan sekali lagi mengadilinya. Apatah lagi sokongan generasi muda yang berpendidikan tinggi tidak boleh diperkotak-katikkan. Golongan sekarang tidak sama dengan golongan zaman 50-an atau 60-an. Zaman itu sudah jauh berlalu dan kita harapkan hal-hal yang tidak disenangi seperti itu tidak akan berlaku lagi di negara ini memandangkan kita mempunyai pemimpin yang jujur dan utuh untuk menjadi benteng pertahanan gejala ini.<sup>9</sup>

Di samping itu pemimpin juga harus ingat, dengan segala perubahan nilai yang menimbulkan sikap baru, mereka kini bukan saja harus bersedia dicabar secara terbuka, malah terpaksa menjawab segala rasa ketidakpuasan hati rakyat secara lebih serius. Oleh itu mereka memerlukan pembaharuan sikap, cara berfikir dan cara bertindak agar sesuai dengan sikap masyarakat hari ini yang semakin kompleks.<sup>10</sup>

Jika rakyat tidak berpuas hati dengan sikap

pemimpin, mereka akan menjauhkan diri dan mungkin mengasingkan diri terus dari dunia politik. Memprotes pemimpin yang tidak disenangi secara begini amatlah buruk padahnya. Pemimpin kita harus menerima hakikat ini sebagai satu amaran kerana tanpa penglibatan rakyat dalam menentukan kepimpinan, ini pasti merugikan negara keseluruhannya.<sup>11</sup>

### **KEMATANGAN RAKYAT DALAM BERPOLITIK**

Untuk mengetahui sejauh manakah kematangan rakyat dalam berpolitik, terutamanya dalam pilihanraya umum 1990, penulis telah menemuramah beberapa orang pengundi pada hari pembuangan undi di Kampung Segar Rantau, Negeri Sembilan.

Dua orang calon turut bertanding untuk merebut kerusi Dewan Undangan Negeri iaitu calon BN, Dato' M.Muthupalianiapan dan calon pembangkang (DAP) iaitu P Marimuthu. Bagi kerusi parlimen Rasah, dua orang calon yang bertanding kali ini ialah Hu Sepang yang mewakili parti pembangkang atas tiket DAP dan calon BN ialah Dato' Wong See Wah.

Pembuangan undi pada hari itu berjalan dengan cukup teratur dan bersusila serta tidak timbul sebarang kekecohan. Keadaan di pondok penyemakan juga berjalan dengan baik walaupun pondok BN dan DAP bersebelahan.

Pada umumnya sistem pengundian yang dilak-

sanakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) adalah cukup berkesan. Ini membuktikan kepada umum betapa SPR sudah membuat persiapan dengan cukup rapi. Lantaran pengurusan yang sistematik ini, kita lihat, setiap parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihanraya kali ini terpaksa memastikan jentera pilihanraya masing-masing juga turut bersistem sehingga tidak timbul sebarang kekecohan pada hari pembuangan undi. Pengurusan bersistematik ini perlu bagi menyaingi ketertiban SPR dan lantas memenangi keyakinan pengundi.<sup>12</sup>

Keberkesanannya SPR ini sebenarnya mempunyai hubungkait dengan kematangan budaya politik rakyat negara ini. Untuk meninjau kematangan berpolitik masyarakat Malaysia, penulis bertemu ramah dengan beberapa orang pengundi yang dirasakan benar-benar faham kepentingan berpolitik dan bertanggungjawab. Mereka juga tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Menurut mereka, hari pembuangan undi bukanlah hari untuk berfikir lagi kerana kita sudah lama membuat keputusan dan sudah mengkaji sejauh mana kemantapan dan kebolehan parti mahupun calon dalam menyempurnakan kehendak rakyat.

Menurut seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi di negara ini, beliau memilih BN kerana memandangkan calon dari parti itu mementingkan kepentingan rakyat, bersikap tegas, amanah, cekap dan berfikiran terbuka. Beliau juga memilih calon parti yang pernah

menunjukkan kemajuan dan pembaharuan pada masyarakat kampungnya dan negara. Beliau amat berpuashati dengan kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed kerana katanya, pencapaian dan keharmonian rakyat tidak pernah tergugat sepanjang dekad 80-an, serta nilai-nilai hidup yang positif diserapkan di jiwa rakyat. Dasar Pandang ke Timur merupakan landasan dan usaha ke arah memperindahkhan Malaysia; seterusnya menjadikan Malaysia tempat tumpuan pelancong. Kegagahan jambatan Pulau Pinang, terbinanya pencakar langit di bandaraya Kuala Lumpur, pembangunan di bandar-bandar kecil serta keluasan lebuh raya yang terbentang adalah di antara keindahan yang dapat kita nikmati bersama.

Menurut beliau manifesto kerajaan "kestabilan dan kemakmuran" membuat rakyat berfikir, kemudian menyakininya. Mengenai cara berkempen, beliau menerangkan bahawa parti kerajaan tidak sekali-kali menggunakan kekerasan atau paksaan. Penyokong-penyokong parti berkempen secara berkelompok, di mana mereka akan mengumpulkan ahli-ahli seramai 30 atau 20 dan dari sini setiap ahli ditugaskan mencari atau berkempen untuk mendapatkan sokongan rakyat. Di samping itu, mereka menubuhkan G10. G10 ini dipelopori oleh Encik Ghafar Baba, kumpulan ini mempunyai seorang ketua dan setiap ahli G10 perlu mencari 10 orang penyokong. Berkempen cara G10 ini memberi kesan yang baik dan telah terbukti dalam pilihanraya di Kijal lalu.

Beliau berpendapat tarikh pilihanraya yang dipercepatkan dari tarikh yang sepatutnya mungkin disebabkan oleh keamanan dan kestabilan negara serta banyak kemajuan yang telah dicapai. Disamping itu, pergolakan di dalam DAP yang mungkin membawa keuntungan kepada UMNO turut menjadi faktor mengapa pilihanraya umum diadakan lebih awal.

Kesimpulannya, setiap pengundi mestilah mempunyai matlamat dan bagi beliau kejayaan BN akan menentukan masa depan anak-anaknya terjamin dan masyarakat seluruhnya mencapai kemajuan. Kebanyakan dari pengundi yang memihak kepada kerajaan mempunyai pendapat yang sama dengan pensyarah berkenaan.

Selain daripada beberapa penyokong kerajaan, penulis juga telah menemubual dengan seorang pejuang parti pembangkang. Beliau dan ahli-ahlinya memilih pemimpin yang sanggup berbakti kepada rakyat berbilang bangsa dan agama. Pemimpin itu mestilah dapat menunaikan apa yang diminta oleh rakyat walaupun tidak 100 peratus.

Beliau tidak senang dengan wakil rakyat lalu, kerana ahli politik itu tidak mengambil berat tentang keinginan rakyat disamping menyalahgunakan kuasa serta mengabaikan orang-orang miskin.

Mengenai cara berkempen, beliau telah menge-  
mukakan isu-isu semasa seperti isu tol yang telah  
ditentang oleh DAP untuk kepentingan rakyat dan  
tindak tanduk pemimpin atau tegasnya peribadi  
Dr. Mahathir sendiri yang merupakan isu utama  
dalam pilihanraya umum kali ini. Segala  
kelemahan dan penyelewengan yang didakwa oleh  
pihak pembangkang dikaitkan sebagai kelemahan  
beliau.

Mengenai manifesto dan janji-janji yang dibuat  
oleh Tengku Razaleigh (Ku Li) mengenai penghapusan  
tol, pemberian wang kepada pesara, kenaikan gaji dan  
lain-lain, mereka yakin Ku Li boleh melaksanakan ker-  
ana hasil dalam negeri yang banyak. Parti pem-  
bangkang juga mahu meninggikan nilai ringgit  
Malaysia berbanding dengan Singapura. Atas sebab-  
sebab di atas, beliau telah mengubah haluan dan  
memberi sokongan yang padu kepada Semangat  
46.

Pilihanraya umum kali ini berjalan dengan lancar  
dan penggunaan komputer telah diperluaskan bagi  
memudahkan para pengundi membuat penyemakan.  
Pusat pengundian juga turut dipecahkan bagi menge-  
lakkan kesesakan para pengundi semasa membuang  
undi. Para pengundi juga diberi layanan yang baik  
dimana mereka boleh menalipon mana-mana pusat  
pengundian untuk membuat penyemakan.

Namun begitu tidak dapat dinafikan, bahawa terdapat juga nama yang tercicir. Jika perkara begini berlaku berterusan, ia boleh menghilangkan kepercayaan rakyat kepada SPR. Di samping itu pihak kerajaan juga ada menyediakan wang "tambang" bagi penduduk yang bertugas di luar dan pulang ke kampung untuk mengundi. Ada orang berkata setiap usaha mereka untuk menyokong kerajaan akan diberi ganjaran dan tidak mustahil generasi akan datang akan mendapat lebih kemudahan selain daripada pendidikan dan kemudahan insfrastruktur.<sup>13</sup>

## **MANIFESTO**

Sebagaimana yang dijangkakan, pihak BN menekankan tema kesinambungan politik dalam pilihanraya kali ini, tentunya dengan tujuan untuk mencapai dan mempertahankan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara. Manifesto kerajaan tidak mengemukakan sebarang visi yang muluk dan mendalam tentang masa depan bangsa, tetapi lebih menekankan pentadbiran pembangunan yang cekap. Ciri yang sama juga terdapat pada manifesto Gagasan Rakyat dan PAS di pihak pembangkang.<sup>14</sup>

Selain mengemukakan retorik-retorik biasa tentang keadilan dan kebebasan, manifesto Gagasan menjanjikan beberapa kemudahan yang bersifat praktis dan pentadbiran seperti pemansuhan cukai dan pemberian subsidi tertentu. Manifesto PAS yang bertema "Mem-

bangun Bersama Islam" juga pada asasnya memperkatakan persoalan yang sama dengan sedikit sebanyak menyelitkan unsur-unsur kelslaman dalam bidang-bidang tersebut.<sup>15</sup> Semangat 46 pula menekankan manifesto yang bertemakan "Selamatkan Malaysia".

Dengan terselarasnya pertentangan politik di dalam dua alur yang utama itu dan dengan kurangnya unsur-unsur visi-visi jangka panjang, dalam isu-isu yang dibawa oleh parti politik, maka kempen pilihanraya kali ini merupakan kempen yang paling tidak menonjolkan unsur perkauman. Hanya setelah PBS (Parti Bersatu Sabah) mengumumkan penarikan dirinya dari BN barulah kelihatan unsur baru yang amat merbahaya dari segi jangka panjang terhadap hubungan dua kaum di negara ini – pertentangan agama antara Islam dan Kristian.<sup>16</sup>

### **BERUBAHAN ARUS PEMIKIRAN RAKYAT**

Seminggu sebelum pilihanraya, beberapa pusat parti pembangkang ditutup dan ramai di antara ahli-ahli mereka berpaling tada dan memasuki UMNO. Faktor utama yang mengubah arus yang menentang BN ialah perkembangan-perkembangan yang berlaku selepas Parti Bersatu Sabah (PBS) meninggalkan BN dan menyertai Semangat 46.<sup>17</sup>

Isu-isu yang dijangka akan menguntungkan S46 berakhir dengan kemarahan orang Melayu dan malapetaka bagi PAS yang bersama dengan S46. PAS

terperangkap dalam permainan politik rakannya (S46) sendiri. Menurut pemerhati politik, Tengku Razaleigh hilang perhitungan bila beliau memasukkan PBS yang berasaskan Kristian itu ke dalam gabungannya setelah Dr. Mahathir menolak segala permintaan PBS secara peras ugut terutama sekali setesen TV khas. Fenomena ini telah meletakkan UMNO ke depan dalam satu persoalan agama yang amat sensitif.

Isu ini bertambah buruk kerana isu pemakaian sigah oleh Tengku Razaleigh selaku Presiden S46. Kesannya S46 disebut berpaling tадah dan melanggar etika Islam.<sup>18</sup> Ini meletakkan rakan baru S46, PAS dalam kelemasan.

Isu BMF, melalui pendedahan Lorraine Esme Osman yang membabitkan nama Tengku Razaleigh, telah menimbulkan pertanyaan baru yang juga melemahkan pembangkang.

Menurut kenyataan akhbar Berita Harian bertarikh 21 Oktober 1990, Ketua Pengarah Risda, Datuk Hassan Ibrahim mendedahkan beberapa penipuan dan penganiayaan yang dilakukan oleh kerajaan PBS yang memerintah negeri Sabah sekarang ini. Antara tindakan yang dilakukan ialah penarikan balik biasiswa 87 orang pelajar Melayu Sabah yang menuntut di luar negeri.<sup>19</sup>

Sehubungan dengan itu, isu balak juga ditim-

bulkan disaat-saat pilihanraya ini. Hasil balak di Sabah dijual kepada pembeli-pembeli di Taiwan dengan harga gred 3, yang kemudian dijual semula kepada negara-negara lain seperti Hong Kong dan Jepun dengan harga mahal gred 1. Dalam lain-lain perkataan, pihak berkuasa di Sabah telah bersubahat dengan pembeli Taiwan dan kemudian memperolehi komisen.<sup>20</sup>

Bila keadaan ini berlaku, PAS kelihatan serba salah dan menyebutkan tentang kerjasama dengan UMNO. Ini membuatkan para penyokongnya bingung. Keraguan orang-orang Islam terhadap kepimpinan PAS timbul kerana mereka tidak pasti bahawa PAS akan mendapat tempat di dalam gabungan Angkatan Perpaduan Ummah dan memenangi 30 kerusi yang ditandinginya.<sup>21</sup>

Kebimbangan orang-orang Islam ini jelas dengan kebangkitan serentak dan serta-merta para Nasionalis Melayu di seluruh negara yang menyeru supaya PAS dan UMNO kembali bersatu. Tindakan Tengku Razaleigh tanpa memberitahu PAS, meletakkan PAS dalam keadaan bertahan dan berlembut dengan UMNO.<sup>22</sup>

## **HARAPAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI**

Bukan sahaja rakyat terus berharap dan merasa bingung dalam menghadapi pilihanraya kali ini, para pemimpin parti juga sedemikian. Dr. Mahathir berharap dan yakin akan mencatat kemenangan besar dengan memperolehi majoriti 2/3 walaupun pihaknya menghadapi sedikit

masalah di Kelantan dan pembelotan PBS.

Bagi Tengku Razaleigh, beliau yakin akan dapat membentuk sebuah kerajaan baru. Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang pula berkata, "Dengan angin perubahan sekarang, saya yakin majoriti 2/3 BN akan ditarik balik." Bagi Pengurusi DAP Kebangsaan, Dr. Chen Men Hin, beliau menegaskan bahawa DAP akan memperolehi kemenangan besar kerana keluarnya PBS dari pada BN akan memberi semangat kepada rakyat untuk menyokong DAP dan Gagasan Rakyat.

Menurut Yang Dipertua PAS, Haji Fadhil Noor, PAS optimis mendapat kejayaan besar dalam pilihanraya kali ini hasil kerjasama dengan parti-parti lain dalam Angkatan Perpaduan Ummah.

Datuk Hassan Ibrahim, Pengarah RISDA yang juga Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, berharap semua anggota perkhidmatan awam yang berjumlah kira-kira 1.2 juta orang memainkan peranan dan terus menyokong perpaduan rakyat bagi membentuk sebuah kerajaan yang lebih kukuh.

### **JASA KERAJAAN DAN PERANCANGAN**

Kita tinjau sedikit jasa kerajaan dan perancangannya, dimana berjuta-juta ringgit dibelanjakan bagi meningkatkan kemudahan serta perkhidmatan termasuk pemberian subsidi padi, baja, rancangan buku hijau

dan sebagainya. Kerajaan juga bercadang menambahkan pusat kejenteraan ladang di negara ini supaya taraf sosio-ekonomi petani dipertingkatkan. Kerajaan juga bercadang untuk menubuhkan lebih banyak projek perindustrian berdasarkan sumber pertanian sebagai langkah menambah pendapatan petani. Ini adalah selaras dengan hasrat serta program kerajaan untuk membangunkan rakyat luar bandar.

Di samping itu, menurut Encik Ghafar Baba, kerajaan BN juga memastikan soal agama, pentadbiran dan ekonomi menjadi pokok utama setiap kali pilihanraya. Malah aspek agama tidak boleh ditinggalkan kerana ini adalah amalan hidup umat Islam.

Apa yang penting sekarang ini, masyarakat haruslah peka dan mengambil satu inisiatif agar tidak wujud perbezaan yang ketara antara pemerintah sebuah negeri yang aman dan damai. Kita tidak mahu wujud perbezaan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri (umpamanya Kelantan diperintah oleh parti pembangkang) dan sukar untuk mencari calon sebagai penyambung antara kerajaan negeri dan pusat. Untuk itu sama-sama kita bersatu, jika tidak, mungkin matlamat dan perancangan kerajaan tidak akan tercapai dan mungkin kuasa Melayu akan berakhir.

Ada yang berkata pilihanraya umum kali ini adalah "pilihanraya keramat" kerana ia menentukan kekuatan

kuasa Melayu di negara ini. Bukanlah sekadar hendak menentukan siapa calon yang bertanding atau calon mana yang akan menjadi wakil rakyat, tetapi untuk menentukan orang Melayu terus mengekalkan kuasanya.

Rakyat juga harus peka dan sedar akan ramalan mengenai keruntuhan kuasa Melayu di negara ini yang dibuat oleh bekas Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew pada tahun 1965. Beliau menyebut politik orang Melayu di negara ini akan berakhir pada tahun 1994.

Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berfikir apakah teori ini benar. Hanya bangsa Melayu sendiri dapat memberi jawapannya.

Dalam sibuk-sibuk teori 3M (menulis, membaca dan mengira) serta regu 2M (Mahathir dan Musa) pada suatu ketika dahulu, janganlah kita lupa bahawa teori 3S iaitu Singapura, Sabah dan Sarawak beralih tangan kepada kuasa yang tidak berteraskan melayu. Walaupun belum menjadi kenyataan sepenuhnya kemungkinan ia perlu diamati oleh bangsa Melayu.

Lihatlah bagaimana Singapura terlepas dari tangan kuasa Melayu. Sabah pula sudah tiga kali pilihanraya masih jua tidak dapat direbut oleh orang Melayu. Apakah ini menunjukkan bahawa kuasa orang Melayu akan berakhir seperti yang diramalkan?

**Kuasa Melayu, Kematangan Rakyat  
Berpolitik Dan Tinjauan Sekitar  
Pilihanraya Umum 1990**

---

Fakta sejarah di negara ini juga menunjukkan bahawa kuasa Melayu pernah bertukar tangan seperti kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 dan peristiwa penjajahan Siam ke atas beberapa buah negeri Melayu di utara Semenanjung Malaysia. Suatu hakikat yang harus disedari oleh bangsa Melayu.

### **KEPUTUSAN DARI PEMILIHAN RAKYAT**

Setelah meneliti harapan pemimpin dan rakyat, jasa-jasa serta teori-teori yang dibuat atas kesedaran rakyat, rakyat pun membuat pilihan mereka. Hasilnya pihak kerajaan BN memenangi 127 kerusi Parlimen, DAP (20), PBS (14), S46 (8), PAS (7) dan parti Bebas (4).<sup>23</sup> BN berkuasa semula di semua negeri kecuali di negeri Kelantan.

Dalam kesibukan Perdana Menteri Dr. Mahathir menerima ucapan tahniah dari negara-negara luar, seramai 88 calon hilang wang pertaruhan, mereka gagal mendapat 1/8 daripada jumlah undi sahih.<sup>24</sup> Selain hilang wang pertaruhan, rakyat sudah mengetahui pemimpin yang dipilih oleh mereka menang. Pemimpin yang berjaya juga mengetahui ia dipilih dan rakyat memerlukannya. Di sebalik senyuman gembira, namun jauh di sudut hati janji terhadap rakyat mesti ditunaikan.

### **KESIMPULAN PILIHANRAYA 1990**

Pilihanraya umum 1990 berjalan dengan lancar dan aman sepanjang dua hari pada 20 dan 21 Oktober 1990.

Setelah tamatnya pertarungan paling sengit dalam sejarah pilihanraya di Malaysia, para pengundi telah memberikan beberapa keputusan paling penting yang meletakkan pilihanraya kali ini sebagai satu pilihanraya yang amat menarik.<sup>25</sup>

Pertama, rakyat telah membuat satu keputusan jelas dengan memberi kemenangan lebih 2/3 kepada BN dan menolak barisan pembangkang, termasuk gagasan membentuk kerajaan alternatif dan juga menolak projek Tanjung II.

Pilihanraya ini adalah satu pengesahan orang-orang Melayu bahawa UMNO yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed diterima. Semangat 46, walaupun mendakwa memperjuangkan UMNO asal, diputuskan oleh pengundi hanya sebagai parti serpihan yang cuma mempunyai pengaruh yang hampir semuanya di Kelantan.

Prestasi pembangkang tidaklah begitu menggalakkan. Ini lebih-lebih lagi jika dilihat keghairahan mereka menubuhkan pakatan bagi menumbangkan kerajaan BN dan bagaimana mereka bersatu buat pertama kali di dalam sejarah.

Pilihanraya kali ini nampaknya menguntungkan PAS. Semangat 46 telah menolong PAS menambahkan

jumlah undi dan kerusi terutama di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Parti pembangkang yang memang terkenal dengan kesetiaan itu telah menunjukkan prestasi terbaik dalam pilihanraya ini berbanding dengan parti-parti lain. Selain mendapat kemenangan di Kelantan, Yang Dipertua PAS, Haji Fadhil Noor kalah di Pendang. Beliau hanya menang kerusi ADUN, Bukit Raya. Tetapi pemimpin yang paling kontroversi, Haji Hadi Awang telah dihantar oleh pengundi Marang ke Parlimen buat kali pertamanya sejak beliau menceburkan diri dalam politik.<sup>26</sup>

Kedua ialah pilihanraya kali ini telah melahirkan dua kerajaan negeri yang diperintah oleh parti pembangkang. Iaitu negeri Kelantan diperintah oleh parti yang berteraskan Islam dan negeri Sabah diperintah oleh parti yang berlandaskan Kristian.<sup>27</sup>

Ketiga ialah para pengundi kali ini membuat keputusan yang jelas dengan memberi kemenangan 100 % di Kelantan kepada APU, 100 % kemenangan kepada BN bagi kerusi Parlimen di Negeri Sembilan dan Perlis, sementara di Pulau Pinang 50:50. Dengan kata lain, para pengundi kali ini telah menyatakan/menegaskan pendirian mereka dengan sejelas-jelasnya. Mereka tidak ragu-ragu lagi menyokong ataupun menentang mana-mana parti.<sup>28</sup>

Keempat ialah arah aliran pengundian di bandar-

bandar adalah lebih condong kepada parti pembangkang, sementara pengundi di luar bandar kecuali negeri Kelantan adalah condong kepada BN. Ini seharusnya menjadi perkara yang patut diambil kira oleh BN tentang bagaimana cara mendapat sokongan pengundi di bandar, iaitu pengundi yang menikmati pembangunan tetapi menolak BN.<sup>29</sup>

Di waktu yang sama BN harus memikirkan bagaimana ia perlu membawa pembangunan yang lebih ke kawasan luar bandar, sebagai tanda terima kasih kepada para pengundi yang sentiasa memberi sokongan sekalipun mendapat nikmat pembangunan yang lebih kecil jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk bandar.

Selain itu, dalam pilihanraya kali ini para pengundi juga memberi amaran yang jelas iaitu mereka menghendaki wakil rakyat yang boleh bekerja untuk kepentingan mereka. Masa untuk wakil rakyat memenangi kerusi dengan mudah sudah berakhir. Mereka patut sedar bahawa politik Malaysia ialah politik 'grass-root'. Mana-mana wakil rakyat yang jarang menjelak kaki ke kawasan penyokong mereka akan menerima hukuman pengundi.<sup>30</sup>

Kejayaan BN dalam pilihanraya kali kelapan baru-baru ini memang mengagumkan. Segenap lapisan masyarakat Malaysia termasuk para usahawan dan

pelabur asing merasa lega. Purata mereka mengaku dengan bantuan "jeneral dan komander", Pengerusi BN telah memenangi kerusi parlimen.<sup>31</sup>

Walau bagaimanapun, dalam keghairahan menyambut kemenangan tersebut kepiluan yang mengguris perasaan akibat kekalahan yang begitu teruk di Kelantan tidak dapat disembunyikan. Operasi sapu bersih yang dilancarkan oleh PAS dengan kerjasama S46 dan Berjasa ini bukan sahaja memberi satu tamparan terhadap BN yang sekian lama telah menumpukan perhatian terhadap Kelantan tetapi juga telah membuat parti-parti lain terpegun.<sup>32</sup>

Apabila diteliti secara mendalam, faktor penyumbang yang turut membawa kepada kekalahan BN ialah ketiadaan hubungan dua hala antara pemimpin dengan rakyat. Kekosongan ini telah menjadi jurang pemisah yang begitu ketara. Mungkin ada yang beranggapan bahawa faktor itu terlalu ringan untuk diambil kira kerana kerajaan BN telah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi mengadakan berbagai kemudahan. Tetapi nilai kerohanian dalam diri pengundi terutama sekali yang beragama Islam lebih mengutamakan kewibawaan dan kemampuan.<sup>33</sup>

Tenaga penghubung dan penggerak yang digunakan oleh PAS ialah peningkatan dua hala dan kefahaman mengenai hasrat parti dengan perkhidmatan yang

diberikan serta tindakan. Kebangkitan Islam, kesedaran mengenai nilai-nilai murni ajaran Islam, dan penjelasan yang begitu berkesan adalah pendekatan yang sungguh bermakna sekali. Pembangunan sahaja tidak dapat mengabui mata rakyat. Rakyat sekarang menilai dari segi kemampuan memberi khidmat ke arah perpaduan ummah dalam ertikata yang sebenar.<sup>34</sup>

## **KESIMPULAN**

Mulai pilihanraya ini, semua parti patut bersedia menghadapi pengundi-pengundi yang sukar diyakini termasuk pengundi luar bandar. Orang yang memilih politik sebagai profesyen hendaklah melengkapkan diri dengan keperluan yang sihat, bukan sekadar tipu muslihat yang boleh memberi kemenangan dalam pilihanraya semata-mata. Keperluan sihat ini bukan setakat sihat kepada mereka tetapi biarlah juga sihat kepada masyarakat.

Iklim yang sihat dalam politik akan memudahkan pertumbuhan yang sihat dalam bidang-bidang yang lain terutama dalam pembangunan negara, iaitu pembangunan yang boleh menjanjikan kestabilan, keamanan dan kesejahteraan kepada semua. Oleh itu kita hendaklah memupuk kesedaran politik yang sihat dalam diri kita dan masyarakat. Apabila iklim ini telah mantap, maka biar siapa pun yang rebah bangun dalam politik, pembangunan negara dan masa depan rakyat terjamin.<sup>35</sup>

Apabila kita merasakan pilihanraya kali ini sebagai

persaingan yang paling sengit, kesengitan setiap persaingan itu sebenarnya berpunca daripada kematangan politik rakyat negara ini sendiri. Tanpa kesedaran dan kemahiran politik yang tinggi, kita pasti proses pilihanraya yang serong dan kačau bilau akan berlaku.

Sesungguhnya rakyat Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi dan sihat mengenai pilihanraya di negara ini, kata ketua kumpulan pemerhati dari Komanwel, Rudley Thompon. Rakyat Malaysia memilih BN sebagai pilihan utama yang dapat menentukan nasib masa depan mereka dan tidak ada gunanya mereka hanya memilih calon yang hanya pandai bercakap tetapi tidak dapat membela nasib rakyat di kawasannya sendiri.

Kita menjangkakan akan berlaku beberapa kejutan politik selepas pilihanraya dan keputusan rakyat hendaklah diterima dengan tenang dan dada terbuka kerana yang menang sebenarnya ialah rakyat yang menyuburkan proses demokrasi pada ketika para pengundi bertambah matang menggunakan hak dan kebebasan mereka.

Yang pastinya, pilihanraya sudah pun tamat. Menurut pemerhati Komanwel, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi. Kejayaan pilihanraya kita akan dijadikan contoh kepada negara lain. Kita harap ia akan menjadi kenyataan.

## **NOTA AKHIR**

- <sup>1</sup> "Pilihanraya: Semua pihak sudah bersedia", (*Rencana Pengaranggi*, *Berita Harian*, 5 Oktober 1990, ms. 10).
- <sup>2</sup> Ibid.
- <sup>3</sup> Ibid.
- <sup>4</sup> Rustam A. Sani dan Mustafa Mohammad Najimuddin, "Pilihanraya umum 1990, Mandat Baru Cabaran Baru", (*Fokus*, *Dewan Masyarakat*, November 1990, ms. 26).
- <sup>5</sup> Z. Abidin, "Yang bijak, pengundi" (Halaman Editor), *Dewan Masyarakat*, November 1990, ms. 60.
- <sup>6</sup> "Pilihanraya Semua pihak sudah bersedia", *Berita Harian*, 5 Oktober 1990.
- <sup>7</sup> Op.cit., N.Z. Abidin
- <sup>8</sup> Ibid
- <sup>9</sup> Ibid
- <sup>10</sup> Ibid
- <sup>11</sup> Ibid.
- <sup>12</sup> "Kemenangan yang mutlak hanya pada pengundi", (*Rencana Pengaranggi*, *Berita Harian*, 22 Oktober 1990).
- <sup>13</sup> Hasil temutamah dengan beberapa orang pengundi serta tinjauan sekitar pilihanraya umum 1990 di Kampung Segai, Rantau, Negeri Sembilan, pada 21 Oktober 1990, jam 11.00 a.m.
- <sup>14</sup> Rustam Sani dan Mustafa Mohammad Najimuddin, "Pilihanraya umum 1990, Mandat Baru Cabaran Baru", *Dewan Masyarakat*, November 1990, ms. 27.
- <sup>15</sup> Ibid.
- <sup>16</sup> Ibid, ms. 28.
- <sup>17</sup> *Berita Harian*, 20 Oktober 1990.
- <sup>18</sup> Zalina Hj. Arshad, "Senario di Ng. Sembilan", *Dewan Masyarakat*, November 1990, m/s 28.
- <sup>19</sup> "Kerajaan PBS tarik balik basiswa pelajar Melayu", *Berita Minggu*, 21 Oktober 1990.
- <sup>20</sup> Ibid
- <sup>21</sup> "Semangat 46 Salahkan Nik Aziz", *Berita Harian*, 21 Oktober 1990.
- <sup>22</sup> Ibid
- <sup>23</sup> *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1990.
- <sup>24</sup> Ibid
- <sup>25</sup> Rosnah Majid, "UMNO Kekal Nombor 1", *Utusan Malaysia*, 23 Oktober 1990, m/s 6.

**Kuasa Melayu, Kematangan Rakyat  
Berpolitik Dan Tinjauan Sekitar  
Pilihanraya Umum 1990**

---

26 Ibid, ms. 6.

27 Ibid, ms. 6.

28 Ibid, ms. 6.

29 Ibid, ms. 6.

30 Ibid, ms. 6.

31 "Kerajaan Baru Selamat Dilahirkan," *Warisan Nasional*, 11 November 1990.

32 Ibid.

33 Ibid.

34 Ibid.

35 A.Rahman Muda, "Senario Rebah-Bangun Dalam Politik" *Dewan Masyarakat*, November 1990, ms. 19.

## **KEKALAHAN BARISAN NASIONAL DI KELANTAN DAN KEUNGGULANNYA DI NEGERI-NEGERI LAIN**

---

### **PENDAHULUAN**

Pembubaran Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang berkuatkuasa pada 5 Oktober, 1990 membolehkan pilihanraya umum diadakan. Pilihanraya umum yang kelapan telah diadakan pada Ahad 21 Oktober. Sesungguhnya pilihanraya umum yang kelapan dalam sejarah ini merupakan suatu ujian yang menarik. Inilah pilihanraya umum yang pertama sejak berlakunya perpecahan dalam UMNO yang menghasilkan keretakan pimpinan yang begitu parah sehingga mencetuskan pembentukan parti baru: Semangat 46.<sup>1</sup> Pagi 22 Oktober 1990 menunjukkan bahawa Barisan Nasional kembali berkuasa dengan kedudukan perwakilannya di Parlimen melebihi 2/3 dan dapat membentuk kerajaan baru di negeri-negeri lain kecuali di Kelantan dan Sabah. Keputusan pilihanraya di Kelantan memang mengejutkan di mana Barisan Nasional mengalami kekalahan yang teruk dan memang tidak diduga sama

sekali. Walaupun kekuatan pengaruh pembangkang terutamanya Semangat 46 di negeri ini terserlah tetapi ramai tidak menjangkakan yang pembangkang dapat menyapu bersih kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.<sup>2</sup>

### **KEKALAHAN TOKOH-TOKOH UMNO**

Dalam perkembangan politik Kelantan, pilihanraya umum kali ini sebenarnya mempamirkan banyak keajaiban. Kekalahan tokoh-tokoh veteran dan popular di tangan tokoh-tokoh amatur adalah suatu keajaiban. Tengku Ahmad Rithaudeen kalah di tangan Hajjah Ilani dengan majoriti yang tidak masuk akal sama sekali di Parlimen Kota Bharu. Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamad Yaakob ditewaskan oleh Zianon Abidin Ali (Semangat 46) di Dewan Undangan Negeri yang pernah ditandinginya dulu (1986). Ini suatu keajaiban berbanding dengan rakan sejawatnya dari negeri-negeri lain yang dapat mengekalkan kerusi masing-masing.

Senator Dato' Husain Ahmad dikalahkan dengan majoriti besar oleh calon PAS, Daeng Sanusi Mariok di Parlimen Rantau Panjang. Datuk Haji Dasuki Ahmad ditewaskan di Parlimen Tumpat oleh calon PAS. Datuk Abdullah Ahmad juga ditewaskan di Parlimen Kok Lanas oleh Semangat 46. Manakala Timbalan Menteri Besar Dato' Ahmad Rastom ditewaskan di Bunut Payong. Semua yang berlaku ini tidak pernah diduga sebelum ini.

Tengku Ahmad Rithaudeen merupakan tokoh orang besar dan tokoh lama dalam politik Kelantan. Memang kalau dilihat undi yang diperolehi oleh Tengku Rithaudeen bermula dari pilihanraya 1982 hingga pilihanraya 1986 semakin merosot. Dalam pilihanraya kelapan beliau diganyang begitu teruk oleh Hajjah Ilani, Timbalan Menteri Besar. Dato' Ahmad Rastom pula, menurut pemerhati politik Kelantan, bertanding buat kali kedua di Bunut Payong, antara kawasan yang paling selamat. Sebagai seorang Timbalan Menteri beliau dianggap mempunyai pengaruh setaraf dengan Menteri atau Timbalan Menteri yang lain di mana majoritinya dapat mengekalkan kerusi masing-masing. Tetapi ternyata beliau juga kecundang kerana dikalahkan oleh penasihat Undang-undang Kerajaan negeri Dato' Abd. Halim (PAS) dengan majoriti 4,092 undi. Sedangkan Tan Sri Mohamad Yaakob dan Dato' Ahmad Rastom dipukul hebat, apatah lagi tokoh-tokoh lain.

Pilihanraya umum kelapan juga telah menonjolkan PAS sebagai peraih kerusi Dewan Undangan Negeri yang terbanyak (24 kerusi DUN) dan parlimen hampir sama dengan Semangat 46. Perpaduan utuh antara PAS dan Semangat 46 serta parti-parti lain dalam Angkatan Perpaduan Ummah telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang bagi merampas kembali Kelantan dari tangan Barisan Nasional, setelah 12 tahun berada di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Sokongan yang padu dari semua ahli-ahli parti di

bawah Angkatan Perpaduan Ummah telah menyebabkan PAS kembali berkuasa di Kelantan selepas kalah teruk pada tahun 1978.

Barisan Nasional ialah sebuah parti yang terkuat dan pernah pula bertapak di negeri Serendah Sekebum Bunga tetapi gagal mendapatkan walaupun satu kerusi dalam pilihanraya ini. Ini merupakan satu sejarah yang patut diingat. Walaupun PAS menghadapi krisis keyakinan dan menjadi sasaran kemarahan rakyat Kelantan pada 1977/78 namun ia dapat juga memiliki 2 kerusi Parlimen dan 2 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya umum pada tahun 1978.<sup>3</sup>

### **FAKTOR SOSIO POLITIK DAN SEBAB KEKALAHAN**

Kesungguhan rakyat Kelantan untuk menjadikan Tengku Razaleigh sebagai Perdana Menteri adalah sebahagian daripada faktor kekalahan UMNO dan Barisan Nasional di Kelantan. Sebenarnya kekalahan Barisan Nasional bukanlah disebabkan rakyat negeri ini membenci pimpinan Tan Sri Mohamad Yaakob tetapi kerana melihat ketiadaaan Tengku Razaleigh Hamzah dalam kepimpinan UMNO sekarang sebagai faktor luar yang tidak dapat diterima lagi.<sup>4</sup>

Kaitan Tengku Razaleigh dengan keturunan Diraja membuatkan masyarakat Kelantan berasa terikat dengan 'world view' yang membaluti fikiran mereka selama ini. Oleh itu mereka memberi sokongan kepada Tengku

Razaleigh yang mengetuai Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Di Kelantan juga ada desas desus mengatakan tokoh-tokoh UMNO negeri berkonfrantasi dengan Sultan. Di antara tokoh-tokoh itu ialah Tan Sri Mohamad Yaakob, Haji Anuar Musa dan Hashim Shafin. Ini juga mempengaruhi tindakan masyarakat Melayu Kelantan.<sup>5</sup>

Tidak dinafikan berlaku perpecahan di peringkat UMNO bahagian kerana para pemimpin tidak berpuas hati dengan pemilihan calon sehingga terpaksa meletakkan jawatan hanya kerana calon yang disokong tidak terpilih. Kesilapan Barisan Nasional dalam memilih calon juga sedikit sebanyak menyulitkan tugasnya untuk mengekalkan Kelantan.<sup>6</sup> Penyiaran gambar Tengku Razaleigh memakai tengkolok semasa beliau ke Sabah tidak berkesan kerana beberapa jam selepas penyiaran gambar itu, disebarkan pula gambar yang menunjukkan Dato' Sri Dr. Mahathir memakai tengkolok yang sama sambil menari. Kempen serang balas secara mendadak menerangkan bahawa penyiaran gambar Tengku Razaleigh adalah dengan tujuan menyebarkan fitnah.

Perkembangan politik Kelantan ialah faktor persefahaman, persefahaman dan kerjasama yang utuh antara parti-parti dalam Angkatan Perpaduan Ummah. Para penyokong setiap parti menjadi padu menentang musuh yang satu (BN). Ditambah lagi persetujuan

untuk tidak bertanding menentang antara satu sama lain menyebabkan para pengundi tidak ada alternatif lain.

Perkara yang disebutkan di atas merupakan faktor dan sebab kerajaan Barisan Nasional mengalami kekalahan teruk dalam sejarah parti itu di negeri Cik Siti Wan Kembang. Oleh itu perkembangan politik Kelantan hendaklah dilihat dalam kerangka pandangan yang mencorakkan budaya politik masyarakatnya. Sekiranya dilihat secara terpisah, perkembangan politik Kelantan tidak akan difahami dan sukarlah bagi Barisan Nasional hendak menawan kembali.<sup>7</sup>

### **FAKTOR KEUNGGULAN BARISAN NASIONAL**

Walaupun Barisan Nasional mengalami kekalahan yang teruk di Kelantan, namun Barisan Nasional masih mampu membentuk kerajaan di negeri-negeri lain. Kejayaan Barisan Nasional telah meyakinkan rakyat mengenai ideologinya yang agak mudah. Manifestonya yang menekankan keamanan, kestabilan, dan kemakmuran telah berjaya menarik minat ramai pengundi kerana negara sedang menikmati semua unsur tersebut sebagai hasil daripada dasar yang diambil oleh kerajaan Barisan Nasional. Nyatalah ideologi ini bersifat konservatif mempertahankan apa yang ada. Namun demikian, ideologi yang konservatif ini dikaitkan dengan ketokoohan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang digambarkan sebagai pemimpin yang mempunyai visi yang amat

radikal untuk membawa negara ini ke ambang pembangunan yang lebih gemilang. Rata-rata rakyat negara ini selain daripada rakyat Kelantan dan Sabah mengakui ketokohan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berbeza dengan rakyat yang dikuasai oleh pembangkang yang terang-terang telah menolak pucuk pimpinan yang ada sekarang.

Barisan Nasional menguasai 52% daripada keseluruhan undi dalam pilihanraya umum kali ini dan daripada jumlah itu UMNO menguasai hampir 30%. Daripada 86% kerusi parlimen yang ditandinginya, UMNO memenangi 71 kerusi. Sebagai sebuah parti yang mempertahankan beberapa unsur tradisi iaitu dengan meletakkan sebahagian besar daripada calon-calon UMNO (BN) anak tempatan sesuatu kawasan, UMNO (BN) dapat mengekalkan kemantapannya sebagai sebuah parti yang memerintah. Kisah pilihanraya ini sebahagian besarnya merupakan kejayaan UMNO mempertahankan kesetiaan para penyokongnya dalam menghadapi pihak pembangkang. Keputusan pilihanraya ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional telah berhasil menentang cabaran yang dihadapi dan berjaya mempertahankan kesetiaan dari penyokongnya.<sup>8</sup>

Kemenangan Barisan Nasional juga disebabkan oleh unsur tiga M iaitu 'Money – wang, Machinery – jentera dan Media'. Ketiga-tiga unsur ini menambahkan lagi kemenangan Barisan Nasional kerana maklumat

dapat disebarluaskan dengan meluas, dan pantas. Monopoli parti pemerintah dalam menggunakan jentera kerajaan amat ketara sekali jika dibandingkan dengan parti-parti pembangkang. Ternyata 3M menolong kerajaan Barisan Nasional menarik minat para pengundi untuk terus menyokongnya. Walaupun mendapat 2/3 majoriti dalam pilihanraya yang lepas ternyata peratus undi BN jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kerusi yang diperolehi. Namun begitu peratus undi pembangkang jauh lebih tinggi dari kerusi yang dimenanginya.<sup>9</sup>

Dalam menjelaskan kejayaan Barisan Nasional mempertahankan kedudukannya dalam pilihanraya umum yang kelapan ini, kejayaan parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional amatlah sukar dipastikan. Kejayaan Barisan Nasional kali ini ialah kerana kejayaan UMNO yang dapat meyakinkan penyokongnya terhadap perjuangannya disamping terus memberikan kerjasama dan sokongan kepada parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional seperti MCA, MIC, GERAKAN dan lain-lain lagi. Ternyata majoriti dari pengundi-pengundi Melayu selain dari Kelantan masih setia dengan Barisan Nasional dan kesetiaan mereka tidak dapat dilemahkan oleh pencabar terdekat Semangat 46.<sup>10</sup>

Walaupun Barisan Nasional dapat membentuk kerajaan di semua negeri kecuali di Kelantan dan Sabah,

tempias kemenangan APU sudah dapat dirasai di Terengganu. Sebab utama mengapa Terengganu hampir dikuasai oleh APU ialah kerana keberkesanan usahasama yang dimeterai antara parti-parti dalam APU. Kekalahan calon-calon Barisan Nasional mungkin disebabkan oleh tentangan hebat dari parti-parti pembangkang yang telah lama bertapak untuk memerintah negeri itu.<sup>11</sup>

## **PENUTUP**

Ternyata agak sukar bagi Barisan Nasional merampas kembali Kelantan dari tangan PAS. Perpaduan yang utuh serta kerjasama yang padu termeterai antara parti-parti dalam APU mengukuhkan lagi kedudukan PAS. Kejatuhan Kelantan ke tangan pembangkang menunjukkan bahawa corak pemerintahan BN di Kelantan sudah tidak digemari lagi oleh rakyat Kelantan dan masyarakat Kelantan telah membuat pilihan pada 21 Oktober 1990 untuk memilih kerajaan baru bagi jangka-masa 5 tahun. Ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan sudah matang dalam berpolitik. Rakyat Kelantan tahu memilih kerajaan yang disukai kerana mereka sudah merasai kedua-dua pemerintahan PAS dan Barisan Nasional. Walaupun mereka pernah merasai kesusahan dari segi material semasa pemerintahan PAS dahulu tetapi mereka berazam untuk memilih PAS dan APU kerana mereka sudah jemu dengan Barisan Nasional.<sup>12</sup>

Pilihanraya 1990 telah mewariskan beberapa per-

soalan baru yang harus ditangani. Khususnya kita mempunyai dua kerajaan negeri (Kelantan dan Sabah) yang tidak sehaluan cita-cita politik dengan kerajaan pusat. Dalam sistem pemerintahan demokrasi jenis persekutuan yang maju hal yang sedemikian merupakan perkara biasa. Namun pengalaman kita tentang situasi seperti ini belum cukup lama dan mendalam. Hakikat ini harus diterima, cara belajar menanganinya amat diperlukan tanpa menjaskan pembangunan semua golongan rakyat, tanpa mengira parti demi kesejahteraan rakyat.<sup>13</sup>

## NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Berita Harian, 5 Oktober 1990, Jumaat.
- <sup>2</sup> Dewan Masyarakat, November 1990.
- <sup>3</sup> Watan, 23 Oktober 1990, Selasa.
- <sup>4</sup> Utusan Malaysia, 23 Oktober, Selasa.
- <sup>5</sup> Dewan Masyarakat, November 1990.
- <sup>6</sup> Mingguan Kota, 21 Oktober, Ahad.
- <sup>7</sup> Watan, 23 Oktober 1990, Selasa.
- <sup>8</sup> Dewan Masyarakat, November 1990.
- <sup>9</sup> Forum isu-isu semasa, Pilihanraya Umum di Malaysia Satu Tinjauan Umum, ucapan Dr. Firdaus Abdullah, 22 Nov. 1990. Universiti Malaya, Anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM)
- <sup>10</sup> Dewan Masyarakat, Nov. 1990.
- <sup>11</sup> Utusan Malaysia, 23 Oktober 1990, Selasa.
- <sup>12</sup> Harakah, 29 Oktober 1990, Isnin.
- <sup>13</sup> Dewan Masyarakat, Nov. 1990.

## **SENARIO PILIHANRAYA KALI KELAPAN DI MALAYSIA: PERUBAHAN DAN CABARAN**

### **PENDAHULUAN**

*M*alaysia adalah sebuah negara berperlembagaan yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Setiap lima tahun sekali rakyat Malaysia akan keluar mengundi bagi menentu dan memilih pemimpin mereka. Berbagai telahan dan tekaan telah dibuat oleh media-massa, pemerhati politik dan orang ramai mengenai tarikh sebenar pilihanraya. Akhirnya segala pertanyaan itu telah terjawab apabila Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad mengisyitiharkan pembubaran Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negeri pada 6 Oktober 1990.<sup>1</sup> Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah mengumumkan tarikh 20 dan 21 Oktober 1990 sebagai hari pembuangan undi di Sabah dan Sarawak

manakala 21 Oktober 1990 di Semenanjung Malaysia. Pengurus SPR iaitu Tan Sri Abdul Kadir Talib mengumumkan 7,958,640 orang pengundi layak membuang undi bagi memilih seramai 180 ahli Dewan Rakyat dan 351 ahli Dewan Undangan Negeri. Pilihanraya pada tahun ini mempunyai banyak perbezaan jika dibandingkan dengan pilihanraya-pilihanraya lima atau sepuluh tahun yang lepas. Pertarungan kali ini benar-benar menguji dan menggugat kewibawaan parti pemerintah. Pada tahun ini pihak kerajaan Barisan Nasional masih lagi menggunakan lambang dacing beserta manifestonya 'AMAN, STABIL, MAKMUR'. Setiap parti mempunyai manifestonya sendiri, contohnya Semangat 46 (Selamatkanlah Malaysia), PAS (Membangun Bersama Islam) dan DAP ("Change" atau "Perubahan").

### **GABUNGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG**

Buat pertama kali dalam sejarah pilihanraya di Malaysia, parti pembangkang dari berbagai aliran-kapitalis, cauvinistik, ekstremisme dan Islam-bergabung dalam barisan pembangkang dengan satu matlamat iaitu untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional. Tenaga-tenaga pembangkang bersatu membentuk dua perikatan yang berbeza tetapi saling berhubungan. Untuk mendapatkan sokongan orang Melayu di Pantai Timur dan Utara Semenanjung. Semangat 46 telah bekerjasama dengan PAS, Berjasa dan HAMIM yang akhirnya melahirkan Angkatan

Perpaduan Ummah (APU). Untuk parti-parti Gagasan Rakyat pula dibentuk dan disertai oleh DAP, PBS, PRM, dan IPF.<sup>2</sup>

Apakah dua perikatan ini akan menjadi bibit permulaan bagi terbentuknya sistem dua parti dan menjadi alternatif yang wajar dalam suasana politik negara ini? Tindakan nekad gabungan pihak pembangkang ini dilakukan mungkin kerana mereka tidak berpuashati dengan sistem pentadbiran Mahathir yang banyak melakukan penyelewengan dan rasuah, contohnya kes BMF dan krisis sistem kehakiman. Kesan dari gabungan ini parti-parti pembangkang ini telah berjaya menggegarkan jentera pentadbiran kerajaan dalam usaha untuk mendapatkan majoriti dua pertiga. Ini terbukti dari kata-kata Dr. Mahathir Mohammad sewaktu ditemuramah pada malam penentuan 21 Oktober lalu. Beliau hanya berani membuat ramalan bahawa pihak Barisan Nasional akan berhasil membentuk kembali kerajaan dan apabila ditanya tentang kemungkinan mempertahankan kelebihan suara 2/3 beliau ternyata tidak memperlihatkan keyakinannya secara spontan.<sup>3</sup>

Barisan Nasional hanya mampu mengekalikan 52% daripada keseluruhan undi dalam pilihanraya ini, manakala pihak pembangkang mendapat 48%. Dengan kemenangan tipis ini tentunya pihak kerajaan tidak akan "goyang kaki" dalam menghadapi pilihanraya-pili-

hanraya akan datang. Hampir keseluruhan kawasan pilihanraya negeri dan Parlimen kali ini ditandingi secara satu lawan satu antara calon Barisan Nasional dan calon parti-parti pembangkang.

Nyatakan bahawa Semangat 46 merupakan sumber 'ironi' yang terbesar dalam pilihanraya 1990. Parti ini memainkan peranan penting sebagai asas pemersatu kan tenaga-tenaga pembangkang dan sebagai harapan untuk menjelaskan kemantapan sokongan kepada Barisan Nasional. Dalam kerjasama pelbagai parti ini, Tengku Razaleigh, ketua Semangat 46, dilihat sebagai orang tengah yang sentiasa berusaha. Atau mungkin beliau akan tercatat sebagai tokoh yang memulangkan Kelantan kepada PAS, mengeluarkan PBS dari Barisan Nasional dan memusnahkan harapan DAP untuk menambah kerusi Parlimennya. Barangkali inilah kejayaan terbesar Tengku Razaleigh dalam pilihanraya 1990.

Kehadiran ramai muka-muka baru dari pihak pembangkang seperti Haji Abdul Hadi, Encik Ibrahim Ali dan ramai lagi tentunya akan menghangatkan lagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Bilangan kerusi pembangkang di Parlimen bertambah menjadi 53 kerusi iaitu 20 orang wakil PBS, 14 orang wakil DAP, 8 orang wakil Semangat 46, 7 orang wakil PAS dan 4 orang wakil Bebas dan lain-lain.<sup>4</sup>

**PERBANDINGAN KEPUTUSAN PILIHANRAYA UMUM  
KERUSI DEWAN RAKYAT KALI KE 7 DAN KE 8**

<b>PARTI</b>	<b>1986</b>	<b>1990</b>
BARISAN NASIONAL	127	127
DAP	20	24
PBS	14	10
PAS	7	1
Semangat 46	8	12
Bebas dan lain-lain	4	3
PRM	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>177</b>	<b>180</b>

Kehadiran muka-muka baru dari parti pembangkang akan menimbulkan satu kesan yang baik di mana pihak kerajaan akan terdesak untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Kenyataan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib bahawa setiap wakil rakyat akan diliiki latarbelakangnya sehingga 20 tahun yang lalu, jelas menunjukkan hanya mereka yang benar-benar layak dan diyakini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada parti dan rakyat sahaja yang akan dipilih.<sup>5</sup>

Jika dilihat dari manifesto Barisan Nasional iaitu

hanraya akan  
hanraya ne  
satu lal  
calop 890

**MAYA UMMUM**

*Barisan Pilihanraya Kali Ke-8  
Malaysia: Perubahan  
Dan Cabaran*

R', perikatan tersebut lebih adbiran pembangunan yang tuangkan sebarang visi tentang anakala manifesto. Gagasan itis seperti pemansuhan cukai tertentu. Begitu juga dengan dekat kepada rakyat dan menda ajaran Islam.

Fenomena ini tentunya akan mengingatkan parti pemerintah supaya lebih berhati-hati dalam setiap tindak tanduknya dan menghentikan projek-projek mewah yang tidak berfaedah dan membazir, sebaliknya lebih menumpukan perhatian kepada keperluan utama rakyat. Oleh itu, kerajaan mestilah bekerja keras bagi memastikan kejayaan mereka di dalam pilihanraya akan datang bagi mengelakkan penafian 2/3 jumlah kerusi dan berlakunya perpindahan tampuk pemerintahan kepada pihak pembangkang.

### **Kekalahan Di Kelantan**

Keputusan pilihanraya yang diumumkan pada malam 21 Oktober lalu benar-benar memerlukannya samada pihak kerajaan maupun pihak kerajaan APU sendiri. Kejayaan APU membolot kesemua kerusi Dewan Rakyat dan 39 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah satu kemenangan yang tidak diduga. Pada tahun 1986 Barisan Nasional menguasai pentadbiran negeri Kelantan dengan memenangi 12 dari 13 kerusi Dewan

Rakyat dan 29 kerusi Dewan Undangan Negeri.<sup>6</sup> Kekalahan ini amat memalukan Barisan Nasional kerana ia gagal menguasai walau satu kerusi sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.

Meskipun PAS tewas pada tahun 1986 tetapi ia masih berjaya mendapatkan 1 kerusi Dewan Rakyat dan 10 kerusi Dewan Undangan Negeri. Dengan kemenangan itu, Kelantan telah merombak kabinet dan melantik Ustaz Haji Nik Abdul Aziz sebagai Menteri Besar, manakala Haji Abdul Halim Abdul Rahman (PAS) dan Haji Rozali Isohak (Semangat 46) sebagai Timbalan-Timbalan Menteri Besar.<sup>7</sup>

Ada beberapa faktor yang menyebabkan kemenangan APU di Kelantan. Antaranya ialah perpaduan dan semangat kerjasama yang telah ditunjukkan oleh PAS dan Semangat 46. Imej kedua-dua tokoh utama kerajaan APU tidak kurang memainkan peranan untuk menarik minat penyokong-penyokong mereka. Nik Aziz dianggap sebagai tokoh politik dan seorang Tok Guru yang berjaya membawa perubahan rohaniah manakala Tengku Razaleigh dianggap sebagai tokoh politik yang berjaya membawa pembangunan material. Dalam pilihanraya kali ini jentera dan strategi kemenangan APU ternyata lebih kemas dan tersusun meskipun mereka mempunyai banyak kekurangan berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang dimiliki oleh UMNO.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tipu muslihat, manipulasi media-massa, politik wang, kehilangan nama-nama pengundi, ugut-mengugut, pengambilan pengundi-pengundi luar tetap berlaku dalam percatuan politik di Malaysia.<sup>8</sup> Persoalan moral, adab dan etika ditolak ke tepi kerana parti-parti politik lebih mementingkan kemenangan.

Ideologi manifesto APU juga turut membantu ke arah pembentukan kerajaan APU di Kelantan. Kemenangan itu sebenarnya lahir kerana adanya kesedaran untuk bernaung di bawah negara Islam. Kelantan merupakan tempat berkumpulnya ulama-ulama dan kelahiran institusi pondok serta pernah digelar sebagai 'Serambi Mekah' suatu ketika dahulu. Itulah realiti politik Kelantan. Sebab itulah meskipun UMNO mempunyai calon-calon yang berwibawa dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik seperti Annuar Musa dan Hashim Shafin, mereka tetap kalah. Itulah realiti politik Kelantan.

Menurut seorang pemerhati politik, ketewasan UMNO di Kelantan adalah kerana penglibatan 'orang pencen' seperti Tan Sri Mohammad Yaakob, Dato' Hussein Ahmad dan Haji Ahmad Shahibuddin. Keretakan hubungan di antara Tan Sri Mohammad dengan Sultan Kelantan mengeruhkan lagi suasana.

Kini kuasa pentadbiran negeri Kelantan berada di

tangan APU. Tentunya kerajaan APU tidak akan terlepas dari menerima tohmahan dan kritikan terutamanya dari Barisan Nasional. Contohnya komentar terhadap setiap kenyataan Menteri Besar seperti mengharamkan *qariah* (pembaca Al-Qur'an wanita) dalam penyertaan *musabiqah* membaca al Quran dan cadangan perlaksanaan hukuman *hudud*. "Biarlah polemik atau pro dan kontra ini terus berlaku, lambat laun ia akan memberi kesedaran dan membuka fikiran masyarakat tentang keadilan dan *kesyumulan Islam* itu sendiri", begitulah yang dijelaskan oleh ADUN kawasan Gaal, bekas mahasiswa Akademi Islam iaitu Encik Mohammad Hussin ketika memberi taklimat kepada ahli-ahli rombongan Persatuan Mahasiswa Akademi Islam di Kota Darul Naim pada 8 Januari lalu.

Penentangan terhadap saranan untuk merealisasikan Undang-undang Islam adalah berpunca dari kesinambungan sistem kolonial yang masih terus diamalkan di negara ini. Fikiran sebahagian rakyat Malaysia masih lagi terjajah meskipun negara kita seharusnya telah bebas dari belenggu penjajahan. Oleh itu adalah wajar bagi seluruh masyarakat sama ada secara berkumpulan atau perseorangan, dari Kelantan atau luar Kelantan turut sama, membantu memberi saham dalam usaha untuk melihat Undang-undang Islam menjadi undang-undang tertinggi dan mencakupi segenap bidang kehidupan masyarakat. Sepatutnya negeri-negeri lain menjadikan Kelantan sebagai model

ke arah mengislamisasikan pentadbiran kerajaan negeri. Kelantan berjaya membentuk sebuah kerajaan negeri kerana rakyatnya benar-benar inginkan pembaharuan. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah pengundi yang keluar mengundi iaitu 78.1%, diikuti oleh Pulau Pinang 76.5%, Johor 74.2% dan Pahang 73.8%.<sup>9</sup>

### **Penglibatan Mahasiswa**

Perubahan yang nyata dalam pilihanraya kali ini ialah wujudnya persatuan-persatuan mahasiswa yang secara terbuka menyokong parti-parti tertentu. Contohnya 40 buah persatuan mahasiswa dari universiti tempatan yang bergabung dan menamakan diri mereka Angkatan Mahasiswa Negara (AMAN) menyeru rakyat menolak pakatan pembangkang.<sup>10</sup> Kenyataan ini disambut baik oleh dan bernilai bagi Perdana Menteri. Sepuluh hari kemudian muncul sebuah lagi persatuan pelajar juga dari universiti tempatan iaitu Gagasan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS) yang diketuai oleh Saudara Yusuf Abdullah dari Universiti Malaya. Jika dilihat dari manifesto-nya ternyata GAMIS menyokong pihak pembangkang.

Tindakan GAMIS dan AMAN bertentangan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti, Seksyen 10 ceraian 3 dan 4 yang menyatakan "tidak dibenarkan pelajar universiti atau pertubuhan pelajar menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap

mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja..." dan sesiapa yang melanggarnya dan sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih dari \$1000 atau penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya.<sup>11</sup>

Nampaknya tindakan GAMIS dan AMAN ini tidak mendapat bantahan dari Kementerian Pendidikan. Peranan mahasiswa dalam politik amatlah diperlukan kerana mereka yang akan dibebankan dengan tugas-tugas pentadbiran negara di masa akan datang. Penyertaan mereka dalam pilihanraya secara lebih terbuka kali ini dapat menolak sesetengah pendapat yang menyatakan bahawa mahasiswa zaman ini berfikiran primitif, jumud dan hanya pandai membuat rujukan sahaja tanpa mengambil tahu isu-isu yang berlaku di luar kampus. Berdasarkan kepada peristiwa ini mungkinkah Akta Universiti yang dikatakan menyekat kebebasan mahasiswa bertindak akan dikaji semula atau dihapuskan?

### **Pemerhati Pilihanraya**

Pada tahun ini kerajaan telah menjemput Kumpulan Pemerhati Komanwel bagi membuat laporan sama ada pilihanraya umum kali ini benar-benar bebas, adil dan berteraskan demokrasi. Di antara anggota badan tersebut ialah Encik Eustace Seignonet, Encik Richard Nzerem dan Encik Neroni Slade. Rancangan ini tidak dipersetujui oleh beberapa pihak kerana negara kita sudah merdeka dan mengamalkan demokrasi, tetapi

kerajaan terpaksa menjemput pemerhati Komanwel atas desakan dari pihak pembangkang dan sekaligus untuk membuktikan kerajaan masih mengamalkan demokrasi. Inilah kali pertama laporan resmi perjalanan pilihanraya kita disediakan oleh sebuah kumpulan luar yang bebas dan berwibawa.

Laporan pemerhati Komanwel setebal 27 muka seperti yang disiarkan oleh akhbar-akhbar menyatakan bahawa pilihanraya dijalankan dengan adil tetapi tidak bersih. Apa yang dimaksudkan dengan tidak bersih di sini di antaranya ialah jangka masa berkempen yang pendek, akhbar utama tidak memberi tempat kepada parti lawan, dan kehilangan nama pemilih dari senarai. Perdana Menteri menyangkal tuduhan itu dan berpendapat kumpulan tersebut tidak membuat ulasan yang tepat dalam beberapa hal. Laporan ini juga kurang disenangi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Syed Hamid Albar, yang berkata mungkin badan pemerhati tidak dapat memberikan laporan yang sebenarnya kerana ia berada di negara ini dalam masa yang terlalu singkat.<sup>12</sup>

Sebagai rakyat di dalam sebuah negara demokrasi tentunya kita ingin mengetahui laporan tersebut dan Parlimen adalah medan yang paling sesuai untuk membincangkan laporan ini. Tetapi kenyataan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bahawa Parlimen tidak akan membahaskan laporan 'Kumpulan Pemerhati

Komanwel' mengenai pilihanraya umum lalu amat mengecewakan. Tentunya rakyat akan terfikir apakah yang cuba disembunyikan oleh pihak kerajaan.

### **Penarikan PBS dari BN**

Tajuk-tajuk akhbar pada 19 Oktober 1990 menjadikan keadaan bertambah gamat dan mendebarkan apabila rakan Barisan Nasional dari Sabah iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) telah membuat keputusan keluar dari Barisan Nasional dan secara automatik menjadi parti pembangkang. Tindakan PBS ini dianggap sebagai petualang yang menikam Barisan Nasional dari belakang, tidak kurang juga yang menyatakan perbuatan PBS itu melambangkan keangkuhan dan tidak bermaruah. Presiden USNO Tun Datu Mustapha Datu Harun berkata tindakan PBS itu adalah satu penipuan cara halus dari segi pembahagian kerusi kerana keputusan itu dibuat selepas penamaan calon di mana USNO telah bersedia mengurangkan 10 kerusi yang sepatutnya dimiliki menjadi 6 kerusi sahaja.

PBS mendakwa tindakannya keluar dari Barisan Nasional kerana keengganannya Perdana Menteri atau Kerajaan Persekutuan untuk meluluskan tiga permohonan mereka iaitu pertama, penubuhan sebuah stesyen TV khas; kedua, penubuhan sebuah universiti Sabah; dan ketiga, kenaikan royalti minyak dari 5% kepada 20%. Hubungan di antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan menjadi semakin tegang. Sabah dikatakan

anti kerajaan Persekutuan dan cuba menyebarkan ajaran Kristian. Berdasarkan perkembangan Sabah akhir-akhir ini tidak mustahil sejarah lama akan berulang lagi, kita tidak mahu pisang berbuah dua kali di mana Sabah akan menurut jejak langkah Singapura mengucapkan selamat tinggal kepada Malaysia.

### **Kemenangan DAP di Pulau Pinang**

Pilihanraya kali ini menyaksikan kekalahan dua orang menteri iaitu Tengku Ahmad Rithauuedeen dan Dato' Amar Stephen Yong, seorang Menteri Besar iaitu Tan Sri Mohammad Yaakob, dan Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu Dr. Lim Chong Eu di tangan Encik Lim Kit Siang yang bertanding bagi Dewan Undangan Negeri Padang Kota.

Idaman DAP untuk mendapatkan Pulau Pinang telah tercapai. Melalui manifestonya "CHANGE" (perubahan) dan berpuluhan ribu poster DAP yang bergantungan di kawasan-kawasan pertarungan antara kedua-dua tokoh ini (Dr. Lim - Gerakan dan En. Lim - DAP) seperti "CHANGE-FOR THE FIRST TIME AND THE LAST", "CHANGE-12%, NO 2/3, 20% NEW PM" membayangkan keyakinan dan harapan yang tinggi untuk menguasai Pulau Pinang. Meskipun Projek Tanjung Duanya gagal tetapi Encik Lim Kit Siang telah pun mengisyiharkan Projek Tanjung Tiganya. Ini menunjukkan usahanya tidak pernah putus untuk mencapai cita-citanya. Mungkin kerana terlalu mementingkan

Projek Tanjung Duanya sehingga ia melupakan kawasan-kawasan lain dan akhirnya mengurangkan jumlah kerusi Parlimen DAP dari 24 kerusi pada tahun 1986 menjadi 20 kerusi pada tahun ini (1990), dan mengorbankan dua tokoh utamanya iaitu Chen Man Hen dan Hu Sepang. Secara keseluruhannya DAP mendapat sokongan padu dari masyarakat Cina. Malah DAP telah dapat mempertahankan semua 15 kawasan Parlimen dengan peratusan pengundi Cinanya melebihi 60% yang dikuasainya selama ini, terutamanya di kawasan-kawasan bandar.<sup>14</sup>

### **Pulau Pinang Diperintah Oleh Gerakan - UMNO**

Di Pulau Pinang, UMNO yang memperolehi 12 kerusi bersama-sama parti Gerakan yang memperolehi 6 kerusi telah membentuk kerajaan negeri. Meskipun UMNO mendapat kerusi lebih berbanding dengan parti Gerakan, tetapi Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad telah mengumumkan ADUN Tanjung Bungah Dr. Koh Tsu Koon sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang. Setelah 16 tahun, jawatan Timbalan Ketua Menteri telah diwujudkan semula, dan diberikan kepada kepada ADUN Seberang Jaya iaitu Dr. Ibrahim Saad. Tindakan mewujudkan semula jawatan Timbalan Ketua Menteri dan perlantikan Dr. Koh tentunya ada muslihat tertentu untuk kepentingan jangka panjang politik Barisan Nasional dan kedudukan orang-orang Melayu Pulau Pinang supaya tidak menerima nasib yang sama dengan kaum Melayu Singapura. Perlantikan Timbalan

Ketua Menteri dari UMNO ini memang menggembirakan orang-orang Melayu dan harapan mereka agar pengorbanan dan tolak ansur politik ini benar-benar akan membawa sinar bahagia.

### **Perlantikan Calun Tewas Dan Campur Tangan Istana**

Berikutnya dengan kekalahan Barisan Nasional di Kelantan maka tiadalah wakil perikatan itu di Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri. Setelah Perdana Menteri mengisyiharkan ahli-ahli kabinetnya, ahli Parlimen kawasan Nilam Puri Hj. Annuar Musa telah dilantik sebagai Senator dan Menteri Belia dan Sukan juga sebagai pengantara atau wakil kerajaan pusat di negeri Kelantan. Perlantikan ini dianggap pelik kerana orang yang telah tewas dilantik menjadi menteri penuh, sewajarnyalah timbalan menteri yang sedia ada seperti Datuk Daud Taha dilantik menjadi menteri. Perlantikan Hj. Annuar Musa dan Syed Hamid Albar yang menjadi Menteri Kehakiman dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai menteri penuh dipertikaikan dan menimbulkan tandatanya.<sup>15</sup>

Peribahasa "rumah siap pahat berbunyi" mungkin tepat sebaik sahaja Perdana Menteri mengumumkan barisan kabinetnya. Ada yang beranggapan bahawa Perdana Menteri bertindak sesuka hati dan tindakannya dianggap sebagai diktator dalam undang-undang. Dari satu sudut, perlantikan para jemaah Menteri dan Timbalan Menteri yang baru mencerminkan kehendak

orang-orang yang rapat dengan Perdana Menteri. Menurut Pengurus Semangat 46 Kelantan, Hj. Rozali Isohak, pemilihan Hj. Annuar Musa di atas dasar beliau mempunyai rekod derhaka kepada istana dan perlantikannya itu hanyalah sebagai langkah memperli pihak istana dan rakyat Kelantan.

### **KESIMPULAN**

Fenomena baru yang berlaku dalam kancang pilihanraya kali ini benar-benar memberi seribu satu cabaran terhadap pentadbiran kerajaan Barisan Nasional, dan cabaran itu lebih diasaskan kepada ketokohan dan peribadi pemimpin-pemimpin tertentu. Jadi, tidaklah menghairankan jika kempen kali ini agak luar biasa, keras dan pedas. Timbul persoalan: adakah pengalaman pilihanraya lalu telah membawa kita ke tahap kematan-gan dalam berpolitik? Dan apakah perikatan-perikatan yang terbentuk akan terus berkembang untuk men-gasaskan sistem dua parti di negara ini? Apakah masih terdapat titik pertemuan di kalangan parti pem-bangkang dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pihak kerajaan juga harus belajar bagaimana cara untuk menangani masalah dua kerajaan negeri yang dari segi politik tidak sebulu dengan kerajaan pusat. Kerajaan mesti terus mengutamakan pembangunan dan kebijakan semua golongan rakyat. Bagi negara demo-krasi persekutuan yang telah maju seperti Amerika Syarikat, percanggahan pentadbiran antara kerajaan

negeri dan kerajaan pusat adalah perkara biasa. Apa yang penting sekarang setiap pihak mestilah melupakan segala kepahitan yang dialami dan mula menjalankan tanggungjawab masing-masing. Diharapkan dengan munculnya satu pembaharuan dalam pilihanraya di negara kita akan melahirkan satu sistem pentadbiran yang lebih mengutamakan nilai-nilai kemanusiaan dan moral berpandukan kepada undang-undang tertinggi yang telah ditetapkan oleh Allah. Dengan ini manusia akan dapat hidup dalam satu suasana yang aman dan penuh dengan keadilan dengan mengamalkan segala tuntutan Syariat Islam tanpa mengira rupa, bangsa, dan agama.

## **NOTA AKHIR**

- <sup>1</sup> Utusan Malaysia, 6hb. Oktober, 1990, hal. 1
- <sup>2</sup> Dewan Masyarakat November, 1990, hal. 26.
- <sup>3</sup> Ibid. Hal. 24
- <sup>4</sup> Utusan Malaysia, 22hb. Oktober, 1990, hal. 1
- <sup>5</sup> Berita Harian, 25hb. November, 1990, hal. 2
- <sup>6</sup> Dunia Islam, Nov - Dis 1990, hal. 22
- <sup>7</sup> Harakah, 19 November, 1990, hal. 21
- <sup>8</sup> Harakah, 19 November, 1990, hal. 21
- <sup>9</sup> Dunia Islam, Nov - Dis 1990, hal. 22
- <sup>10</sup> Utusan Malaysia, 9hb. Oktober, 1990, hal. 2
- <sup>11</sup> Harakah, 19hb. Oktober, 1990, hal. 12.
- <sup>12</sup> Watan, 13 Disember 1990, hal. 1
- <sup>13</sup> Berita Harian, 19hb. Oktober, 1990, hal. 2
- <sup>14</sup> Dewan Masyarakat, November, 1990, hal. 33.
- <sup>15</sup> Mingguan Kota, 11 November 1990, hal. 1.

## **SEJAUH MANAKAH GABUNGAN PARTI PEMBANGKANG TELAH MENGGUGAT KEDUDUKAN PARTI KERAJAAN DALAM PILIHANRAYA UMUM KELAPAN: SATU TINJAUAN**

### **PENDAHULUAN**

*G*esungguhnya pilihanraya umum kelapan dalam sejarah negara ini merupakan suatu ujian sejarah yang menarik. Pembentukan dua "perikatan politik" yang di-terajui oleh Semangat 46-Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat, serta penarikan diri Parti Bersatu Sabah (PBS) daripada Barisan Nasional (BN) menjadikan Pilihanraya Umum ini pilihanraya yang paling menarik, paling ghairah diperkatakan dan paling sukar diramalkan.

Ciri yang paling menarik dalam pilihanraya umum ini ialah batas pemisahan politik yang jelas terbentang antara BN di satu pihak dan pembangkang di pihak lain. Pada tahap amalinya, garis pemisahan itu terjelma

pada pertandingan satu lawan satu dalam kebanyakan kawasan.

Pihak pembangkang memasuki gelanggang pilihanraya kali ini dengan keyakinan bahawa persefahaman yang tercapai di kalangan parti yang diwakilinya akan berkemampuan memperolehi undi yang melebihi undi yang dapat diperolehi BN.

### **BARISAN PARTI PEMBANGKANG**

Inilah pilihanraya umum yang pertama sejak terjadinya perpecahan dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang telah menghasilkan keretakan pimpinan yang begitu parah sehingga mencetuskan pembentukan sebuah parti baru: Semangat 46. Pimpinan Semangat 46 (S46) – Tengku Razaleigh Hamzah menggembeleng tenaga-tentara politik pembangkang yang belum pernah bersatu tetapi saling berhubungan untuk menghadapi pilihanraya ini.

Parti-parti yang berasaskan sokongan orang Melayu di pantai timur dan utara Semenanjung membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Parti-parti pembangkang lain di Semenanjung membentuk Gagasan Rakyat.

Pada peringkat permulaan barisan pembangkang tersebut berada di bawah satu pakatan sahaja iaitu APU. Tetapi sehari sebelum penamaan calon, sebaha-

gian dari ahli pakatan tersebut berpecah membentuk satu lagi pakatan yang dinamakan Gagasan Rakyat, disertai oleh lima parti pembangkang. Parti-parti tersebut ialah Parti Rakyat Malaysia (PRM), Barisan Progresif India (IPF), Parti Solidariti Malaysia (MSP), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Semangat 46. Barisan parti tersebut menggunakan manifesto masing-masing.

Bagaimanapun Presiden Semangat 46, Tengku Ralazeigh Hamzah berkata partinya masih belum lagi menyertai Parti Islam SeMalaysia (PAS), Parti Hizbul Muslimin (HAMIM), dan Barisan Jemaah Islamiah (Berjasa) dalam APU. PAS pada kali ini menggunakan manifestonya sendiri yang bertemakan "Membangun Bersama Islam".

Sementara itu beberapa hari sebelum pilihanraya umum 1990 berlangsung Parti Bersatu Sabah (PBS) telah mengumumkan penarikkan diri daripada BN dan menganggotai Gagasan Rakyat.

### **PARTI KERAJAAN YANG MENERAJUI NEGARA**

Parti kerajaan yang menerajui sekarang ialah Barisan Nasional. Ia ditubuhkan pada tahun 1974 dan diasaskan menurut formula Perikatan yang diperkenalkan pada tahun 1955. Barisan Nasional (BN) dianggotai oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang diasaskan pada 1946 oleh Dato' Onn Jaafar sehinggalah pada 1988 dimana UMNO telah didaftarkan semula

setelah ianya diputuskan tidak sah oleh mahkamah berikutan permohonan sekumpulan ahli yang tidak puas hati dengan keputusan pemilihan parti. BN juga dianggotai oleh Pertubuhan Cina SeMalaysia (MCA), Kongres India SeMalaysia (MIC), Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Progresif Rakyat (PPP), Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (USNO), Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS). Parti Bersatu Sabah (PBS) telah mengumumkan penarikan diri dari BN.

## **KEMPEN**

Apabila perkiraan terakhir undi pilihanraya umum kelapan telah diterima pada kira-kira jam 2:30 pagi 22 Oktober 1990, kerajaan Barisan Nasional telah kembali berkuasa dengan kedudukan perwakilannya di Parlimen melebihi bilangan dua pertiga. Keputusan ini memerlukan penganalisa politik kerana tidak ramai yang yakin bahawa kerajaan BN akan memenangi pilihanraya umum kali ini sedemikian gemilang.

Pilihanraya umum pada 20 dan 21 Oktober 1990 yang lalu lebih merupakan pertarungan sengit satu lawan satu, antara Gagasan Rakyat/Angkatan Perpaduan Ummah dengan Barisan Nasional bagi 138 kerusi Dewan Rakyat dan 298 kerusi Dewan Undangan Negeri; berakhir dengan pengekalan majoriti dua pertiga BN

dan meninggalkan kenangan manis kepada semua parti-parti politik yang bertanding.

Seramai 1,168 calon bertanding; 412 calon merebut 180 kerusi parlimen, hanya dua calon - Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan di Keningau dan Jawah Gerang di Lubuk Antu menang tanpa bertanding. Di peringkat negeri 756 calon bertanding merebut 351 kerusi.

Buat pertama kalinya terbentuk satu garisan pemisah yang jelas antara Barisan Nasional dan Gabungan Pembangkang. Walaupun Barisan Pembangkang dianggap parti "caca-marba" oleh Pengurus BN kerana "sanggup menukar parti dan simbol sesama mereka", tetapi pemerhati politik menyifatkan ini sebagai suatu perkembangan yang amat positif kepada proses demokrasi untuk tahun-tahun 90an.

Kempen pilihanraya umum ini diberi masa yang paling singkat atau terpendek dalam sejarah negara menyaksikan pertarungan penuh debaran menjelang hari mengundi walaupun semasa hari penamaan calon dan beberapa hari selepas itu, keadaan begitu dingin sekali. Bagaimanapun, parti kerajaan dan pembangkang berkempen lama sebelum ini, BN berkempen berdasarkan manifestonya yang menekankan keamanan, kestabilan dan kemakmuran, sedang barisan pembangkang menarik perhatian pemilih kepada perubahan.

Semasa kempen, media massa terutamanya televisyen dan akhbar harian berbahasa Malaysia dan Inggeris (yang sememangnya dikuasai oleh parti pemerintah) hanya memberikan ruang yang cukup selesa malah berlebihan kepada Barisan Nasional. Parti pembangkang, sama ada tidak langsung mendapat tempat ataupun hanya disorot secara negatif oleh media massa tersebut.

Sebelum itu, PAS telah melancarkan protes terbuka dengan memulakan akhbar-akhbar kumpulan Utusan Melayu dan New Straits Times. Semangat 46 pula tidak membenarkan TV3 membuat liputan sepanjang kempen kerana berita-berita mengenainya disunting sebegitu rupa semata-mata untuk membenarkan gambaran buruk parti tersebut kepada rakyat. Lebih kurang 200 pemuda PAS telah mengadakan demonstrasi secara aman di hadapan Kementerian Penerangan, membantah penyalahgunaan BN menguasai sepenuhnya Radio dan Televisyen Malaysia untuk kempen pilihanraya.

Difahamkan, akhbar-akhbar harian termasuk yang berbahasa Cina dan India tidak berani untuk menyiarkan iklan manifesto Gagasan Rakyat kerana "sebab-sebab tertentu". Seorang pemimpin Semangat 46 mendakwa BN takut rakyat akan terpengaruh dengan manifesto "Selamatkanlah Malaysia" kerana ianya adalah yang terbaik pernah dikeluarkan oleh parti-parti pembangkang.

Kempen pilihanraya bertukar menjadi lebih agresif dan membimbangkan terutamanya bagi pihak BN, apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) mengumumkan keluar dari BN pada 15 Oktober, dan menyokong Gagasan Rakyat pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah, beberapa hari sebelum menjelang pembuangan undi. Pada malam 16 Oktober, Majlis Tertinggi UMNO memutuskan untuk bertapak di Sabah. (PBS diperuntukkan sejumlah 14 kerusi parlimen di Sabah oleh BN atas lambangnya sendiri, bukan lambang dacing (BN); ia menaja enam calon bebas menentang USNO dan satu menentang UMNO di Labuan).

Dari satu segi, mungkin momentum politik yang menyokong pembangkang akan menular ke Semenanjung, tetapi menurut Dr. Mahathir, "Joseph Pairin Kitingan tidak mempunyai gaya politik di semenanjung". Benar, penarikan diri PBS dari BN telah menjadi "rahmat" kepada BN.

Secara tiba-tiba BN menjadi gabungan parti yang prihatin dengan Islam dengan menjalankan kemenangan mengecam PBS, yang disifatkannya sebagai parti Kristian. Pengundi-pengundi yang beragama Islam menjadi bimbang dan ragu-ragu untuk meyokong Gagasan Rakyat dan juga PAS. Di beberapa kawasan di Kedah, juru kemenangan BN mendakyahkan, "Sokong PAS, Sokong Kristian". Ramai tokoh-tokoh lama UMNO yang sudah tidak berminat dengan politik kembali aktif

menyokong BN.

"Belum pun menang, Tengku Razaleigh sudah sanggup 'jual agama'. Tak tahu lah apa akan jadi kalau Semangat 46 bersama PAS, DAP dan PBS memerintah negara ini", rungut seorang pegawai tinggi kerajaan.

Gambar Tengku Razaleigh memakai sigah (tengkolok orang Kadazan) yang dikatakan mempunyai lambang salib mendapat tempat di muka pertama akhbar-akhbar harian berbahasa Malaysia, dan disebarluaskan secara percuma dan meluas di kawasan majoriti orang Melayu. Di hadapan sebuah masjid di Kuala Lumpur, lakaran wajah Tengku Razaleigh yang memakai lambang di kepalanya telah dibakar oleh penyokong-penyokong UMNO Titiwangsa.

Peribadi Dr. Mahathir sendiri ternyata menjadi isu utama dalam pilihanraya umum kali ini. Segala kelemahan dasar dan penyelewangan yang didakwa oleh pihak pembangkang nampaknya menjawab tema tersebut, malah dengan lebih menekankan lagi ketokohan PM itu. Ketokohan beliau sebagai pentadbir, sebagai pemimpin dunia, dan visinya tentang masa depan negara ini dijadikan tema utama kempen kerajaan BN. Ini disiarkan dalam media massa dalam bentuk "thriller" TV lama sebelum waktu pilihanraya, bahan-bahan dakyah pilihanraya; malah dalam poster pilihanraya yang digunakan di seluruh negara.

Parti-parti pembangkang sempat juga menyebarluaskan gambar Dr. Mahathir memakai sigah yang sama, sedang menari dengan seorang perempuan, bersama-sama dengan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Haris Salleh, pada tahun 1980; ia dipetik dari gambar akhbar yang edarannya tidak sampai ke Semenanjung.

Siaran gambar tersebut tidak begitu meluas, akhbar-akhbar harian pula menyifatkan gambar itu palsu. Untuk meyakinkan masyarakat bahawa banyak lagi gambar-gambar Dr. Mahathir dipalsukan, orang-orang UMNO menunjukkan gambar palsu Dr. Mahathir mencium wanita Russia.

Menjelang pilihanraya, Dr. Mahathir dilihat seperti cuba memperbaiki imej buruknya dahulu. Media massa sering menyiarkan gambarnya bersalaman dengan kanak-kanak dan wanita, dengan wajah tersenyum manis! Kalau dalam pilihanraya kecil antara tahun 1988 hingga 1990 selepas kekalahan BN di Johor Bahru, Dr. Mahathir boleh dikatakan tidak terlibat langsung semasa kempen tetapi dalam pilihanraya ini penglibatan Dr. Mahathir amat menonjol sekali.

Di pihak pembangkang pula Dr. Mahathir merupakan objek serangan utama, terutamanya di kalangan penyokong Semangat 46. Oleh kerana terdapat usaha mengetengahkan ketokohan Tengku Razaleigh di kalangan pembangkang, maka pilihanraya kali ini kelihatan

***Sejauh Manakah Gabungan Parti Pembangkang Telah  
Menggugat Kedudukan Parti Kerajaan Dalam Pilihanraya  
Umum Kelapan: Satu Tinjauan***

seperti pertandingan antara dua tokoh utama itu.

Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa persoalan utama dalam pilihanraya kali ini ialah persoalan pentadbiran pembangunan, dengan pihak kerajaan menekankan kejayaan yang telah tercapai dan meminta mandat seterusnya untuk meneruskan pencapaian itu ke tingkat yang lebih gemilang. Di pihak yang lain pula, pihak pembangkang menekankan unsur-unsur penyelewengan dan keburukan pada pentadbiran, dan ia boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat sebagai pengantikan kerajaan BN.

Kedua-dua hujungan ini telah dikaitkan dengan ketokohan dua pemimpin daripada kedua-dua pihak tersebut. Memang di kawasan-kawasan tertentu terdapat isu-isu tempatan yang hangat diperkatakan, namun isu tempatan itu juga tidaklah sama sekali terasing daripada pertimbangan tentang ketokohan dua pemimpin tersebut.

### **KEPUTUSAN PILIHANRAYA**

Memandangkan kepada kesulitan yang dihadapi oleh pihak pembangkang, maka jumlah undi yang mereka perolehi 2.4 juta atau 42 peratus dibandingkan dengan jumlah undi BN, 2.98 juta atau 53.4 peratus itu adalah besar. Jumlah ini naik 2.46 peratus daripada keputusan pilihanraya umum 1986, manakala undi BN turun 3.9 peratus. Di samping itu, pembangkang meragut Sabah

dan Kelantan dari tangan BN serta menghilangkan majoriti BN dua pertiga di Pulau Pinang yang melihat pengaruh MCA terhapus sama sekali.

Oleh yang demikian, walaupun BN berjaya memenangi majoriti dua pertiga di Parlimen, ia tidak harus terlalu gembira dengan keputusan pilihanraya ini. Sebaliknya ia patut mengkaji sebab kemerosotan undinya, kehilangan Sabah dan Kelantan dan kehilangan majoriti dua pertiga di Pulau Pinang.

Satu sebab utama, dan tidak dapat dinafikan ialah, perpecahan dan berpuak-puak dalam UMNO. Perpecahan ini menyebabkan tertubuhnya Semangat 46 dan kelemahan dalam organisasi UMNO sendiri, khasnya di Kelantan. Selain itu kita simpulkan bahawa ramai pengundi mahukan perubahan. Di kalangan golongan menengah isu rasuah dan jenayah kolar putih, kebebasan kehakiman, kebebasan akhbar dan hak asasi menjadi halangan untuk mereka memberi sokongan kepada BN. Bagi kelas bawahan isu pekerjaan, kemiskinan dan kenaikan harga barang keperluan dan kenaikan gaji menjadi punca protes terhadap kerajaan.

Oleh sebab-sebab di atas, maka manifesto Gagasan Rakyat yang pada teorinya memang bagus, menarik minat pengundi dan merangsangkan slogan perubahan yang dibawa oleh Barisan Pembangkang. Namun demikian, mereka kalah di peringkat

## **Sejauh Manakah Gabungan Parti Pembangkang Telah Menggugat Kedudukan Parti Kerajaan Dalam Pilihanraya Umum Kelapan: Satu Tinjauan**

Persekutuan dan negeri, kecuali dua negeri. Sebab yang utama mungkin ramai pengundi tidak begitu yakin bahawa Barisan Pembangkang boleh menjadi kerajaan alternatif dan lebih-lebih lagi boleh melaksanakan manifesto mereka. Kempen menggunakan sentimen perkauman dan sentimen agama mungkin juga merupakan faktor yang membantu BN mengalahkan Barisan Pembangkang.

### **KOMEN**

Berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pembangkang untuk mencapai cita-cita mereka memerintah negara ini dalam pilihanraya umum kali ini. Namun keadaan telah mengatasi semuanya. Barisan Pembangkang telah gagal menawan kerajaan secara keseluruhannya kecuali Kelantan dan Sabah. Kegagalan tersebut mungkin berpunca daripada beberapa faktor tersendiri, unik dalam konteks Malaysia yang berlatar-belakangkan penduduk berbilang kaum dan agama.

Untuk membentuk sebuah pakatan yang mantap, maka perpaduan yang kukuh dan persefahaman diantara satu sama lain perlu wujud. Nampaknya, persoalan ideologi dan dasar parti adalah di antara beberapa faktor yang menjadi halangan besar ke arah satu pakatan yang mantap. Isu bahasa dan agama, misalnya, sudah cukup untuk menggagalkan sesuatu perundingan di antara parti yang minoritinya bukan Melayu dengan parti majoriti Melayu.

Keadaan yang sedemikian amat ketara bila melihatkan masalah yang dihadapi oleh pemimpin Semangat 46 dalam usahanya membentuk pakatan pembangkang yang terdiri dari DAP, PAS, HAMIM, dan lain-lain. Pemimpin Semangat 46 terpaksa melalui jalan dan liku yang amat sukar untuk "mendamaikan" PAS dan DAP kerana dua parti ini menjurus ke arah yang amat berbeza. PAS bergerak kearah pembentukan sebuah negara Islam sedangkan DAP tidak langsung mempunyai wawasan sedemikian.

Kejayaan di pihak Barisan Nasional mungkin kerana keakraban hubungan di antara parti komponen. Aliran ini wujud sejak gabungan itu dalam Perikatan lagi; satu rekod cemerlang. Barisan Nasional dan Perikatan tidak pernah tewas dalam sebarang pilihanraya umum.

Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat perjuangan mereka, Barisan Pembangkang perlu bersatu untuk menumbangkan ataupun sekurang-kurangnya menggugat pencapaian majoriti 2/3 oleh Barisan Nasional. Sebab itulah pelbagai formula diketengahkan untuk melahirkan pembangkang yang benar-benar teguh.

Penentangan terhadap Barisan Nasional adalah faktor mutlak yang dapat menyatukan parti-parti pembangkang dalam satu-satu gagasan. Bagaimanapun per-

**Sejauh Manakah Gabungan Parti Pembangkang Telah  
Menggugat Kedudukan Parti Kerajaan Dalam Pilihanraya  
Umum Kelapan: Satu Tinjauan**

soalan perbezaan kaum nampaknya masih merupakan satu faktor yang membuat pakatan itu berada di dalam keadaan yang meragukan. Mungkin perasaan perkauman ini tidak begitu menebal di kalangan pemimpin atasan, namun begitu jika ditinjau di peringkat bawahan, keadaan yang sedemikian tidak dapat disembunyikan.

Suatu pengajaran yang paling penting dalam pilihanraya kali ini ialah bahawa perkauman dan kepentingan kaum tidak semestinya merupakan persoalan utama dalam politik negara ini. Jika perebutan kuasa di kalangan ahli politik kita dapat diartikulasikan dalam bidang yang lain daripada bidang perkauman, maka isu perkauman itu mampu untuk berundur ke belakang. Namun terdapat juga kemungkinan bahawa isu-isu yang lain yang lebih merbahaya diketengahkan dalam suasana panas kempen pilihanraya itu, seperti isu pertentangan Islam-Kristian yang ditimbulkan berikutan dengan penarikan diri PBS daripada BN. Untuk memastikan barisan pembangkang terus hidup, semestinya wujud satu persefahaman di antara mereka dan elakkan dari membangkitkan isu-isu perkauman.

Untuk merintis jalan ke arah perpaduan bangsa dan rakyat, satu pendekatan baru adalah diperlukan: pendekatan persahabatan, bukan permusuhan antara parti politik. Walaupun di negara ini ada parti pemerintah dan parti pembangkang, tidak semestinya kita meniru politik Barat yang menganjurkan perseteruan antara keduanya.

Kita boleh mengambil pendekatan merapatkan jurang, memperkecilkan kawasan sengketa dan memperkuatkan muafakat di antara kita. Ini adalah kerana kita semua bangsa Malaysia dengan satu cita-cita untuk membangunkan bangsa kita di semua segi – ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan moral.

Oleh yang demikian, kita harap hubungan dan kerjasama antara kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, termasuk yang ditadbirkan oleh PBS dan PAS, akan dipupuk dan dibaiki demi kebaikan semua rakyat. Dengan cara ini kita bukan sahaja akan dapat mengurangkan konflik perkauman dan agama yang amat membahaya, tetapi juga akan menghapuskan "politiking" dan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja positif yang begitu banyak.

## **PENUTUP**

Kesimpulanya ialah dalam masa tiga puluh tiga tahun selepas negara mencapai kemerdekaan, parti-parti pembangkang di negara ini gagal menghancurkan Perikatan dan kemudian Barisan Nasional. Keadaan sedemikian menampakkan kesuburan perjalanan demokrasi di negara ini. Setiap parti pembangkang dibenarkan wujud dan pendaftarannya diluluskan tanpa banyak bicara.

Persoalannya sekarang ialah, apakah punca yang menyebabkan pakatan yang diadakan itu sentiasa saha-

***Sejauh Manakah Gabungan Parti Pembangkang Telah  
Menggugat Kedudukan Parti Kerajaan Dalam Pilihanraya  
Umum Kelapan: Satu Tinjauan***

ja menemui kegagalan? Ini adalah berkemungkinan kewujudan pakatan pembangkang menjelang pilihanraya kali ini tidak dirancangkan dengan betul kerana masih ternampak kecaburan tentang arus perjuangan yang hendak dituju. Ia lebih merupakan satu pakatan mengkritik kerajaan tanpa mengetengahkan satu wawasan perjuangan yang menyakinkan. Ia seolah-olah gagal memberikan satu keyakinan kepada rakyat tentang konsep dua parti yang ingin diperkenalkannya di Malaysia. Sebagai satu pakatan pembangkang yang berwibawa ia seharusnya berani mengemukakan satu ideologi dan konsep perjuangan yang jitu, sesuai untuk diterima oleh masyarakat Malaysia yang berbilang kaum itu.

## **RUJUKAN**

Berita Harian, 10 Okt. 1990.

Berita Harian, 11 Okt. 1990.

Berita Harian, 16 Okt. 1990.

Berita Harian, 18 Okt. 1990.

Berita Harian, 13 Okt. 1990.

Berita Harian, 20 Okt. 1990.

Othman Muda; *Duria Islam*, November-Disember 1990.

Rustam Abd. Sani dan Mustafa Mohamad Najimuddin *Dewan Masyarakat*, November 1990.

**SPR dan**  
**Pemerhati**  
**Pilihanraya**



## **ADAKAH SURUHANJAYA PILIHANRAYA MALAYSIA SEBUAH BADAN BEBAS?**

### **PENDAHULUAN**

*P*ilihanraya adalah pengundian bagi orang-orang yang layak untuk memilih seseorang bagi mengisi sesuatu jawatan dalam sebuah sistem politik.

### **FUNGSI-FUNGSI PILIHANRAYA**

Secara ringkas proses pilihanraya itu dapat dibahagikan kepada empat kumpulan utama iaitu:-

- i. Politik dan pengaruh ke atas pembentukan polisi;<sup>1</sup>
- ii. Penyertaan dalam politik;<sup>2</sup>
- iii. Pembinaan sokongan dan penyelenggaraan

sistem;<sup>3</sup> dan

iv. Fungsi-fungsi dan pola penyambung.<sup>4</sup>

Pemilihan merupakan fungsi yang paling utama bagi sesuatu pilihanraya itu. Pilihanraya memberikan mandat kepada rakyat untuk menentukan pemimpin-pemimpin yang akan membentuk polisi kerajaan. Pilihanraya juga mengingatkan seseorang pemimpin supaya benar-benar bertanggungjawab kepada rakyat seluruhnya.

### **SURUHANJAYA PILIHANRAYA**

Urusan memastikan kelincinan perjalanan pilihanraya diserahkan kepada sebuah badan yang cekap.

Badan ini pula mestilah bebas daripada campurtangan kerajaan yang memerintah kerana terdapat kecenderungan yang menunjukkan bahawa kerajaan akan mengambil kesempatan menggunakan badan tersebut untuk kepentingan politiknya sendiri. Bila ini berlaku badan tersebut tidak lagi mendapat kepercayaan rakyat, dan rosaklah sistem amalan demokrasi.

Urusan pilihanraya di Malaysia dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Badan ini ditubuhkan menuikut Perlembagaan. Suruhanjaya Reid telah menegaskan badan ini hendaklah benar-benar bebas dan tidak

berbelah bagi.<sup>5</sup>

Untuk membolehkan suruhanjaya pilihanraya menjalankan tugasnya tanpa takut dan pilih kasih, maka saraan mereka diambil daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan tempoh perkhidmatan mereka tidak dipinda untuk tujuan yang kurang baik apabila mereka telah dilantik.

Yang lebih penting, ahli suruhanjaya pilihanraya memegang jawatannya sehingga berumur 65 tahun dan tidak boleh diberhentikan daripada jawatannya sebelum tamat tempoh tersebut kecuali jika hilang kelayakan, seperti halnya dengan hakim-hakim Mahkamah Agong. Yang di-Pertuan Agong boleh melucutkan jawatan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya itu apabila disabitkan bankrap, bertugas dalam sebarang jawatan bergaji atau bekerja di luar tugas rasmi-nya.<sup>6</sup>

## **TUGAS-TUGAS SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR)**

Tugas-Tugas SPR adalah seperti berikut:-

- i. Mengawal dan menyelia perjalanan pentadbiran pilihanraya dan pendaftaran pemilih-pemilih dalam daftar pemilih.
- ii. Menentukan supaya semua pegawai-pegawai pilihanraya menjalankan tugas dengan adil.

tidak berat sebelah serta mengikut kehendak-kehendak Perlembagaan. Mengeluarkan arahan-arahan untuk mencapai maksud ini.

- iii. Mempunyai kuasa untuk mentadbir apa-apa sumpah yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang berhubung dengan pilihanraya.<sup>7</sup>
- iv. Menyediakan dan mengemaskinikan daftar pengundi dan menentukan sempadan untuk bahagian pilihanraya.<sup>8</sup>
- v. Suruhanjaya Pilihanraya juga bertanggungjawab untuk mencetak dan mengedarkan kertas undi, memerhatikan kejujuran pengudian, keselamatan peti undi dan pengiraan kertas undi. Di samping itu, Suruhanjaya Pilihanraya juga bertanggungjawab untuk mengumumkan keputusan pilihanraya sebelum atau sesudah tengah malam.<sup>9</sup>

## **STRUKTUR ORGANASI SURUHANJAYA PILIHANRAYA**

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) diketuai seorang pegawai yang bertindak sebagai pengurus dan dibantu oleh tiga orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Tidak ada peruntukan undang-undang yang menyatakan

secara khusus peranan dan tanggungjawab pengerusi dan ahli-ahli itu.

Walaubagaimana pun dapatlah dikatakan bahawa tugas mereka adalah menjamin supaya semua peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya itu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Setiausaha kepada Suruhanjaya Pilihanraya ialah seorang pegawai kerajaan yang bertugas sepenuh masa. Ia juga bertanggungjawab didalam urusan pentadbiran dan perlaksanaan tugas Suruhanjaya Pilihanraya. Beliau merupakan Ketua Sekretariat dalam Suruhanjaya ini.<sup>10</sup>

Setiausaha SPR dibantu oleh timbalan setiausaha, tiga orang penolong setiausaha dan penyelia pilihanraya. Tiga orang penolong setiausaha itu masing-masing bertanggungjawab di bahagian urusetia, penyelidikan, dan penyelenggaraan daftar pemilih. Penyelia pilihanraya pula mengetuai bahagian pusat pendaftar. Suruhanjaya Pilihanraya boleh melantik seorang penyelia pilihanraya dan timbalan penyelia pilihanraya di tiap-tiap negeri.<sup>11</sup>

Penyelia pilihanraya boleh menjalankan kewajipan-kewajipan Suruhanjaya Pilihanraya di dalam negeri di mana mereka dilantik<sup>12</sup>. Timbalan Penyelia pilihanraya juga mempunyai kuasa yang serupa tetapi ia tertakluk kepada arahan-arahan dan kawalan am penyelia pilihanraya.<sup>13</sup> Organisasi SPR ditunjukkan dalam rajah: 1.1.

**Rajah: 1.1**  
**STRUKTUR ORGANISASI SURUHANJAYA  
PILIHANRAYA**




Suruhanjaya Pilihanraya boleh melantik seorang pegawai pengurus dan beberapa orang penolong yang difikirkan perlu di tiap bahagian. Seorang pegawai pengurus adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam

menjalankan pilihanraya di bahagian pilihanraya di mana ia dilantik seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.<sup>15</sup>

Oleh itu ia mengendalikan semua tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya di bahagian pilihanraya berkenaan. Seorang pegawai pengurus pula bertanggungjawab kepada penyelia pilihanraya negeri. Pegawai pengurus diberi kuasa untuk melantik ketua tempat mengundi di bahagian pilihanrayanya.<sup>16</sup> Kedudukan pegawai pengurus didalam organisasi pilihanraya ditunjukkan di dalam rajah 1.2.

**Rajah: 1.2**

**Kedudukan Pegawai Pengurus dalam  
Organisasi Suruhanjaya Pilihanraya**



Sumber: Malaysia,(Suruhanjaya Pilihanraya). Pegawai Pengurus. Kuala Lumpur, Pencetak Kerajaan. 1978 hlm: 3.

## IANJAYA PILIHANRAYA DALAM AN

mbagaan Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya mengandungi seorang pengurus dan tiga orang ahli lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.<sup>17</sup> Dalam melantik ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah mengutamakan fakta bahawa suruhanjaya perlu mendapat kepercayaan awam.<sup>18</sup>

Dengan ini, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara dalam perlantikan tersebut. Keadaan yang sebenarnya tidaklah begitu kerana Yang di-Pertuan Agong dikehendaki oleh kerajaan supaya tidak bertindak mengikut jemaah menteri atau nasihat seseorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am jemaah menteri.<sup>19</sup>

Kesimpulan seperti ini dapat dibuat kerana cara perlantikan dalam fasal (1) perkara 114 Perlembagaan Persekutuan hanya menyebut bahawa "Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja ..." Sekiranya penggubal perlembagaan kita berhasrat untuk meletakkan soal perlantikan ahli suruhanjaya ini dibawah kuasa budi bicara Yang di-Pertuan Agong sudah tentu ia disebutkan dengan jelas. Sebagai contoh perkara 40(2) menyatakan dengan jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut kuasa budi

bicara dalam melaksanakan tugas-tugas berikut:

1. Perlantikan Perdana Menteri.
2. Keizinan kepada sesuatu permintaan untuk membubarkan parlimen.
3. Meminta diadakan satu mesyuarat Majlis Raja-raja mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan mengambil apa-apa tindakan mesyuarat itu.

Begitu juga mengenai perlantikan ahli Suruhanjaya Pilihanraya Perkhidmatan Awam mengikut fasil (4) perkara 139 dimana disebutkan dengan jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh membuat perlantikan tersebut dengan kuasa budi bicaranya, "tetapi selepas menimbangkan nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-raja..." Dalam perkara 114(1) tidak terdapat perkataan budi bicara seperti disebutkan dalam peruntukan-peruntukan di atas. Oleh itu dalam melantik ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Yang di-Pertuan Agong nampaknya tidaklah mempunyai kuasa budi bicara.

Walaupun Yang di-Pertuan Agong dikehendaki berunding dengan Majlis Raja-raja dalam membuat perlantikan itu tetapi majlis itu tidak mempunyai kuasa penuh dalam perkara tersebut meskipun Majlis Raja-raja mempunyai kuasa budi bicara tetapi ia cuma mem-

-apa perlantikan yang dibuat.<sup>21</sup> Tambahan pula Perdana  
Menteri Besar dan Ketua-ketua  
sidangan raja-raja, dan ini  
nempengaruhi persidangan

Iam soal perlantikan ahli  
suruhanjaya ini kuasa yang diberikan kepada Yang di-  
Pertuan Agong bukanlah kuasa budi bicara. Sebaliknya  
terdapat campur tangan kerajaan yang memerintah  
melalui penglibatan Perdana Menteri yang memberi  
nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Adalah lebih  
baik jika Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa budi  
bicara sepenuhnya seperti kuasa-kuasa yang diberikan  
dalam perkara 40(2) Perlembagaan Persekutuan. Ini  
semata-mata untuk menjamin supaya suruhanjaya  
mendapat kepercayaan rakyat seperti mana yang dicita-  
citakan oleh Suruhanjaya Reid.

Berhubung dengan tempoh jawatan pula Perl  
lembagaan menyatakan bahawa seseorang ahli itu akan  
terhenti daripada memegang jawatan apabila sampai  
umur 65 tahun, ataupun ia sendiri meletakkan jawatan  
dengan menulis surat yang ditandatangani olehnya  
kepada Yang di-Pertuan Agong.<sup>22</sup> Seseorang ahli itu  
boleh dipecat daripada jawatannya jika ia adalah se-  
orang bankrap yang belum dilepaskan atau bertugas  
dalam apa-apa jawatan atau perkerjaan bergaji luar

daripada kewajipan-kewajipan jawatan atau adalah ahli mana-mana majlis parlimen atau Dewan Negeri.<sup>23</sup> Juga, seseorang ahli hanya boleh dipecat dengan alasan dan cara yang sama seperti pemecatan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan.<sup>24</sup> Mengikut Perlembagaan Persekutuan, seorang hakim itu boleh dipecat atas alasan kelakuan tidak baik atau oleh kerana tidak berupaya, oleh kerana kelemahan tubuh atau otak atau apa-apa sebab lain, yang tidak membolehkan ia menyempurnakan tugasnya dengan sepatutnya; dan cara yang dilakukan ialah Perdana Menteri atau Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Perdana Menteri merayu Yang di-Pertuan Agong menyatakan bahawa seorang Hakim Mahkamah Persekutuan ini patut dipecat kerana sebab-sebab di atas.<sup>25</sup> Mengikut Suruhanjaya Reid, ini adalah untuk menjamin kebebasan seseorang ahli itu.<sup>26</sup> Bagaimanakah syarat-syarat ini dapat dikatakan bebas sekiranya Perdana Menteri daripada kerajaan yang memerintah mempunyai kuasa untuk memecat seseorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya itu. Ini adalah kerana mengikut perkara 40 dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Perdana Menteri. Jadi di sini, Perdana Menterilah yang sebenarnya mempunyai kuasa secara tidak langsung untuk memecat seseorang ahli Suruhanjaya Pilihanraya.

Di samping itu parlimen pula diberikan kuasa untuk membuat undang-undang berhubung dengan

saraan ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan peruntukan itu hendaklah dipertanggungkan ke atas kumpulan wang yang disatukan.<sup>27</sup> Parlimen juga diberikan kuasa untuk membuat undang-undang tentang syarat-syarat jawatan anggota suruhanjaya itu.<sup>28</sup> Di sini sekali lagi kita lihat pengaruh kerajaan yang memerintah itu sangat besar keatas suruhanjaya ini. Hal ini jelas kerana di dalam sesebuah negara yang mengamalkam pemerintahan demokrasi berparlimen seperti Malaysia, kerajaan yang memerintah mempunyai anggota majoriti dalam Dewan Rakyat. Oleh itu pada praktiknya kerajaan boleh meluluskan apa sahaja undang-undang yang dikehendaki olehnya asalkan tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Dalam hubungan ini tentulah kerajaan boleh menetapkan apa sahaja syarat terhadap ahli Suruhanjaya Pilihanraya melalui undang-undang yang dibuat di Parlimen. Kesimpulannya, Suruhanjaya Pilihanraya sudah tentu terikat dengan kerajaan yang memerintah.

Suruhanjaya yang ditubuhkan itu diberi tanggung-jawab untuk menjalankan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, menyelia serta menyemak daftar-daftar pemilih untuk pilihanraya itu, dan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya.<sup>29</sup> Dalam menjalankan pilihanraya pula Suruhanjaya Pilihanraya akan terikat kepada undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Parlimen pula seperti yang dibincangkan di atas, dikuasai oleh kerajaan yang

memerintah. Dalam keadaan ini adalah dikhawatir kerajaan akan membuat undang-undang pilihanraya mengikut kehendak dan keperluannya.

Oleh itu dicadangkan supaya kuasa menjalankan pilihanraya itu diserahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Kuasa parlimen yang ada sekarang hendaklah dilonggarkan supaya mempunyai sedikit pengaruh ke atas Suruhanjaya Pilihanraya. Penulis berpendapat dengan cara ini sahajalah kebebasan yang dicita-citakan terhadap Suruhanjaya Pilihanraya itu akan menjadi kenyataan. Dalam keadaan ini barulah Suruhanjaya Pilihanraya tidak lagi terikat kepada mana-mana pihak.

### **PENDAFTARAN PEMILIH DAN PENSEMPADANAN**

Mengenai pendaftaran pemilih, mungkin kerajaan tidak banyak menimbulkan pengaruh kerana mengundi adalah hak yang diberikan kepada semua rakyat yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Jadi tugas Suruhanjaya cumalah mendaftar pengundi-pengundi yang layak mengikut kehendak perlembagaan. Mungkin ada kelemahan dari segi pentadbiran. Seseorang itu tidak semestinya boleh mengundi dalam suatu pilihanraya jika namanya tidak terdapat di dalam daftar pemilih, meskipun ia telah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Seringkali kita dengar ramai yang tidak dapat mengundi kerana nama mereka tercicir daripada daftar

pemilih. Untuk mengatasi masalah ini dicadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan cara yang lebih moden dalam kerja-kerja mendaftar pemilih. Borang permohonan menjadi pemilih seharusnya ditukarkan kepada borang komputer supaya kerja-kerja memproses dapat dijalankan dengan lebih pantas.

Satu lagi tugas yang dipertanggungjawabkan keatas Suruhanjaya Pilihanraya ialah mengkaji semula persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya. Ianya perlu dibuat dalam tempoh antara 8-10 tahun dan Suruhanjaya dikehendaki mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu tentang pembahagian itu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga Belas dan mengkaji bahagian-bahagian pilihanraya Dewan Negeri serentak dengan kajian keatas kawasan-kawasan pilihanraya Dewan Rakyat.<sup>30</sup> Walaubagaimana pun Suruhanjaya boleh mengenepikan tempoh itu jika ada negeri-negeri atau wilayah-wilayah baru yang memasuki Persekutuan.<sup>31</sup> Kajian semula sempadan-sempadan pilihanraya bagi negeri-negeri di Semenanjung, Sabah serta Sarawak hendaklah dibuat secara berasingan.

Dalam ulangkaji persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya ini, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menitikberatkan perkara-perkara berikut:-<sup>32</sup>

- i. Mewujudkan kemudahan-kemudahan yang

berpatutan untuk mengundi, menyempadani bahagian-bahagian pilihanraya supaya tidak memasuki sempadan-sempadan negeri dan menyedari tentang kesulitan-kesulitan bahagian pilihanraya negeri memasuki bahagian-bahagian pilihanraya Persekutuan.

- ii. Menyediakan kemudahan-kemudahan jentera pentadbiran dalam bahagian-bahagian pilihanraya bagi pendaftaran dan pengundian.
- iii. Memastikan bilangan pemilih-pemilih dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya lebih kurang sama banyak di dalam sesebuah negeri kecuali berdasarkan kepada lebih besar kesulitan untuk sampai kepada pemilih-pemilih dalam daerah-daerah pendalaman dan lain-lain kesukaran yang dihadapi di kawasan pendalaman, dan keluasan bahagian-bahagian pilihanraya.
- iv. Mengambil kira kesulitan-kesulitan yang akan timbul setelah berlaku perubahan di bahagian pilihanraya dan juga keperluan memelihara perhubungan tempatan.

Apabila ketetapan telah diambil oleh Suruhanjaya bahawa syor-syor perlu dibuat untuk mengulangkaji persempadan bahagian-bahagian pilihanraya, ia hendaklah memberitahu Yang Di Pertua Dewan Rakyat dan

Perdana Menteri mengenai hal itu dan hendaklah menyiarkan notis dalam warta kerajaan dan sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar yang beredar di dalam bahagian itu. Notis itu hendaklah menyebut akibat-akibat daripada syor-syor yang dicadangkan itu dan salinan daripada syor-syor itu boleh diperiksa di suatu tempat yang ditentukan. Rayuan bolehlah dibuat oleh pemilih-pemilih tentang syor-syor yang dicadangkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh sebulan selepas notis disiarkan. Suruhanjaya dikehendaki menimbangkan semua syor-syor yang diberikan.<sup>33</sup>

Jika Suruhanjaya menerima bantahan daripada kerajaan negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang kuasanya terkandung dalam bahagian-bahagian pilihanraya yang terlibat dalam syor itu, atau daripada sekumpulan orang seramai 100 atau lebih yang namanya terdapat dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian-bahagian pilihanraya itu, maka Suruhanjaya hendaklah mengarahkan supaya diadakan satu siasatan tempatan bagi bahagian-bahagian pilihanraya yang berkenaan.<sup>34</sup>

Setelah selesai menjalankan proses di atas, Suruhanjaya dikehendaki menghantar laporan mengenai bahagian-bahagian pilihanraya kepada Perdana Menteri. Laporan hendaklah mengandungi syor-syor untuk bahagian-bahagian pilihanraya dan nama yang disyorkan untuk bahagian-bahagian pilihanraya itu.<sup>35</sup>

Seterusnya Perdana Menteri dikehendaki membentangkan laporan tersebut di Dewan Rakyat dengan draf satu perintah untuk melaksanakannya.<sup>36</sup> Jika draf itu diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan ketetapan yang disokong dengan undi tidak kurang daripada jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri mengemukakan draf perintah itu kepada Yang Di Pertuan Agong.<sup>37</sup>

Jika usul tersebut ditolak oleh Dewan Rakyat atau ditarik balik dengan kebenaran Dewan itu, atau tidak disokong oleh undi sebanyak tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan Undangan itu, maka Perdana Menteri boleh selepas mengadakan apa-apa rundingan yang difikirkan perlu dengan Suruhanjaya Pilihanraya, meminda draf itu dan membentangkan draf yang dipinda itu dalam Dewan Rakyat, dan jika draf itu diluluskan dengan satu ketetapan yang disokong oleh undi sebanyak tidak kurang setengah daripada jumlah bilangan ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah menge-mukakan draf yang dipinda itu kepada Yang di-Pertuan Agong.<sup>38</sup>

Apabila draf itu dikemukakan kepada Yang Di Pertuan Agong oleh Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah membuat satu perintah mengikut draf itu, dan akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam perintah tersebut.<sup>39</sup> Di Parlimen

pula majoriti daripada ahlinya terdiri daripada ahli-ahli daripada parti yang memerintah. Ahli-ahli ini pula terikat dengan parti yang mereka wakili apabila memberikan keputusan dalam mesyuarat di Parlimen. Mereka ini tidak dapat tidak akan mengundi mengikut arahan parti. Dengan cara ini kerajaan yang memerintah dengan sendirinya mempunyai kuasa penuh dalam menentukan bahagian pilihanraya itu. Pemberian kuasa seperti ini jelas merupakan satu cara untuk menjaga kepentingan sendiri, dan ini adalah satu polisi yang amat merbahaya kepada sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Daripada perbincangan di atas kita dapat melihat bahawa kuasa mengulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya bukanlah berada ditangan Suruhanjaya Pilihanraya. Sebaliknya kuasa ini adalah terletak kepada Parlimen. Suruhanjaya cuma membuat syor-syor bila difikirkan perlu untuk memenuhi peruntukan Jadual Ketiga Belas Perlembagaan dan keputusan muktamad adalah terletak kepada Parlimen sama ada untuk menerima atau menolaknya. Sebenarnya kuasa ini dahulunya berada di tangan Suruhanjaya Pilihanraya tetapi telah dipinda pada tahun 1962.<sup>40</sup> Sebelum pindaan itu, Suruhanjaya boleh membuat persempadanan pilihanraya bila difikirkan perlu tanpa diluluskan oleh Parlimen. Sekarang kuasa itu telah dipindahkan kepada Parlimen, dan Suruhanjaya hanyalah menjadi badan penasihat sahaja.

Kuasa ini dicampurkan pula dengan kuasa dibawah fasal (5A) perkara 114, membesarkan lagi kuasa kerajaan untuk mengawal Suruhanjaya Pilihanraya. Kerajaan boleh mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya membuat persempadanan di wilayah-wilayah yang dipilihnya sendiri. Dengan ikatan-ikatan yang wujud, Suruhanjaya tersebut sebenarnya mematuhi kehendak kerajaan. Melalui proses pemilihan ini kerajaan boleh berusaha mengekalkan kuasa kerajaan kerana kawasan baru yang hendak diwujudkan itu akan memberi faedah kepadanya.

Jadual Ketiga Belas memasukkan pindaan yang dibuat dalam tahun 1962.<sup>41</sup> Peruntukan Perlembagaan yang asal menghendaki supaya persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dibuat berdasarkan sistem kuota dimana bilangan kerusi yang diberi kepada setiap negeri diasaskan kepada bilangan pemilih bagi negeri itu. Tetapi Jadual Ketiga Belas telah membenarkan pertimbangan diberikan kepada kawasan luar bandar supaya mempunyai bilangan pemilih yang kurang daripada jumlah pemilih dalam kawasan pilihanraya di bandar.<sup>42</sup>

Ini juga telah memberi peluang kepada kerajaan yang memerintah untuk mengekalkan kepentingan politiknya. Keputusan-keputusan pilihanraya menunjukkan bahawa kerajaan yang memerintah mempunyai kubuk-kubu yang kuat di kawasan luar bandar. Jadi dengan

memperbanyakkan kerusi-kerusi di kawasan ini, kerajaan yang memerintah dapat mengekalkan kuasanya. Oleh kerana peraturan yang disebutkan diatas, Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa sahaja akan mengikut dan mematuhi arahan yang diberikan oleh kerajaan yang memerintah.

Kuasa Suruhanjaya untuk mempersempadankan bahagian pilihanraya mengikut Jadual Ketiga Belas menjadi tidak berkesan lagi apabila kita melihat peruntukan perkara 46 dan Fasal 2 perkara 116 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dipinda dengan Constitution (Amendment) Act, 1973.<sup>43</sup> Buat pertama kalinya kerajaan telah menetapkan bilangan ahli Dewan Rakyat daripada tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia di Wilayah Persekutuan. Perkara 116(2) pula menyebutkan jumlah kerusi untuk setiap negeri ditentukan mengikut Perkara 46 dan Jadual Ketiga Belas. Tetapi Perkara 46 sudah pun menetapkan jumlah kerusi untuk setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Jadi Jadual Ketiga Belas tidak lagi mempunyai peranan untuk menentukan jumlah kerusi bagi negeri-negeri ini. Akibatnya Suruhanjaya tidak lagi perlu memberi nasihat dalam perkara ini. Ia cuma membuat cadangan bagaimana bahagian-bahagian yang diberikan kepada setiap negeri itu disempadankan.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa SPR telah bertukar dari sebuah badan yang bebas kepada

badan yang tertakluk kepada Parlimen. Untuk mengatasi perkara ini, Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipinda supaya kuasa penentuan jumlah kerusi dan persempadanan pilihanraya diserahkan semula kepada Suruhanjaya Pilihanraya, tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak. Pindaan boleh dibuat dengan memansuhkan kedua-dua pindaan 1962 dan 1973 dan menggunakan kembali peruntukan perlembagaan yang asal seperti mana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid dahulu.

Ini adalah untuk menjamin supaya penentuan kerusi dan persempadanan ini dapat dilaksanakan dengan bebas dan Suruhanjaya tidak hanya menjadi badan penasihat seperti sekarang. Dengan cara ini juga kepercayaan rakyat terhadap Suruhanjaya ini akan menjadi teguh dan tidak dipertikaikan lagi.

## **KOMENTAR**

Walaupun Suruhanjaya Pilihanraya diberi kuasa dalam Perlembagaan, terdapat beberapa peruntukan yang menyekat Suruhanjaya Pilihanraya daripada bergerak bebas.

Kebebasan kuasa Suruhanjaya Pilihanraya dapat dilihat pada penetapan hari penamaan calon selepas Parlimen dibubarkan. Jika Suruhanjaya Pilihanraya bebas, ia wajarlah menimbangkan dan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk parti pembangkang

bila hendak ditentukan tarikh penamaan calon.

Dalam pilihanraya pada tahun 1990, Suruhanjaya Pilihanraya telah mengumumkan hari penamaan calon dalam masa yang singkat selepas Parlimen dibubarkan. Sepatutnya Suruhanjaya Pilihanraya memberikan masa yang munasabah kepada semua pihak yang hendak bertanding membuat persiapan menghadapi hari penamaan calon dan menghadapi hari mengundi.

Pada musim pilihanraya tahun tersebut, parti pemerintah umpamanya telah menjemput pemerhati pilihanraya Komanwel ('election watch') semata-mata untuk menjadi pemerhati kepada proses perjalanan pilihanraya yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang dianggap sebagai badan bebas. Persoalannya ialah apakah objektif dan fungsi sebenar parti pemerintah menjemput pemerhati pilihanraya ini? Kejadian ini menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya bukanlah merupakan sebuah badan yang dianggap bebas kerana telah wujud satu badan yang lain yang bertindak sebagai badan menentukan kelincinan perjalanan pilihanraya itu. Walaupun kedudukannya demikian, kita masih lagi meragui tentang fungsi sebenar pemerhati Komanwel.

Penulis merasakan bahawa tujuan utama parti pemerintah menjemput pemerhati pilihanraya adalah untuk mengalihkan pandangan rakyat kerana sebelum

ini telah wujud sebuah badan pengesan pilihanraya (tempatan) yang akan bertindak mengesan perjalanan pilihanraya yang diadakan. Dalam pilihanraya 1990 khususnya, Suruhanjaya Pilihanraya tidak lagi men-guatkuasakan beberapa syarat yang dikenakan kepada calon-calon yang bertanding. Contohnya ada calon-calon yang disahkan bankrap tetapi dibenarkan bertanding dalam pilihanraya. Hal ini berlaku pada calon UMNO (Barisan Nasional) dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka.<sup>41</sup>

Disamping itu, kerahsiaan undi juga tidak dapat dijamin oleh Suruhanjaya Pilihanraya dimana undi seseorang itu boleh dikesan jika dikehendaki. Akibatnya ada pemilih yang tidak dapat memberikan undi mereka dengan bebas.

Suruhanjaya "bebas" adalah satu badan yang tidak begitu bebas dalam melaksanakan tugasnya. Ini adalah kerana kuasa-kuasa Suruhanjaya Pilihanraya itu tertak-luk kepada Parlimen. Dalam hal ini, Parlimen boleh menentukan corak perjalanan dan pengendalian pili-hanraya.

## NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Norman, D Palmer, *Election and Political Development Asia*, London, Allen and Unwin, 1967, ms. 76.
- <sup>2</sup> Norman, D Palmer, op.cit. no.21, ms. 57
- <sup>3</sup> W.J.M. Mackenzie, *Free Election*, London, ms. 99
- <sup>4</sup> Ibid., ms. 100.
- <sup>5</sup> Perlembagaan Persekutuan, Per. 113(1)
- <sup>6</sup> Tun Muhammed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia*, Terjemah Mohammad Iajuli Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990, ms. 46.
- <sup>7</sup> Akta Pilihanraya, 1958, seksyen. 5(1).
- <sup>8</sup> Tun Muhammed Suffian, op.cit. ms. 45.
- <sup>9</sup> Ibid., ms. 47
- <sup>10</sup> Malaysia, (Suruhanjaya Pilihanraya) Pilihanraya, Pendaftaran, Persempadaman dan Panduan Khas Penolong Pegawai Pendaftar, Kuala Lumpur, t.t para 2.5 dan 3.1,ms. 2
- <sup>11</sup> Akta Pilihanraya, 1958, seksyen. 3
- <sup>12</sup> Ibid., seksyen 4(1).
- <sup>13</sup> Ibid., seksyen 4(2).
- <sup>14</sup> Ibid., seksyen 3.
- <sup>15</sup> Malaysia, (Suruhanjaya Pilihanraya), Pegawai Pengurus, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1978, para 5, ms. 4.
- <sup>16</sup> Peraturan (Perjalanan Pilihanraya 1957), Perkara 12(1), Pembantu Pilihanraya, Kerani Mengira Undi, Pemandu (Guides), Kerani Pengundian.
- <sup>17</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 114(1).
- <sup>18</sup> Ibid., Per. 114(2).
- <sup>19</sup> Ibid., Per. 40.
- <sup>20</sup> Ibid., Per. 38(6)(b)
- <sup>21</sup> Ibid., Per. 38(3).
- <sup>22</sup> Ibid., Per. 114(3).
- <sup>23</sup> Ibid., Per. 114(4).
- <sup>24</sup> Ibid., Per. 114(3).
- <sup>25</sup> Ibid., Per. 125(3).
- <sup>26</sup> Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission, Kuala Lumpur, Government, 1957, para 71, ms. 28.
- <sup>27</sup> Perlembagaan Persekutuan, Per. 114(5)

***Adakah Suruhanjaya  
Pilihanraya Malaysia Sebuah  
Badan Bebas?***

---

<sup>28</sup> Ibid. Per 115(5A)

<sup>29</sup> Ibid. Per 113(1)(2)

<sup>30</sup> Ibid. Per 114(2)

<sup>31</sup> Ibid. Per 114(3).

<sup>32</sup> Ibid. Jadual Ketiga Belas. Seksyen 2.

<sup>33</sup> Ibid. Jadual Ketiga Belas. Bahagian 11, Seksyen 4.

<sup>34</sup> Ibid. Seksyen 5.

<sup>35</sup> Ibid. Seksyen 8.

<sup>36</sup> Ibid., Seksyen 9.

<sup>37</sup> Ibid., Seksyen 10.

<sup>38</sup> Ibid., Seksyen 11.

<sup>39</sup> Ibid. Seksyen 12.

<sup>40</sup> Constitutions (Amendment) Act 1962 No. 14 thn. 1962, Seksyen 20.

<sup>41</sup> Harakah, 7 Sept 1990, ms. 15.

## BIBLIOGRAFI

*Harakah*, 7 Sept. 1990

Mackenzie, W.J.M., *Free Election, An Elementary Text Book*, London, Allen Unwin, 1967

Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya, *Penyata Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sarawak*, 1974, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1975

Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya, *Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri*, 1969, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1970

Malaysia Suruhanjaya Pilihanraya, *Report on the Parliamentary and State Legislative Assembly General Election, 1964*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan, 1965

Palmer, Norman, D., *Election And Political Development The South Asian Experience*, Durham, Duke University Press, 1975

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Semua Pindaan hingga 15. Nov 1986, Kuala Lumpur: MDC Sdn. Bhd. 1986

Tun Mohamed Suffian, *Pengenalan Sistem Undang-undang Malaysia*, Terj. Mohammad Iajuli Rahman, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990

## **PEMERHATI PILIHANRAYA DI MALAYSIA – ADAKAH PERLU?**

### **PENDAHALUAN**

Dalam sebuah negara demokrasi, pilihanraya umum memberi peluang kepada rakyat memilih wakil-wakil yang mereka ingini. Keupayaan rakyat membuat perubahan dalam kepimpinan negara ini dinamakan kedaulatan rakyat dalam negara demokrasi. Malaysia juga mengamalkan sistem pilihanraya seperti ini.

Setiap kali menjelang pilihanraya, persaingan di antara parti-parti politik yang bertanding menjadi semakin hebat dari masa sebelumnya. Masing-masing cuba mencari pengaruh dan berusaha mendapatkan kepercayaan rakyat dengan mengadakan kempen, mengeluarkan manifesto-manifesto parti yang mengukir seribu janji manis yang bakal dilaksanakan sekiranya terpilih, juga isu-isu baru yang hangat yang sengaja ditimbulkan untuk memburukkan pihak lawan dan bermacam-macam lagi.

Menyedari hakikat bahawa setiap musim pilihanraya, taktik-taktik kotor yang melanggar prinsip pilihanraya digunakan, maka dalam pilihanraya tahun 1990 yang lalu kerajaan Malaysia telah menjemput sekumpulan pemerhati pilihanraya untuk melihat perjalanan pilihanraya umum kali ini untuk membuktikan bahawa perjalanan pilihanraya di negara ini berjalan dengan bebas dan adil. Ini dinyatakan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Muhammad dalam sidang akhbar di Kuching, Sarawak dalam siri kempen pilihanraya yang lepas.

Pengumuman ini menimbulkan berbagai pendapat dan tanggapan dari berbagai pihak: Adakah ia (badan pemerhati) itu benar-benar perlu atau tidak. Tidakkah ia mengugat kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya mengendalikan pilihanraya dengan bersih dan adil?

### **PEMERHATI PILIHANRAYA**

Untuk pilihanraya umum pada 20 dan 21 Oktober tahun 1990 Sekretariat Komanwel telah menghantar kumpulan pemerhati yang diketuai oleh bekas Menteri Luar Jamaika, Encik Dudley Thompson. Kumpulan pemerhati 10 orang ini diketuai oleh bekas Perdana Menteri Solomon Islands, Sir Peter Kenilorea, Ahli House of Lords United Kingdom, Baroness Patricia Hollis, Encik Mark Robinson, bekas Lok Sabha India, Encik Inder Jik, bekas Setiausaha Kabinet Barbados, Sir Carlisle Burton, bekas Setiausaha Agung Kementerian Luar dan Duta kanan Trinidad dan Tobago, Encik Eustace Seignoret,

Ketua Pesuruhjaya Pilihanraya Botswana, Encik Nkt Nmono, bekas Pendaftar Mahkamah Agung Gambia, Encik Sourahata Semega-Janneh, bekas ahli Parlimen Persekutuan Kanada, Encik David Daubney dan bekas Ketua Pesuruhjaya Pilihanraya Papua New Guinea, Encik Henry Veratau.<sup>1</sup>

Semua pemerhati berkenaan akan mengemukakan laporan mereka kepada Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyoaku terlebih dahulu sebelum menyerahkan laporan itu kepada kerajaan untuk dikemukakan kepada umum.<sup>2</sup> Kumpulan pemerhati itu diberikan senarai pemilih, calon dan dibenarkan menemui semua parti yang bertanding.

Menurut Perdana Menteri Malaysia, integriti kumpulan pemerhati ini tidak perlu dipersoalkan kerana anggotanya telah dipilih dengan baik.<sup>3</sup> Kumpulan pemerhati ini (Pemerhati Komanwel) telah ditempatkan di enam buah kawasan bagi memudahkan mereka menjalankan tugas. Mereka telah ditempatkan di Pulau Pinang (Utara), Kota Bharu (Timur), Johor Bharu (Selatan), Kuala Lumpur, Sabah, dan Sarawak. Mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan membuat laporan dalam tempoh dua hari selepas keputusan pilihanraya diumumkan. Ketua mereka kemudiannya akan menyerahkan laporan berkenaan kepada Chief Anyoaku di London.

Encik Carl Dundas Jamaiah penasihat khas kumpu-

Ian bantuan teknikal di Sekretariat Komanwel, berkata mereka datang dengan sokongan dan persetujuan semua parti di negara ini. Mereka mengatakan mereka adalah bebas dan akan menulis laporan pilihanraya secara adil berdasarkan undang-undang di Malaysia.

### **LAPORAN PEMERHATI KOMANWEL**

Kumpulan Pemerhati Komanwel bagi Pilihanraya Umum Malaysia 1990 Oktober lalu mendapati bahawa pilihanraya umum ke lapan itu dikendalikan dengan bebas dan adil. Dalam laporan mereka kumpulan tersebut menyatakan bahawa pilihanraya umum itu memberi peluang kepada pengundi Malaysia membuat pilihan secara bebas mengikut undang-undang negara. Mereka juga menyimpulkan bahawa proses penamaan calon, organisasi dan pengundian dibuat dengan betul dan saksama. "Kami memerhatikan proses penamaan calon, memerhati pengundian dan perkiraan undi di beberapa pusat di seluruh negara dan kami memutuskan, proses penamaan calon, organisasi dan pengendalian pengundian dijalankan dengan betul dan saksama," kata kumpulan itu.<sup>4</sup>

Bagaimanapun mereka memandang serius beberapa aspek yang tidak tepat dan tidak sempurna mengenai senarai daftar pengundian dan liputan media massa yang tidak adil terhadap parti-parti pembangkang. Media massa, terutama televisyen, lebih memihak kepada kerajaan dan memberikan banyak liputan eksklusif kepada

menteri-menteri. Pihak pembangkang tidak diberi kesempatan untuk menyebarkan maklumat mereka kepada umum melalui radio dan televisyen.

Kumpulan pemerhati itu juga menyebut bahawa parti-parti politik termasuk parti yang menguasai kerajaan mempunyai kepentingan dalam syarikat-syarikat akhbar iaitu Kumpulan New Straits Times dan Kumpulan Utusan Melayu. Selain daripada itu, akhbar berbahasa Inggeris, *The Star* dan dua akhbar Tamil mempunyai kaitan dengan MCA dan MIC.

Mengenai perjalanan kempen, mereka telah menghadiri beberapa siri ceramah di bandar dan luar bandar dan mendapati ceramah-ceramah tersebut mendapat sambutan. Mereka terkejut apabila satu ceramah yang dihadiri oleh 3,000 orang hanya dikawal oleh dua orang anggota polis sahaja. Kempen-kempen dapat dilihat secara jelas dan poster-poster digantung berbatu-batu.<sup>5</sup>

## **PERLUKAH PEMERHATI PILIHANRAYA?**

Dalam membincarakan tajuk di atas penulis mengambil pendapat serta saranan dari para pemerhati dan tokoh-tokoh politik.

Kabinet bersetuju dengan kedatangan Pemerhati Komanwel, tetapi menurut Dr. Mahathir Muhamad, mereka datang sebagai penyiasat. Peranan mereka hanya sebagai pemerhati dan bukan sebuah suruhanjaya untuk

menyiasat salah laku dalam pilihanraya umum. Mereka datang atas tugas yang telah ditentukan oleh kerajaan dan bukan atas bidang tugas mereka sendiri.<sup>6</sup>

Presiden CUEPACS, Encik Mohd. Abas sewaktu mengalu-alukan keputusan kabinet berkata, langkah berkenaan sekurang-kurangnya membuktikan ketulenan amalan demokrasi di Malaysia.<sup>7</sup>

Setiausaha Kerja, Kesatuan Pekerja Ladang Kebangsaan, Encik Navamulundar berkata keputusan kabinet itu membuktikan kerajaan sedia dihakimi oleh mana-mana pihak yang meragui pengurusan pilihanraya di negara ini.<sup>8</sup>

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Kamil Jaafar berkata fungsi kumpulan berkenaan ialah membuat pemerhatian yang bebas dan adil mengikut undang-undang negara. Mereka tidak mempunyai fungsi eksekutif, bukan menyelia dan bukan bertindak sebagai Suruhanjaya Pilihanraya.

Tun Mohd. Suffian, bekas Ketua Hakim Negara, yang mengetuai Pengesan Pilihanraya (Election Watch) pula mendakwa kerajaan telah meragui keikhlasan pemerhati pilihanraya kerana beliau telah mencadangkan kepada Sekretariat Komanwel bahawa pasukan pemerhati patutlah diberi peluang menemui wakil-wakil dari parti-parti politik pembangkang. Adalah tidak adil

sekiranya pasukan pemerhati pilihanraya dilarang menerima memoranda atau pengaduan-pengaduan dari parti-parti politik yang terlibat.<sup>10</sup>

Manakala Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, pula berpendapat kelewatan ketibaan pemerhati politik menandakan pilihanraya umum yang lalu itu sudahpun bermula dengan kekotoran dan ketidakadilan. Beliau berpendapat lagi, pemerhati politik tidak mungkin dapat memerhatikan perjalanan awal proses pilihanraya umum di negara ini.

Apa yang menarik ialah terdapat satu lagi badan yang dikenali sebagai kumpulan Warganegara Prihatin yang terdiri dari bekas Yang Dipertua Dewan Negara, Tun Omar Loke Lin Ong, bekas Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia dan beberapa orang lagi. Mereka berkata mereka tidak akan bertolak ansur dengan cubaan mana-mana individu atau kumpulan sama ada warganegara Malaysia atau dari luar yang cuba mengugat kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya atau proses pengundian di negara ini. Kumpulan ini juga akan membuat laporan pilihanraya tersendiri sekiranya pemerhati Komanwel membuat laporan yang negatif.<sup>11</sup>

## **PENUTUP**

Sebagai sebuah negara yang mementingkan demokrasi, pemerintah seharusnya menyediakan saluran dan peluang yang luas ke arah mewujudkan pelbagai per-


tubuhan atau kumpulan yang dapat menyalurkan idea-idea baru kepada pemerintah. Oleh itu penubuhan Pemerhati Pilihanraya merupakan salah satu langkah kerajaan untuk membuktikan bahawa kerajaan sedia menerima berbagai teguran dan kritikan yang membina dalam usaha membangunkan negara. Inilah yang diperkatakan oleh Perdana Menteri dalam sidang akhbar beliau di Kuching menjelang pilihanraya yang lalu.

Walaupun begitu, Kerajaan juga perlu mengambil kira masalah pembaziran tugas yang akan terjadi sekiranya pertubuhan baru itu melakukan kerja yang sama dengan yang dilakukan oleh pertubuhan yang sedia ada. Tidakkah Suruhanjaya Pilihanraya mampu melaksanakan kerja-kerja memerhati di samping tugas-tugas asas? Pembaziran juga berlaku kerana kerajaan membayar imbuhan kepada para pemerhati yang dilantik.

Sebenarnya tugas memerhati ini bukan hanya terpikul oleh badan-badan yang dilantik sahaja, namun ianya merupakan tugas setiap individu. Seperti kata Encik Ghaffar Baba, sesiapa saja boleh membuat aduan polis sekiranya berlaku kecurigaan dalam pengendalian pilihanraya.

## NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Berita Harian (tarikh lupa dicatatkan)
- <sup>2</sup> Berita Harian, 10hb. Oktober, 1990, hal. 14.
- <sup>3</sup> Mingguan Malaysia, 14hb. Oktober, 1990.
- <sup>4</sup> Berita Harian, 12hb. Disember, 1990, hal. 1.
- <sup>5</sup> Utusan Malaysia, 12hb. Disember, 1990.
- <sup>6</sup> Utusan Malaysia, 14hb. July, 1990.
- <sup>7</sup> Berita Harian, 27hb. July, 1990.
- <sup>8</sup> Ibid.
- <sup>9</sup> Berita Harian, op. cit., 10hb. Oktober, 1990.
- <sup>10</sup> Majalah Dunia Islam, Ogos, 1990, hal. 14.
- <sup>11</sup> Ibid, hal. 15.



**Anis Azura Bt. Abdul Ghani  
dan  
Rosmah Bt. Md. Daron**

## **BIBLIOGRAFI PILIHAN POLITIK MALAYSIA**

---

### **Ahli-Ahli Politik**

- Abdul Raof Dalib. "Datuk Seri Rahim Thamby Chik Tokoh Muda Yang Dinamik." *Mastika* Mac 1988: 30-31.
- Adshead, Robin. *Mahathir of Malaysia*. London: Hibiscus, 1989.
- Amir Tan. "Tugas Wakil Rakyat Terlalu Berat." *Dewan Masyarakat Mei 1985*: 42-43.
- Aziz Zariza Ahmad. *The Second Phase Mahathir Triumph After Trials*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co., 1990.
- Chamil Wariya. "Perlukan Ketua Pemuda Ikut Telunjuk Presiden Parti?" *Mastika* Julai 1988: 9-10.
- \_\_\_\_\_. "Pergolakan Dalam UMNO Makathir Buktikan Ketangkasaran Bermain Politik" *Mastika* Mei 1988: 10-13.
- \_\_\_\_\_. *Pandangan Politik Era Mahathir*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990.
- Chung, Kek Yoong/Mahathir Mohammad, Datuk Sri Mahathir Administration. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1987.
- Che Mahzan Ahmad. "Wakil Rakyat Pemegang Amanah." *Dewan Masyarakat Sept. 1986*: 8-10.
- Che Shamsuddin. "Datuk Asri Hj. Muda Parti, Prinsip dan Perjuangan Islam." *Dewan Budaya* Julai 1989: 18-20.

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

- Das, K. *The Musa Dilemma*. Kuala Lumpur, 1986.
- Editor. "En. Ghafar: Pemimpin Serba Boleh." *Dewan Masyarakat* Jan 1986: 26-27.
- Editor. "Kuasa Melayu Tidak Mutlak: Datuk Hussein Ahmad." *Dewan Budaya* Ogos 1989: 8-10.
- Editor. "Kita Mampu Pimpin Dunia: Abdullah Fadzil bin Che Wan." *Dewan Budaya* Sept. 1989: 8-10.
- Editor. 'Fuad Hassan Visi Masyarakat dan Negara Malaysia' *Dewan Budaya* April 1989: 18-20.
- Embong Muhammad. "Wan Mokhtar, Tokoh Agama Yang Berjaya di Bidang Politik." *Mastika* Jan 1988: 30-31.
- Gill, Ranjit. *Razaleigh*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1987.
- Hasan Hj. Hamzah. *Mahathir Great Malaysian Hero*. Kuala Lumpur: Mediaprint Publication, 1990.
- Hussain Mohamed. "Kematangan Berpolitik Masih diragui." *Dewan Masyarakat* Ogos 1986: 38-39.
- Hamdan Adnan. "Model Seorang Wakil Rakyat." *Dewan Masyarakat* Sept. 1986: 19-20.
- Mohd Bakri Jaafar. *Mengenali tokoh Kita: Semalam Hari Ini dan Esok Shah Alam*: Mohd Bakri bin Jaafar, 1991.
- Mat Piah Teh Deris. "Kewibawaan Datuk Seri Haji Osman Aroff Semakin Terbukti." *Mastika* April 1988: 30-31.
- Noritah Sulaiman. "Interbiu Khas Dengan Bekas Setiausaha Agung UMNO. Pandangan Senu Mengenai Pergolakan Politik Sekarang." *Mastika* Ogos 1988: 6-7.
- Noritah Sulaiman. "Tan Sri Senu Lebih Bahagia di Rumah." *Mastika* Ogos 1988: 28-29.
- Noritah Sulaiman. "Di Rumah Saya Bukan Menteri." *Mastika* Nov. 1988: 30-33.
- Norzeha Kasbi. "Tunku Abdul Rahman 1903-1990." *Dewan Masyarakat* Jan. 1991: 22-23.
- Penulis Khas. "Dewan Rakyat: Ramai MP Kena Tegur" *Dewan Masyarakat* Nov. 1985: 50-51.
- Penulis Khas. "Dewan Rakyat: Ahlinya Tidak Serius." *Dewan Masyarakat*

Nov. 1985: 44-46.

Raja Azam Raja Bidin. "Datuk Muhammad bin Haji Muhd. Taib MB Yang Berpegang Pada Konsep Kecenterangan." *Mastika* Feb. 1988: 30-31.

Ramli Ismail. "Dr. Abdul Hamid Pawantek MB Harapan Rakyat Perlis." *Mastika* Jun 1988: 30-31.

Ramlah Adam. *Date Onn Jaafar*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 1987.

Rahman Shaari. *Politik Mahathir Langkah dan Perhitungan*. Kuala Lumpur: D. Enterprise, 1989.

Ritchie, James. *Sarawak: A Gentleman's Victory for Taib Mahmud*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987.

Taufek Mohd. Said. "Kepimpinan Taib Tangan Dicabar." *Dewan Masyarakat* Mac 1985: 18-19.

Wahba. "Liku-liku Perjuangan Senu." *Mastika* Ogos 1988: 8-9.

Zulkifli Saleh. "Selepas Menang, Boleh Jadi Pengarah." *Dewan Masyarakat* Sept. 1986: 1-2.

\_\_\_\_\_. "Benarkah YB Pembela Rakyat?" *Dewan Masyarakat* Sept. 1986: 13-14.

\_\_\_\_\_. *Musa Derhaka?* Kuala Lumpur: Al-Nujum Enterprise, 1986.

## **(Barisan Nasional)**

Abdul Rahman Muda. "MCA dan MIC: Mengapa Mengharapkan Subsidi UMNO?" *Dewan Masyarakat* Jan. 1991: 36-37.

Eh Chot Cha Chan. "Kearah memperbaiki Imej BN." *Dewan Masyarakat* Mac 1985: 20-22.

Fomez, Edmund Terence. *Money Politics in the BN*. Kuala Lumpur: Forum, 1991.

## **(MIC)**

Firus Abdullah. "Tampuk Pimpinan MIC Diragui." *Dewan Masyarakat* Okt. 1987: 18-19.

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

Firus Abdullah. "MIC: Tiada Tempat Bagi Yang Bercakaran." Dewan Masyarakat Dis. 1986: 28-29.

### **(UMNO)**

Ahmad Atory Hussain. "Penolakan Kepimpinan Melayu di Pulau Pinang." Dewan Masyarakat Mei 1987: 18-20.

\_\_\_\_\_. "Ke Arah Kemantangan Demokrasi Dan Perpaduan Nasional." Dewan Masyarakat April 1987: 44-50.

Ahmad Zafrin. "Pengaruh MT dalam UMNO." Dewan Masyarakat Mei 1987: 14-17.

Ahmad Zafrin. "Tampuk Pimpinan UMNO Jadi Rebutan." Dewan Masyarakat Januari 1987: 25-27.

\_\_\_\_\_. "Wang Mengancam Politik UMNO." Dewan Masyarakat Julai 1985: 20-21.

\_\_\_\_\_. "UMNO Kompleks Baru Azam Baru." Dewan Masyarakat November 1985: 47-49.

Amir Tan. "UMNO Sejarahnya Tetap Menyakinkan." Dewan Masyarakat Jun 1986: 44-46.

Aminuddin Mohd. Yusof/Mohd Ali Kamarudin. *Kepimpinan Pemuda UMNO Bangi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

Chamil Wariya. *UMNO Era Mahathir*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1988.

\_\_\_\_\_. *Sesiapa Kuasai UMNO?* Media Intelek 1985.

\_\_\_\_\_. "Benarkah UMNO (Baru) Lebih Demokratik." Mastika Jun 1988: 9-11.

Firus Abdullah. "UMNO Mencari Alternatif?" Dewan Masyarakat April 1987: 20-21.

Fuad Hashim. "UMNO Krisis Kepimpinan Yang Mendebaran." Dewan Masyarakat Mac 1986: 22-25.

H. Osman Rani. "Polarisasi Kaum dan Budaya Persaingan." Dewan Masyarakat Disember 1987: 34-40.

Halim Mahmood. *Senario Pemilihan UMNO Semenyih*: Marvilis Publisher, 1986.

## Bibliografi Pilihan Politik Malaysia

- Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO - Pas Dalam Isu Islamisasi*. Selangor: IBS Buku, 1989.
- Mahadzir Mohd Khir. "UMNO: Berhimpun Untuk Bersatu?" *Dewan Masyarakat* Disember 1988: 6-11.
- N.Z. Abidin. "UMNO Kelantan: Mengapa Soal Kepimpinan Baru ditimbulkan?" *Dewan Masyarakat* Disember 1990: 60.
- Penulis Khas. "Perbomohan dalam UMNO: Dampungan Bomoh Jika Mahu Memimpin UMNO?" *Dewan Masyarakat* April 1987: 6-12.
- Pemerhati. "Percaturan Kerusi Naib Presiden." *Dewan Masyarakat* Mei 1987: 12-13.
- Pemerhati. "Catatan Peristiwa Selepas Perhimpunan UMNO." *Dewan Masyarakat* Jun 1987: 24-25.
- Pemerhati. "Kabinet Baru: Apakah Rasionalnya." *Dewan Masyarakat* Julai 1987: 27-29.
- Rizal Rahman. *Perebutan Kuasa Politik dan Kesombongan UMNO*. Kuala Lumpur: Variasi 1985.
- Safar Hashim. "Pemilihan UMNO: Antara Tradisi Dengan Amalan Demokrasi." *Dewan Masyarakat* Mei 1987: 6-11.
- Zalila Sharif. "Wanita UMNO: Perubahan Sikap Yang Diperlukan." *Dewan Masyarakat* Oktober 1985: 52-53.
- Zakry Abadi. *UMNO Tempah Maut?* Kuala Lumpur: Syarikat S. Abd. Majid, 1991.  
\_\_\_\_\_. *UMNO Tempah Maut?* Kuala Lumpur: Syarikat S. Abd. Majid, 1990.
- Zainal Abidin, Nik. "Politik UMNO: Apa Ada Pada Nama." *Dewan Masyarakat* Disember 1988: 60.  
\_\_\_\_\_. "UMNO Kelahiran: Mengapa Soal Kepimpinan Baru Ditimbulkan?" *Dewan Masyarakat* Januari 1990: 60.  
\_\_\_\_\_. "Muzakarah UMNO-PAS Menyatukan Umat Islam" *Dewan Masyarakat* Februari 1987: 18-19.

## (MCA)

Ahmad Zafrin. "Laluan Mudah Bagi Ling dan Lee." *Dewan Masyarakat*

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

Ogos 1987: 24-26.

Chew Hock Thye. "MCA: Antara Politik Dengan Ekonomi." Dewan Masyarakat Feb. 1987: 16-17.

Dr. Lee Kam Hing. "MCA Selangor: Antara Pribumi dan Pendatang." Dewan Masyarakat Dis. 1986: 14-16.

Dr. Ting Chew Peh. "Krisis MCA Mendedahkan Kelemahannya." Dewan Masyarakat Feb. 1985: 27-29.

\_\_\_\_\_. "Krisis MCA: Strategi Baru Puak Neo." Dewan Masyarakat Okt. 1985: 26-28.

Penulis Khas. "MCA Belum Tenang." Dewan Masyarakat Mac 1986: 25-27.

Penulis Khas. "MCA Dalam Perhatian." Dewan Masyarakat Sept. 1985: 25-27.

Penulis Khas. "Disebalik Kerjasama MCA-Gerakan." Dewan Masyarakat Mei 1985: 25-26.

Tan Soon Ann. "MCA Tertekan Lagi." Dewan Masyarakat Okt. 1986: 22-23.

## **(PAS)**

Abu Bakar Hamzah. *Quo Vadis PAS*. Selangor: Polygraphic Press: Balakong, 1991.

Ibrahim Ahmad. *Konflik UMNO - PAS Dalam Isu Islamisasi*. Selangor: IBS Buku, 1989.

## **(Politik Malaysia)**

Abdul Rahman Muda. "Mengapa Identiti Kaum Dipertahankan." Dewan Masyarakat Mac 1990: 42-43.

Abdul Rahman. Tuanku. *Political Awakening*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.

Ahmad Zafrin. "Rombakan Kabinet Mendapat Sambutan". Dewan Masyarakat Jun 1986: 26-28.

Aziz Deraman. "Ketuanan Melayu". Mastika Ogos 1988: 26.

## Bibliografi Pilihan Politik Malaysia

- Amir Tan. "Kesinambungan Tradisi Dalam Rombakan Kabinet". Dewan Budaya, Ogos 1988: 30-31.
- Ahmad Atory bin Hussain. "Politik dan Dasar Awam Malaysia." Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1985.
- Abdul Latif Muda. "Pergolakan Politik Sedekad Lalu". Dewan Masyarakat Feb. 1990: 36-39.
- Abdul Rahman Muda. "Konflik Pusat-Negeri Yang Merugikan". Dewan Masyarakat Dis. 1990: 36-37.
- Abdul Rahman Muda. "Memihak Tampak Memahami." Dewan Masyarakat Sept. 1988: 30-31.
- \_\_\_\_\_. "Perkongsian Politik Yang Merumitkan." Dewan Masyarakat Okt. 1990: 16-17.
- \_\_\_\_\_. "Senario Rebah-Bangun Dalam Politik." Dewan Masyarakat Feb. 1990: 18-19.
- Abdul Rahman Putra Al-Haj. Tunku. *Challenging Times*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.
- \_\_\_\_\_. *Tunku Political Awakening*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.
- Adibah Amin, Gilbert Khoo. *Perkembangan Politik*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987.
- Adnan Abdul Majid. "Perhimpunan Melayu Johor: Selepas Ini Apa Lagi?" Dewan Masyarakat Jan. 1990: 18-19.
- Ahmad Atory Hussain. *Politik dan Dasar Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distribution, 1990.
- Bruce Gale. *Readings in Malaysian Politics*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.
- Chamil Wariya. "Budaya Demokrasi Malaysia". Dewan Budaya, Nov. 1990: 10-12.
- \_\_\_\_\_. "Challenges and Choices in Malaysia. Politics and Society". Penang: Aliran Kesedaran Negara, 1989.
- Firus. "Buruk-baiknya Membuat Spekulasi". Dewan Masyarakat Mei 1986: 40-41.
- Firdaus Abdullah. *Radical Malay Politics*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985.

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

- Fatini Yaacob. "Senario di Pulau Pinang." Dewan Masyarakat Nov. 1990: 37.
- Goh Cheng Teik. *Racial Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: FEP International Sdn. Bhd. 1989.
- Gullick, John and Bruce Gale. *Malaysia; Its Political and Economic Development*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.
- Ibrahim Ahmad. "Realiti dan Demokrasi". Dewan Budaya, Dis. 1988: 14-15.
- Lim Kit Siang. *Malaysia: Crisis of Identity*. Petaling Jaya: Democratic Action Party, 1986.
- Mahadzir Mohd Khir. "Simbol Dalam Budaya Politik". Dewan Budaya, Dis. 1988: 4-5.
- \_\_\_\_\_. "Budaya Politik Pemimpin Melayu". Dewan Budaya, Feb. 1989: 60-61.
- \_\_\_\_\_. "Persepsi Politik". Dewan Budaya, April 1989: 6061.
- Mohd. Zaid Ibrahim. "Pertikaian Perundungan dan Politik." D.M. Apr. 1990: 36.
- \_\_\_\_\_. "Apa Perlunya Pemerhati Luar". Dewan Masyarakat Ogos 1990: 11.
- Mohamad Abu Bakar. "Politik Melayu, Kekirian Dan Islamisasi". Dewan Budaya Mei 1990: 6-9.
- Means, Gordon Paul. *Malaysian Politics the Second Generation*. Singapore: Oxford University Press Pte Ltd. 1991.
- MEANS, Gordon Paul. *Malaysia Politics*. Singapore: Oxford University Press, 1991.
- Noritah Sulaiman. "Interbiu Khas Dengan Bekas Setiausaha Agung UMNO. Pandangan Senu Mengenai Pergolakan Politik Sekarang." Mastika Ogos 1988: 6-7.
- Omar Ahamed, Wan. "Senario di Negeri Sembilan". Dewan Masyarakat Nov., 1990: 32.
- Penulis Khas. "Pilihanraya Umum: Tokoh Muda Bertambah". Dewan Masyarakat Ogos 1986: 16-17.
- Penulis Khas. "Masyarakat Cina Keliru". Dewan Masyarakat Feb. 1985: 32-34.
- Rustum A. Sani. "Kestabilan: Berapakah Harganya?" Dewan Masyarakat

- Jul, 1988: 27.
- Rustum A. Sani, "Nasionalisme Malaysia Mitos atau Realiti," Dewan Budaya, Sept. 1989: 11-16
- Sadatul Mahiran Rosli, "Kepimpinan Dan Demokrasi Orang Melayu," Dewan Budaya, Nov. 1990: 13-15.
- Sidang Ed. "Demi Masa Dengan Berlajarlah Dari Kesilapan", Dewan Masyarakat Ogos, 1988: 6-8, 11-16.
- Sutung Umar Rs. "Dilema Melayu", Dewan Budaya, Julai 1989: 12-16.
- Shamsul Amri Baharuddin, "Politik Hak Semua Untuk Semua", Dewan Masyarakat Okt., 1990: 5.
- Wan Mohd. Mahyiddin, "Etika Berpolitik Yang Harus dipatuhi", Dewan Masyarakat April 1987: 16-18.
- Zalina Haji Arshad, "Senario di Negeri Sembilan", Dewan Masyarakat Nov., 1990: 28.
- Zakaria Haji Ahmad, *Government and Politics of Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987.
- \_\_\_\_\_, *Government and Policies of Malaysia*, Singapore: Oxford Uni Press, 1987.
- Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbitan Lajmeidakh, 1987.
- Zulkifli Saleh, "Antara Politik dengan Pentadbiran Awam: Yang Penting Kejujuran dan Kecekapan," Dewan Masyarakat Mac 1987: 6-9.
- \_\_\_\_\_, "Melayu: Cabaran dan Masa Depannya", Dewan Budaya, Sept. 1989: 60-61.

### **(Parti-Parti Pembangkang)**

- Firus, "Impian Barisan Pembangkang," D.M. Ogos 1986: 18-19.
- Awang Hashim, "Taktik DAP," D.M. Nov. 1986: 10
- Firus, "PAS Sedang Mengatur Langkah," DM April 1985: 26-27.
- Dr. Ting Chew Peh, "PAS: Strategi Barunya Diragui," Dewan Masyarakat Nov. 1985: 23-25.
- Penulis Khas, "DiSebalik Kerjasama MCA-Gerakan," Dewan Masyarakat Mei 1985: 25-26.

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

- A.K. Hidayat. PAS 1951-1991 (Tercabar/Mencabar) Kuala Lumpur: G.G. Edar, 1986.
- Firus Abdullah. "Krisis Kepimpinan DAP," Dewan Masyarakat Sep. 1988: 20-21.
- Meor, Sued. *Pilihanraya 1986: Kekalahan PAS Satu Analisa*. Kuala Lumpur: PAS Paya Jaras, 1986.
- Ranjit Gill. *Of Political Bondage*. Singapore: Sterling Corporate Service 1990.
- Talib Samat. *Four Prime Ministers of Malaysia*. KL: K Publishing and Distribution Sdn. Bhd. 1987.
- Rahman Muda. "Pembangkang Bebas Bersuara." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 16-18.

### **(Politik Sabah & Sarawak)**

- Adnan A. Majid. "BERJAYA Yang Gagal." Dewan Masyarakat Mei 1985: 29.
- Adnan Abdul Majid. "Disebalik Kempen Pilihanraya Negeri Sabah." Dewan Masyarakat Ogos 1990: 9-10.
- Amhari. "Berjaya Terancam Di Sabah." Dewan Masyarakat April 1985: 28-29.
- Ahmad Zafrin. "PBB Atasi Ujian Getir." Dewan Masyarakat Disember 1986: 26-27.
- \_\_\_\_\_. "Masalah Yang Menggugat Berjaya." Dewan Masyarakat Ogos 1985: 22-23.
- Che Mahzan Ahmad. "Api Perkauman dan Isu Kedaerahan dalam Pilihanraya Negeri Sabah." Dewan Masyarakat Ogos 1990: 7-9.
- Firus Abdullah. "Penggabungan UMNO-USNO Menuntut Pengorbanan." Dewan Masyarakat Januari 1987: 24.
- \_\_\_\_\_. "Sabah Perlu Mandat Baru." Dewan Masyarakat April 1986: 36-37.
- \_\_\_\_\_. "PBS: Mandat Baru Yang Berat." Dewan Masyarakat Jun 1986: 24-25.
- Khusairie Talib. *PBS Keluar Membela Maruah*. Kuala Lumpur: Goldana

- Corporation Sdn. Bhd., 1990.
- Ritchie, James. Sarawak: A Gentleman's Victory for Taib Mahmud. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1987.
- Rustam A. Sani. "Angin Getir di Lereng Kundasang." Dewan Masyarakat Mac 1990: 18.
- Sanib Said. "Bahang Politik Sabah di Sarawak." Dewan Masyarakat Julai 1985: 18-20.
- Syed Arabi Idid. "UMNO dalam Arena Politik Sabah." Dewan Masyarakat Julai 1985: 18-20.
- Syed Arabi Idid. "UMNO dalam Arena Politik Sabah." Dewan Masyarakat Julai 1991: 21-23.
- Taufeq Mohd Said. "PBS Semakin Berjaya." Dewan Masyarakat Mei 1985: 27-29.
- Tan, Chee Koon. Sabah: A Triumph for Democracy. Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1986.
- \_\_\_\_\_. "Senario Di Sabah." Dewan Masyarakat November 1990: 34-35.

### (Pilihanraya Umum)

- Ahmad Zafrin. "Pilihanraya Umum Bukan Sekadar Mandat." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 21-22.
- \_\_\_\_\_. "Kempen Arah Pemuda dan Wanita." Dewan Masyarakat Okt. 1986: 16-17.
- \_\_\_\_\_. "Wang Mengancam Politik UMNO." Dewan Masyarakat Julai 1985: 20-21.
- A. Samad Ismail. "Memorandum Kepada Suruhanjaya Pemerhati Pilihanraya." Dewan Budaya Sept. 1990: 18-19.
- \_\_\_\_\_. "Rekaan Mat Toshiba dan Pilihan Pilihanraya Umum." Dewan Budaya Nov. 1990: 16-17.
- Abdul Rahman Muda. "Berkesanya Pengesahan Pilihanraya." Dewan Masyarakat April 1990: 30-31.
- Amhari. "BN Bersiap Sedia Menghadapi Pilihanraya." Dewan Masyarakat Feb. 1985: 25-26.

## **Politik Melayu dan Demokrasi**

---

- Amir Tan. "Kabinet Baru Kekalkan 'Status Quo'." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 38-39.
- Amir Tan. "Penduduk Bandar Tidak Mengundi." Dewan Budaya Julai 1989: 30-31.
- Elections in Malaysia 1955-1986*. Kuala Lumpur: NSTP Research and Information Services, 1990.
- Eh Chot Cha Chan. "Politik Melayu dan Keutuhan Negara." Dewan Masyarakat Okt. 1986: 18-19.
- \_\_\_\_\_. "Pengerusi Cina Hilang Arah." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 26-27.
- Firus. "Susunan Baharu Dalam UMNO." Dewan Masyarakat Mac 1985: 24-25.
- Hussain Mohamed. "BN Menang Dalam 'Kekalutan' Lawan." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 24-25.
- Hussain Mohamed. "UMNO: Jangan Sampai Ayam Mati Dikepuak." Dewan Masyarakat Okt. 1986: 6-11.
- K. Ramanathan. "Pilihanraya dan Kesannya." Dewan Masyarakat Sept. 1986: 56-58.
- Mahadzir Mohd. Khir. "Ampang Jaya: Budaya Politik Propaganda." Dewan Budaya Mac 1989: 58-61.
- N.Z. Abidin. "Alangkah beruntungnya Pengundi di Bandar." Dewan Masyarakat Jan. 1990: 60.
- Pemerhati. "Perjuangan Yang Belum Selesai." Dewan Masyarakat Okt. 1986: 12-15.
- Rahim Bakar. "Pilihanraya dan Sikap Rakyat." Dewan Budaya, Sept. 1990: 10.
- Rustum a. Sani. "Setelah Pilihanraya Berlalu." Dewan Masyarakat Dis. 1990: 20.
- Shamsul Amri Baharuddin. "Debar Wakil Rakyat Baru." Dewan Masyarakat Nov. 1990: 5.
- Zainal Kling. "Perpecahan Kuasa Politik Sejarah Kehancuran Melayu." Dewan Budaya April 1988: 22-23.
- \_\_\_\_\_. "Pilihanraya Calon Yang Betul-betul Layak." Dewan Masyarakat Sept. 1990: 60.

## Bibliografi Pilihan Politik Malaysia

- \_\_\_\_\_. "Yang Bijak, Pengundi." Dewan Masyarakat Nov. 1990: 60.
- \_\_\_\_\_. "Yang Mana Lebih Penting: Parti atau Calonnya?" Dewan Masyarakat Ogos 1990: 60.
- \_\_\_\_\_. Mustafa Mohammad Najmuddin. "Mandat Baru Cabaran Baru." Dewan Masyarakat Nov. 1990: 24-37.
- \_\_\_\_\_. "Pengundi oh Pengundi". Dewan Masyarakat Ogos 1990: 4.

## **BIOGRAFI PENULIS**

### **CHE ADONI SALLEH**

Penulis berasal dari Kelantan, mengikuti program Syariah dan ingin menjadi pendidik. Beliau boleh berbahasa Arab dan Melayu dan gemar membaca buku-buku politik, agama dan novel. Pernah menuntut di Sek Keb Chantum, Bachok, dan Sek Men Arab Amir Indera Putera Beris Kubur Besar, Bachok, Kelantan.

### **FADHILAH BT 'ABDUL AZIZ**

Fadhilah berasal dari Selangor, mengkhususi bidang Syariah dan ingin menjadi pendidik. Beliau boleh berbahasa Arab, Melayu (termasuk dialek Bugis) dan Inggeris. Penulis gemar membaca majalah-majalah dan buku-buku yang berbentuk ilmiah serta novel. Pernah menuntut di SRK Convent Kajang dan SMKU Maahad Hamidiah Kajang, Selangor.

### **HARUMIYAH ABDULLAH**

Penuntut bidang Usuluddin yang berasal dari Kelantan ingin menjadi pendidik. Beliau berbahasa Arab dan Melayu. Harumiyah gemar membaca buku-buku berkaitan dengan keagamaan, kemasyarakatan dan politik tanah air. Penulis pernah belajar di Sek Keb Tumpat dan Sek Men Maahad Muhammadi, Kota Bharu.

### **KHADIJAH SIDEK**

Penuntut jurusan Syariah dari negeri Terengganu ingin menjadi pendidik. Beliau gemar membaca Novel, buku-buku pengetahuan am dan ilmiah, dan yang bercorak politik. Pernah menuntut di Sek Men Agama Khairiah, dan Sek Men Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Trengganu.

### **NORIZAM ANUAR**

Rakyat Terengganu ini mengikuti bidang Usuluddin dan ingin berjaya dalam kehidupan. Beliau boleh berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris, dan gemar membaca buku-buku politik, sastera dan majalah-majalah DBP. Pernah menuntut di Sek Men Agama Mahmudiah, K. Berang, Terengganu dan Sek Men Agama Persekutuan, Seremban, Negeri Sembilan.

### **NORHAYATI HASHMI**

Berasal dari Sarawak, mengikuti program Syariah dan ingin menjadi pendidik. Beliau boleh berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris. Beliau gemar membaca buku-buku

psikologi, novel, agama, politik, undang-undang. Penulis adalah bekas penuntut SRK Rebak, Kuching dan SMKA Sheikh Hj Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak.

### **NORLIDA JANI**

Penuntut Usuluddin ini berasal dari Negeri Sembilan, ingin berjaya dalam semua lapangan. Beliau gemar membaca buku-buku ilmiah, politik dan sastera. Pernah belajar di Sek Agama Men Ren Ulu Jempol, Bt. Kikir, dan Sek Men Keb Agma Sheikh Hj Mohd Said.

### **NORLIZA AHMAD**

Dilahirkan di Kelantan, mengikuti bidang Usuluddin dan ingin menjadi pensyarah. Berbahasa Arab dan Melayu. Gemar membaca buku-buku agama, politik, am dan novel. Pernah menuntut di Maahad Muhammadi Kota Bharu, Kelantan.

### **RASHIDAH HJ ROSLAN**

Rakyat negeri Selangor ini mengikuti program Syariah dan bercita-cita menjadi pendidik. Beliau boleh berbahasa Arab dan Melayu, dan gemar membaca novel remaja dan kemasyarakatan, buku-buku agama dan isu-isu semasa. Beliau pernah belajar di Sek Keb Beranang Selangor, Sek Agama Men Ren Kanchong Darat dan Sek Men Agama Tinggi Hisamuddin, Kelang.

### **ROHAIZAH JAAFAR**

Berasal dari Selangor, mengkhususi bidang Syariah dan ingin menjadi pegawai pentadbir. Boleh berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris. Antara sekolah yang pernah dihadiri beliau ialah Sek Men Ren Agma Hisamuddin, Kelang dan Sek Men Tinggi Agama Hisamuddin, Kelang.

### **ROSNANI OTHMAN**

Dilahirkan di Kelantan dan mengikuti bidang Usuluddin. Beliau bercita-cita menjadi guru dan boleh berbahasa Arab dan Melayu. Buku-buku yang digemarinya bercorak agama, politik, sejarah dan novel. Beliau pernah belajar di Sek Keb Banggol Chicha, dan Sek Men Arab, Pasir Mas, Kelantan.

### **SAPTUyah MAHMUD**

Penuntut bidang Syariah ingin menjadi kaunselor Unit Pembangunan Keluarga, Mahkamah Syariah. Beliau berasal dari Sarawak dan boleh berbahasa Arab, Melayu dan Inggeris. Buku-buku yang digemarinya berkaitan dengan politik dan pentadbiran, novel kemasyarakatan dan buku-buku agama. Saptuyah adalah bekas penuntut SMKA Sheikh Hj Othman Abd Wahab, Matang, Kuching, Sarawak.

### **SITI ZAHARAH ABDUL HAMID**

Bakal pegawai pentadbir atau peguam Syariah berasal dari Kedah. Beliau boleh berbahasa Arab dan Melayu, dan gemar membaca buku-buku berunsur politik dan

polemik. Penulis adalah bekas penuntut Maktab Mahmud an Sek Keb Kuala Kupang.

### **ZAKIAH OTHMAN**

Penulis yang bercita-cita menjadi pensyarah mengkhususi bidang Syariah dan berasal dari Perak. Beliau gemar membaca buku-buku ilmiah berkaitan dengan undang-undang dan pentadbiran. Pernah menuntut di Sek Raja Perempuan Taayah, Sek Men (U) Al-Falah Pt. Tok Ngah, dan Sek Izzuddin Shah, Ipoh.

### **ZALINA SULONG**

Penuntut dari Terengganu ini mengikuti bidang Usuluddin dan ingin berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Beliau gemar membaca buku-buku ilmiah, pendidikan, politik dan undang-undang. Pernah menuntut di Sek Men (U) Tok Jiring, Kuala Terengganu.

### **ZARINA SALLEH**

Berasal dari Selangor dan ingin menjadi pendidik yang berjaya di dunia dan di Akhirat. Mengkhususi bidang Syariah dan gemar membaca buku-buku politik, agama, kaunseling dan novel yang terarah. Pernah menuntut di Sek Ren Keb Batu 9, Jalan Bomba, Tg Karang, SMKA Maahad Hamidiah, Kajang dan Kolej Islam Kelang.

## **TERBITAN A.S. NOORDEEN**

### **Karangan dan Suntingan**

Dasar-dasar Kerajaan Malaysia (1993)  
(bersama Khayati Ibrahim)

Mengurus Secara Islam (1991)

Panduan Wuduk dan Solah Menurut Mazhab Syafi'i  
(1996)

Politik Melayu dan Demokrasi (1995)  
(bersama Khayati Ibrahim)

### **Terjemahan**

Al Qur'an dan Syirik (Muhammad Surty) (1994)

Ekonomi Islam Suatu Perbandingan (Al-Lababidi)  
(1987)

Hubungan Majikan-Pekerja (Hakim Mohamed Said) (1989)

Isu-isu Bio-Perubatan Menurut Islam (Abul Fadl M Ebrahim) (1995)

Indeks Al Qur'an (Afzalur Rahman) (1994)

Muzik dan Nyanyian Menurut Islam (Abu Bilal al-Kanadi) (Akan terbit)

Intisari Seerah Muhammad bin Abdullah SAW (1991)

Seerah Rasulullah SAW (Peringkat Asas) (1990) (Ghazi dan Ghazi)

Syari'ah Islamiah dan Orang-orang Muslim (Al-Shaikh 'Abdul Muhsin) (1987)

#### **TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Etika Perniagaan dan Perakaunan Dalam Islam (Gambling dan Abdel Karim) (Akan terbit)

Perbezaan Mazhab dan Cara Menyelesaikannya Dalam Negara Islam (Amin Ahsan Islahi)

#### **TERBITAN DEWAN PUSTAKA FAJAR**

Beauty and the Modern Women Some Reflections (Ni'mat Sidqi)

**TERBITAN ABIM**

Fiqh Islam dan Prinsip Darurah dan Hajat (M. Muslehuddin) (1993)

Kuiz Islam (Jamalun Nisa') (Akan terbit)

**TERBITAN SYARIKAT ALI 'IMRAN**

Bentuk dan Ciri-ciri Pendidikan Islam (M. Muslehuddin)

# PENYUNTING

*Y*

Yusof Ismail adalah ahli akademik di Universiti Islam Antarabangsa sejak tahun 1986. Beliau pernah berkhidmat di sektor awam dan swasta. Kini, beliau sedang menjalankan penyelidikan dalam bidang pengurusan strategik di United Kingdom. Penyunting adalah graduan ITM dan universiti-universiti di Amerika Syarikat (Karya-karya asal, suntingan dan terjemahan beliau disenaraikan di bahagian akhir buku).

*K*

Khayati Ibrahim pernah berkhidmat sebagai pensyarah sambilan sains politik dan pentadbiran awam di Akademi Islam, Universiti Malaya. Beliau juga adalah graduan ITM dan universiti-universiti di Amerika Syarikat.

Dalam suasana politik di Malaysia apa yang dibimbangkan ialah ketewasan dan kecundungan Melayu Muslim di tanahairnya sendiri. Hal ini mungkin berlaku memandangkan sifat dan struktur politik negara ini. Kelangsungan Melayu Muslim semakin mencabar kerana bilangan peribumi semakin mengecil di negara ibundanya sendiri.

UMNO dan PAS harus sedar bahawa benteng terakhir Islam di rantau ini ialah Malaysia. Di sinilah tempat penentuan, kubu Islam akan roboh ranap sekiranya Melayu Muslim berpecah belah. Dari itu seluruh rakyat Melayu Muslim ingin melihat silaturrahim terjalin antara para penyokong serta para pemimpin UMNO-PAS. Mudah-mudahan Islam dan umatnya di Malaysia akan menjadi lebih kuat dan kukuh.